

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**PIAGAM PELANGGAN SYARIKAT**

SSM menetapkan sasaran pencapaian 99% untuk semua piagam pelanggan bagi entiti syarikat untuk tahun 2023, namun berjaya melepassi sasaran tersebut dengan pencapaian sebenar pada kadar 100%.

Pencapaian piagam pelanggan bagi perkhidmatan berkaitan syarikat pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pemerbadanan Syarikat Baharu	1 Hari	100
Kelulusan Permohonan Nama	1 Hari	100
Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam	1 Hari	100
Pertukaran Nama Syarikat	1 Hari	100
Pertukaran Status Syarikat	1 Hari	100
Pendaftaran Gadaian	2 Hari	100
Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Statistik perkhidmatan PLT dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Permohonan nama	6,677	7,413	10,001
Pendaftaran baharu	3,547	3,661	3,694
Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT	105	74	82
Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT	17	34	28
JUMLAH	10,346	11,182	13,805

Statistik serah simpan pasca pendaftaran PLT dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Perakuan Tahunan	21,053	10,193	6,878
Perubahan maklumat	6,017	5,551	4,796
Penukaran nama	268	286	222
Rektifikasi	219	177	101
Permohonan lanjutan masa	64	41	65
JUMLAH	27,621	16,248	12,062

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

SISTEM MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MyCoID)

Pada tahun 2023, sistem MyCoID menerima sebanyak 713,956 permohonan, peningkatan daripada 677,735 permohonan pada tahun 2022, menunjukkan peningkatan sebanyak 36,221 permohonan atau 5.34%.

Selain itu, 52,876 syarikat telah diperbadankan melalui sistem MyCoID pada tahun 2023, mencatatkan peningkatan sebanyak 4,623 syarikat atau 9.58% berbanding 48,253 pemerbadanan pada tahun 2022.

Statistik perkhidmatan melalui sistem MyCoID dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Permohonan nama syarikat	69,841	66,304	72,345
Pemerbadanan syarikat	52,876	48,253	45,416
Pelantikan setiausaha syarikat pertama	51,918	47,912	45,238
Penyata perumpukan syer	46,230	43,958	43,065
Daftar anggota	142,090	135,677	126,156
Serah simpan perlumbagaan syarikat serta e-stamping	7,198	7,144	6,582
Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar	60,841	58,314	55,256
Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat	231,001	217,969	204,254
<i>Reassignment of company secretary</i>	31,116	30,803	27,636
Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian	20,845	21,401	16,612
JUMLAH	713,956	677,735	642,560

MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)

Sepanjang tahun 2023 sejumlah 545,133 permohonan serah simpan Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan (PK) dan Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK di bawah AS 2016 telah diterima melalui MBRS.

Statistik serah simpan Penyata Tahunan yang diterima melalui MBRS dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Penyata Tahunan bagi syarikat yang mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	496,670	502,041	392,703
Penyata Tahunan bagi syarikat yang tidak mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	1,895	2,021	1,536
Penyata Tahunan bagi syarikat asing (seksyen 576 AS 2016)	534	642	445
Penyata Tahunan bagi tiada pertukaran maklumat (seksyen 68 AS 2016)	18,442	20,112	17,371
JUMLAH	517,541	524,816	412,055

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Statistik serah simpan Penyata Kewangan yang diterima melalui MBRS dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Penyata Kewangan – Beraudit (seksyen 244 AS 2016)	5,202	5,663	5,262
Penyata Kewangan – Tidak beraudit (seksyen 267(2) AS 2016)	1,123	1,467	1,106
<i>Certificate for Exempt Private Company</i> (seksyen 260 AS 2016)	5,970	12,083	10,763
JUMLAH	12,295	19,213	17,131

Statistik serah simpan lanjutan masa yang diterima melalui MBRS dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan pengecualian daripada penyatuan tahun kewangan anak syarikat asing dengan syarikat induk (seksyen 247(5) AS 2016)	19	54	16
Permohonan pengecualian dari serahan Penyata Kewangan dalam format XBRL (seksyen 604(2) AS 2016)	4	3	1
Permohonan pengecualian untuk menyerah Penyata Kewangan oleh syarikat asing (seksyen 575(7) AS 2016)	1	2	2
Permohonan pelepasan dari keperluan kandungan Laporan Pengarah (seksyen 255(1) AS 2016)	1	3	2
Permohonan pelepasan dari keperluan seperti pembentangan dan kandungan Penyata Kewangan (seksyen 255(1) AS 2016)	0	0	0
Permohonan lanjutan masa untuk edaran Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016)	15,204	12,566	4,245
Permohonan lanjutan masa untuk serah simpan Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016)	3	0	0
Permohonan lanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan (seksyen 340(4) AS 2016)	63	76	96
Permohonan lanjutan masa serah simpan Penyata Tahunan (seksyen 609(2) AS 2016)	2	1	7
Permohonan kepada Menteri (berkaitan dengan Penyata Kewangan atau Penyata Tahunan (seksyen 247(8) AS 2016 seksyen 38E ASSM 2001)	0	0	0
JUMLAH	15,297	12,705	4,369

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Bagi tahun 2023, disamping serah simpan secara dalam talian bagi permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2) dan 340 AS 2016, permohonan pengecualian di bawah seksyen 253(2)/ 255(1) AS 2016 dan permohonan pengecualian (*waiver*) di bawah seksyen 575(7) AS 2016, serah simpan juga boleh dibuat melalui serahan kaunter. Sebagai contoh, 11,733 permohonan pengecualian di bawah seksyen 259/ 340 AS 2016 telah diterima dari Januari hingga Disember 2023.

Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2) dan 340, permohonan pengecualian di bawah seksyen 253(2)/ 255(1) dan permohonan pengecualian (*waiver*) di bawah seksyen 575(7) AS 2016 boleh diterima sama ada secara dalam talian dan juga melalui kaunter. Permohonan yang diterima paling tinggi adalah permohonan pengecualian di bawah seksyen 259/ 340 AS 2016 iaitu sebanyak 11,733 bagi tempoh Januari hingga Disember 2023.

Statistik Permohonan Pengurusan Korporat dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2), 340 dan 22(5)(b) AS 2016	11,733	8,631	5,833
Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan Penyata Kewangan Beraudit dan Laporan Pengarah di bawah seksyen 253(2) dan 255(1) AS 2016	66	74	14
Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016	56	41	56
Permohonan pengecualian (<i>waiver</i>) bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016	27	18	13
Serah simpan tawaran awam <i>initial</i> , prospektus ringkas dan dokumen lain yang berkaitan	1,574	1,476	1,501
Obligasi pengarah perbadanan peminjam untuk serah simpan Laporan Suku Tahunan	37	45	51
JUMLAH	13,493	10,285	7,468

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

SBMJ merupakan sebuah syarikat yang boleh ditubuhkan di bawah AS 2016 yang tidak berorientasikan keuntungan, di mana keuntungan syarikat tidak boleh disalurkan kepada ahli-ahli syarikat, contohnya melalui bayaran dividen. Secara amnya, SBMJ perlu menjalankan aktiviti yang dibenarkan oleh seksyen 45 AS 2016 dan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan (Constitution) syarikat bagi tujuan untuk mencapai objektif penubuhannya. Antara objektif yang menjadi kebiasaan penubuhan SBMJ adalah melibatkan kegiatan rekreasi atau hiburan, perdagangan dan industri, seni, sains, agama, kebajikan dan lain-lain.

Seksyen 45 AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ menetapkan supaya SBMJ perlu mendapat kelulusan sama ada Menteri atau Pendaftar Syarikat antaranya bagi pelantikan pengarah, kutipan derma/ sumbangan daripada orang awam dan pindaan perlembagaan.

Statistik permohonan kelulusan Menteri dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan pemerbadanan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad'	43	60	56
Permohonan menggugurkan perkataan 'Berhad'	0	5	3
Permohonan memiliki/ mencagar dan melupus tanah	91	333	52
Permohonan pelantikan pengarah baharu	375	354	384
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai	22	24	19
Permohonan pindaan Perlembagaan	57	52	65
Permohonan pembayaran gaji, fi, elaun tetap dan faedah-faedah lain kepada lembaga pengarah	2	8	8
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	0	3	2
JUMLAH	590	839	589

Statistik permohonan kelulusan Pendaftar dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan bagi pemerbadanan SBMJ dengan perkataan 'Berhad'	43	46	47
Permohonan pelantikan pengarah baharu	619	646	462
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai	31	19	15
Permohonan pindaan Perlembagaan SBMJ	48	40	37
Permohonan pembayaran gaji, fi, elaun tetap dan faedah-faedah lain kepada lembaga pengarah	9	8	17
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	3	3	2
JUMLAH	753	762	580

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

SYARIKAT AMANAH

ASA 1949 (Akta 100) menyediakan kerangka perundangan kepada syarikat amanah untuk menjalankan aktiviti dan operasinya. Syarikat amanah boleh menjalankan fungsi fidusiarinya serta menjadi ejen atau pemegang amanah atau penjaga bagi pihak seseorang atau perniagaan untuk tujuan pentadbiran, pengurusan dan pemindahan.

Sebagai sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah ASA 1949, syarikat amanah juga perlu mematuhi Garis Panduan yang berkaitan, antaranya ialah kelulusan daripada Pendaftar Syarikat bagi pelantikan ketua pegawai eksekutif/pengarah dan serah simpan Laporan Aktiviti Dua Kali Setahun (*Biannual*). Bagi tahun 2023, sebanyak 10 buah syarikat telah didaftarkan sebagai syarikat amanah.

Statistik permohonan di bawah ASA 1949 dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan pendaftaran syarikat amanah	10	9	4
Permohonan pelantikan ketua pegawai eksekutif	4	4	8
Permohonan pelantikan pengarah baharu	12	15	19
Serah simpan Penyata Tahunan	37	26	20
Serah simpan Laporan Aktiviti Dua Kali Setahun (<i>Biannual</i>)	49	51	34
JUMLAH	112	105	85

SKIM KEPENTINGAN

Platform skim kepentingan terbuka kepada semua sektor ekonomi, menawarkan saluran pendapatan atau pembiayaan alternatif untuk menyokong operasi dan pertumbuhan organik perniagaan. Statistik jumlah dana terkumpul dalam bentuk pendapatan perniagaan atau pembiayaan alternatif yang diraih oleh 128 skim kepentingan yang masih aktif untuk tiga (3) tahun terkini (mewakili tiga (3) tahun data berkaitan yang telah diperolehi daripada serah simpan dokumen kepada SSM) adalah sebanyak RM2,611.3 juta.

Statistik pendaftaran skim kepentingan (kumulatif) dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

CIRI SKIM	KATEGORI	2023	2022	2021
Skim Pelaburan	Taman memorial	26	25	23
	Kongsitani	14	14	14
	Peralatan	4	4	4
	Hartanah	11	11	11
	Kelab golf dan rekreasi	72	72	72
Skim Keahlian Rekreasi	Kelab rekreasi melalui saham	0¹	0	22
	Kelab rekreasi	36	36	36
	Marina	10	10	10
Kongsimasa		29	29	29
Gabungan mana-mana skim (Hibrid)		3	3	2
JUMLAH		205	204	223

¹ Bermula tahun 2022, rekod statistik bagi 22 kelab rekreasi melalui saham dikeluarkan daripada statistik pendaftaran Skim Kepentingan kerana ianya bukan merupakan Skim Kepentingan di bawah ASK 2016, berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan SAUJANA RESORT (M) BHD v CHIN CHEN FOH & ORS APPEAL [2021] 3 CLJ 71 yang mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi CHIN CHEEN FOH & ORS v SAUJANA RESORT (M) BHD [2018] 1 LNS 1421. Keahlian kelab ini sebaliknya diberi berdasarkan pegangan saham yang dikawal selia di bawah AS 2016.

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Statistik permohonan dokumen berkanun skim kepentingan dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan pendaftaran skim kepentingan baharu	4	5	5
Permohonan pendaftaran prospektus pertama skim kepentingan	4	5	5
Permohonan kelulusan pemegang amanah skim kepentingan	4	5	5
Permohonan pendaftaran surat ikatan amanah skim kepentingan	4	5	5
Permohonan kepada Menteri untuk pengecualian di bawah seksyen 73(1) ASK 2016	4	5	5
Permohonan pendaftaran prospektus	112	119	114
Permohonan pendaftaran prospektus tambahan skim kepentingan	11	15	6
Serah simpan Penyata Tahunan skim kepentingan	103	109	116
Serah simpan iklan skim kepentingan	53	88	82
Permohonan relif: pelepasan daripada kehendak berhubung bentuk dan kandungan prospektus/ penyataan penzahiran produk bagi skim kepentingan	0	3	2
Permohonan pengecualian kelulusan pemegang kepentingan skim kepentingan di bawah seksyen 21(3) ASK 2016	10	22	20
Notis pertukaran ketua pegawai eksekutif skim kepentingan	10	3	0
Notis penggulungan skim kepentingan	4	4	5
JUMLAH	323	388	370

PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

Penamatan atau penggulungan skim kepentingan boleh berlaku atas pelbagai sebab, seperti kejayaan atau kegagalan untuk mencapai objektif skim tersebut. Dalam sesetengah kes, penutupan awal mungkin merupakan strategi keluar yang lebih sesuai dan lebih menguntungkan pihak-pihak yang terlibat.

SSM telah mengambil pendekatan proaktif dan berstruktur untuk mengawal selia penutupan skim kepentingan secara teratur. Ia memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan penamatan atau penggulungan mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016.

Statistik penamatan atau penggulungan skim kepentingan dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Jumlah skim yang ditamatkan atau digulungkan sehingga 2023: 76 Skim.	4	4	5
(Jumlah ini merujuk kepada skim-skim yang telah ditamatkan atau digulungkan sejak pendaftaran skim pertama pada tahun 1993, termasuk rekod terkini yang diperolehi melalui pemantauan, semakan dan pemeriksaan oleh pejabat penguatkuasaan.)			

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

AKTIVITI SKIM KEPENTINGAN TAHUN 2023

Pemeriksaan skim baru:

- (a) **12 Julai 2023:** Skim Nirvana Memorial Park (Karak) di Pahang.
- (b) **17 Julai 2023:** Skim Pahang MSK Durian Harvest di Pahang.
- (c) **20 Julai 2023:** Skim Tamu Wakalah Investment di Kg. Bharu, Kuala Lumpur.

GADAIAN

Pada tahun 2023, jumlah gadaian yang didaftarkan adalah 31,276, berdasarkan borang yang dihantar melalui kaunter dan sistem MyCoID. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2,613 pendaftaran atau 9.12%, berbanding 28,663 pendaftaran pada tahun 2022. Pendaftaran gadaian adalah berdasarkan ‘Borang Penyata Butir-butir yang Ditetapkan Berkenaan dengan Gadaian’ yang diserah simpan oleh syarikat-syarikat yang mewujudkan suatu gadaian.

Selain itu, jumlah pelepasan gadaian yang didaftarkan pada tahun 2023 adalah 21,836, menunjukkan peningkatan sebanyak 4.77% berbanding 20,859 pendaftaran pelepasan gadaian pada tahun 2022.

Statistik untuk pendaftaran gadaian dan pendaftaran pelepasan gadaian melibatkan jumlah sijil yang dikeluarkan kepada syarikat dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	2023	2022	2021
Pendaftaran Gadaian	31,276	28,663	17,615
Pendaftaran Pelepasan Gadaian	21,836	20,859	10,258
JUMLAH	53,112	49,522	27,873

PENGGULUNGAN SYARIKAT

Pada tahun 2023, sebanyak 2,810 syarikat telah digulungkan, berbanding 2,914 syarikat pada tahun 2022, menunjukkan penurunan sebanyak 0.04%. Selain itu, 2,052 syarikat telah dibubarkan pada tahun 2023, berkurang pada tahun 2022 sebanyak 2,477 yang menunjukkan penurunan sebanyak 21%. Statistik ini adalah berdasarkan jumlah dokumen yang diserah simpan kepada Pendaftar.

Statistik syarikat yang digulungkan dan dibubarkan melalui prosiding penggulungan dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2023	2022	2021
Syarikat yang digulungkan	2,810	2,914	2,112
Syarikat yang dibubarkan melalui penggulungan	2,052	2,477	1,634
JUMLAH	4,862	5,391	3,746

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**PEMBUBARAN SYARIKAT**

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama telah menurun dengan ketara daripada 54,529 pada tahun 2022 kepada 31,936 pada tahun 2023, mencatatkan penurunan sebanyak 41.43%. Dari jumlah ini, 18,771 syarikat dibubarkan melalui permohonan pemotongan nama, manakala 13,165 dibubarkan melalui Inisiatif Pendaftar mengikut seksyen 68(8) AS 2016.

Statistik syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2023	2022	2021
Syarikat yang dibubarkan melalui pemotongan nama	31,936	54,529	30,464

PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2023, sebanyak 446 permohonan diterima di bawah seksyen 556, 557 dan 558 AS 2016, sedikit menurun daripada 487 permohonan yang diterima pada tahun 2022, menunjukkan penurunan sebanyak 8.42%.

Seksyen 556 AS 2016

Pada tahun 2023, 82 permohonan kepada Pendaftar untuk bertindak sebagai wakil syarikat bubar diterima, meningkat daripada 72 permohonan pada tahun 2022, mencatatkan peningkatan sebanyak 13.89%.

Seksyen 557 AS 2016

Sebanyak 363 permohonan diterima di bawah seksyen 557 AS 2016 pada tahun 2023, berkaitan dengan perletakhakan statutori aset (wang tunai) daripada syarikat yang dibubarkan kepada Pendaftar. Ini mencatatkan penurunan daripada 413 permohonan yang direkodkan pada tahun 2022, menunjukkan penurunan sebanyak 12.11%.

Seksyen 558 AS 2016

Pada tahun 2023, SSM menerima satu (1) permohonan untuk pembelian aset yang terletakhak kepada Pendaftar di bawah seksyen 558 AS 2016, berbanding dua (2) permohonan pada tahun 2022, menunjukkan penurunan sebanyak 50%.

Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Statistik bagi permohonan pengurusan aset syarikat bubar dari 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016	82	72	37
Peletakhakan aset kepada Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 557 AS 2016	363	413	246
Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016	1	2	3
JUMLAH	446	487	286

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

AKTIVITI PADA TAHUN 2023

**BENGKEL ANTARA JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN (JKPTG),
PEJABAT TANAH DAN GALIAN (PTG) DAN SSM**

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai undang-undang dan prosedur berkaitan pengurusan tanah di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828), Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Akta Hak Milik Strata 1985. Semasa sesi berlangsung, SSM berkongsi maklumat berharga mengenai pelbagai topik, termasuk pembubaran syarikat, pengurusan aset, pendaftaran skim kepentingan dan pemilikan tanah oleh SBMJ.



MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT (CRM)

CRM merangkumi Perkiraan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM). Kedua-dua CVA dan JM menyediakan rangka kerja bagi syarikat yang menghadapi kesukaran kewangan direhabilitasikan atau mencapai suatu persetujuan penyelesaian hutang syarikat secara keseluruhan atau sebahagiannya.

Perkiraan Sukarela Korporat

CVA adalah suatu proses penstrukturran semula hutang antara syarikat dan pembiutang tanpa memerlukan persetujuan Mahkamah. Sejak CRM berkuat kuasa hingga Disember 2023, sebanyak lapan (8) permohonan telah difaiklan di Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah CVA. Daripada jumlah ini, lima (5) permohonan difaiklan antara 2018 hingga 2020, dua (2) pada tahun 2021 dan satu (1) pada tahun 2022.

Semua cadangan penstrukturran hutang yang berkaitan dengan permohonan ini telah mendapat kelulusan daripada pembiutang dan pemegang saham syarikat.

Statistik untuk permohonan CVA yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan Perkiraan Sukarela Korporat	0	1	2
Cadangan Penstrukturran diluluskan oleh Pembiutang dan Pemegang Saham	0	1	2
Cadangan Penstrukturran tidak diluluskan oleh Pembiutang dan Pemegang Saham	0	0	0
JUMLAH	0	2	4

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**Pengurusan Kehakiman**

Pengurusan Kehakiman (JM) merupakan rancangan penyelamatan yang dipantau oleh mahkamah melibatkan penempatan pengurusan syarikat di bawah seorang pengurus kehakiman yang dilantik oleh Mahkamah. Pada tahun 2023, sejumlah 48 permohonan telah difaillkan ke Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah JM. Daripada permohonan ini, 15 syarikat telah diberikan Perintah JM, menunjukkan bahawa pengurusan mereka telah diletakkan di bawah Pengurusan Kehakiman. Selain itu, dalam tempoh yang sama, 15 syarikat telah dibebaskan dari JM melalui Perintah Mahkamah.


Statistik untuk permohonan JM yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2023	2022	2021
Permohonan Pengurusan Kehakiman di Mahkamah	48	41	28
Perintah Pengurusan Kehakiman diberikan (<i>Application Granted</i>)	15	11	17
Perintah Pengurusan Kehakiman dilepaskan (<i>Discharged Order</i>)	15	11	6
JUMLAH	78	63	51

DATA MAKLUMAT KORPORAT DAN PERNIAGAAN (CBID)

Produk CBID telah menjadi pilihan utama untuk mengakses data entiti perniagaan secara pukal yang disediakan oleh SSM. Ia boleh disuai padan mengikut keperluan dan bajet pelanggan, menjadikannya sangat sesuai untuk pelbagai keperluan. CBID membantu pelbagai sektor, termasuk industri swasta dan korporat, penyelidik, ahli akademik dan pihak berkepentingan lain.

Produk ini menyediakan data komprehensif mengenai syarikat dan perniagaan mengikut sektor, lokasi atau kriteria tertentu. Data ini dibekalkan dalam bentuk statistik serta senarai lengkap maklumat untuk setiap entiti perniagaan. Spesifikasi set data dibahagikan kepada tiga (3) segmen, termasuk:



Pembekalan maklumat entiti perniagaan adalah bertujuan untuk menyokong pertumbuhan sektor perniagaan di pelbagai lokasi, meningkatkan strategi pemasaran, memudahkan rangkaian kerjasama, menjalankan kajian penyelidikan, melakukan analisis pelaburan dan memastikan pangkalan data dikemas kini dengan maklumat terkini. Maklumat ini membolehkan orang awam, terutamanya usahawan, menggunakan data sebagai bahan penyelidikan untuk membuat keputusan perniagaan strategik yang berkaitan dengan memulakan, mengendalikan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Pakej harga yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Fi Pemprosesan

KETERANGAN	FI
Syarikat	RM20.00/ permohonan
Perniagaan	RM10.00/ permohonan
PLT	RM20.00/ permohonan

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Fi Produk

Statistik

KETERANGAN	FI
Syarikat	Bermula daripada RM100.00/ statistik
Perniagaan	Bermula daripada RM20.00/ statistik
PLT	Bermula daripada RM100.00/ statistik

Data Senarai Lengkap

KETERANGAN	FI
Senarai Syarikat (Jadual Keseluruhan)	RM10.00/ Syarikat
• Pakej A ¹ / B ² / C ³ / D ⁴	RM3.00/ Pakej per Syarikat
• Ala Carte	RM1.00/ Jadual per Syarikat
Senarai Perniagaan (Jadual Keseluruhan)	RM10.00/ Perniagaan
Senarai PLT (Jadual Keseluruhan)	RM20.00/ PLT


Nota:

- 1 Maklumat Syarikat, Alamat Daftar, Alamat Perniagaan dan Kod Perniagaan
- 2 Maklumat Syarikat, Pegawai, Pemegang Saham dan Modal Saham
- 3 Maklumat Syarikat, Penyata Imbalan dan Untung Rugi
- 4 Maklumat Syarikat, Gadaian dan Penyerahan Dokumen

Penglibatan Peribadi

KETERANGAN	FI
Senarai Penglibatan (Pengarah, Pemegang Saham, Setiausaha Syarikat, Juruaudit dan Pelikuidasi)	RM50.00 setiap nombor ID
Senarai Penglibatan (Pemilik Perniagaan)	RM10.00 setiap nombor ID
Senarai Penglibatan (Pekongsi dan Pegawai Pematuhan)	RM100.00 setiap nombor ID

Jumlah permohonan CBID yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:



LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN**

SSM menyediakan perkhidmatan perundingan serta penyampaian maklumat yang komprehensif dan terkini berhubung proses persediaan perniagaan di Malaysia melalui kerjasama dengan agensi kerajaan serta badan profesional lain sebagai usaha untuk menyelaraskan kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Malaysia.

Terdahulu, SSM Business Ownership 101 Tools telah dibangunkan melalui portal SSM4U yang bertujuan untuk membantu orang awam terutamanya pelanggan SSM membuat pilihan entiti perniagaan yang bersesuaian untuk didaftarkan di SSM.

Selanjutnya, modul Nasihat Perniagaan telah dibangunkan pada 17 Mei 2023 melalui aplikasi mudah alih rasmi SSM, MySSM yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store, Google Play Store dan Huawei App Gallery.

Berikut merupakan antara lima (5) pertanyaan am yang kerap diajukan kepada SSM seperti:

- (a) Jenis entiti-perniagaan di Malaysia;
- (b) Status warganegara asing sebagai 100% pemegang saham bagi Syarikat Berhad Menurut Syer;
- (c) Kategori kod MSIC yang bersesuaian dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan;
- (d) Persediaan sesebuah entiti perniagaan yang melibatkan polisi/ garis panduan agensi lain; dan
- (e) Persediaan sesebuah entiti perniagaan yang melibatkan warganegara asing.

Jumlah inkirian dan pertanyaan yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:

2023

225

2022

422

2021

173

SSM BIZTRUST

SSM BizTrust telah dijenamakan semula melalui pengenalan *business starter kit* berbentuk Kod QR SSM BizTrust dengan mengambil kira keadaan persekitaran pertumbuhan di dalam bidang teknologi dan perniagaan e-Dagang; di samping turut memperkasakan pematuhan ke atas setiap entiti perniagaan yang berdaftar di bawah peruntukan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM.

Business starter kit ini berfungsi sebagai pengesahan serta pengenalan identiti digital yang akan memaparkan maklumat asas entiti perniagaan seperti nama serta nombor pendaftaran entiti perniagaan, status dan alamat URL perniagaan sebagai output kepada imbasan melalui aplikasi MySSM.

MySSM is a mobile application that offers access to information of registered business entities with the Companies Commission of Malaysia.

The display through the scanning of the SSM BizTrust QR Code include:



LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Di dalam usaha memperluaskan inisiatif ini, modul SSM BizTrust telah dibangunkan secara interim melalui portal SSM4U di bawah carian modul e-Search -> Other Services bermula pada 17 April 2023 bagi membolehkan syarikat memperoleh keistimewaan yang sama sebagaimana perniagaan dan PLT.

Usaha ini adalah kesinambungan bagi pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust yang boleh dicapai secara percuma melalui portal SSM EzBiz Online ([https://ezbiz\(ssm.com.my\)](https://ezbiz(ssm.com.my))) oleh semua perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP 1956 dan melalui sistem MyLLP ([https://myllp\(ssm4u.com.my](https://myllp(ssm4u.com.my)) di portal SSM4U (<https://ssm4u.com.my>) oleh entiti PLT yang didaftarkan di bawah APLT 2012.

Jumlah pendaftaran SSM BizTrust sejak diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 1,675,220 entiti perniagaan dengan pecahan seperti berikut:

EZBIZ ONLINE
Business entities registered under the Registration of Business Act 1956 can download SSM BizTrust QR Code through / via EzBiz Online portal. ([https://www.ezbiz\(ssm.com.my](https://www.ezbiz(ssm.com.my))

MYLLP
Business entities registered under the Limited Liability Partnership Act 2012 can download SSM BizTrust QR Code through / via MyLLP system at SSM4U portal. ([https://www.myllp\(ssm4u.com.my](https://www.myllp(ssm4u.com.my))

SSM4U
Every business entity including Companies can download SSM BizTrust QR Code through / via SSM4U portal. (<https://www.ssm4u.com.my>)

TAHAP	PENDAFTARAN
T1 – Pendaftaran¹	680
T1 (Auto – SSM EzBiz Online) (Pendaftaran Perniagaan – Pemilikan Tunggal)	1,415,731
T1 (Auto – SSM EzBiz Online) (Pendaftaran Perniagaan – Perkongsian)	224,472
T1 (Auto – MyLLP) (Pendaftaran – PLT)	34,038
T1 (Auto – Portal BizTrust) (Pendaftaran – Syarikat)	86
T2 – Tahap 1 + Prinsip Privasi² atau Prinsip Keselamatan³	33
T3 – Tahap 1 + Prinsip Privasi² dan Prinsip Keselamatan³	180
JUMLAH	1,675,220

Nota:

1 Entiti berdaftar dan mempunyai kredibiliti yang baik dengan SSM serta mematuhi amalan perniagaan selari dengan Prinsip Pendaftaran SSM BizTrust.

2 Entiti memberi jaminan serta komitmen bahawa sistem/ portal mampu melindungi privasi para pelanggan selari dengan Prinsip Privasi SSM BizTrust.

3 Entiti memberi jaminan serta komited untuk melindungi keselamatan sistem/ portal selari dengan ketetapan Prinsip Keselamatan SSM BizTrust.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan, SSM telah melaksanakan pengstrukturan bagi Seksyen Perhubungan Pelanggan (SPP) dengan menubuhkan Unit Pengurusan Operasi dan Unit Sokongan Operasi serta Pembangunan Perkhidmatan. Pengstrukturan ini melibatkan seramai 60 warga kerja, berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Dengan mengoptimumkan dan menstruktur semula penggunaan sumber, SSM berusaha untuk memperkemas operasinya, meningkatkan tahap kecekapan, serta menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggannya. Inisiatif ini bertujuan untuk memaksimumkan keberkesanan dalam sambil memastikan pengalaman pelanggan yang lebih lancar dan responsif.

Fungsi utama SPP adalah untuk memastikan pelanggan menerima pengalaman terbaik dengan menawarkan perkhidmatan nasihat berkualiti tinggi. Selain itu, SPP berusaha untuk menjana pendapatan melalui inovasi perkhidmatan yang memudahkan interaksi antara pelanggan dan SSM. Dengan menumpukan perhatian kepada penyediaan nasihat berkualiti tinggi serta merangka penyelesaian perkhidmatan yang inovatif, SPP berusaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan secara keseluruhan. Pendekatan ini juga bertujuan memperkuuh interaksi dengan organisasi, memastikan setiap perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik dan berkesan.

Pada tahun 2023, SSM menerima sejumlah 317,843 transaksi pertanyaan pelanggan melalui dua (2) saluran utama: panggilan telefon dan e-mel. Walau bagaimanapun, peratusan keseluruhan pertanyaan pelanggan yang diterima oleh SSM menurun sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya.

Secara khusus, pada tahun 2023, jumlah panggilan telefon yang diterima oleh SSM adalah 187,141, berkurang daripada 224,729 pada tahun 2022, menunjukkan penurunan sebanyak 17%. Begitu juga, jumlah e-mel yang diterima pada tahun 2023 adalah 130,702, berbanding 135,071 pada tahun sebelumnya, menunjukkan penurunan sebanyak 3%. Penurunan ini menunjukkan pengurangan dalam interaksi pelanggan melalui kedua-dua panggilan telefon dan e-mel berbanding tahun sebelumnya.

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Statistik transaksi panggilan telefon dan e-mel yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	PANGGILAN TELEFON	E-MEL	JUMLAH
2023	187,141	130,702	317,843
2022	224,729	135,071	359,800
2021	290,515	193,500	484,015

Lima (5) pertanyaan tertinggi yang diterima oleh SSM adalah seperti berikut:

- (a) Pertanyaan berkaitan permohonan pendaftaran perniagaan secara dalam talian/ perubahan/ pembaharuan perniagaan melalui portal SSM EzBiz Online;
- (b) Pertanyaan berkaitan serah simpan dokumen berkanun syarikat melalui sistem MBRS;
- (c) Pertanyaan berkaitan garis panduan, produk dan data profil entiti perniagaan melalui perkhidmatan MyDATA;
- (d) Pertanyaan berkaitan Pemberitahuan Perubahan dalam Daftar Pengarah/ Pengurus/ Setiausaha Syarikat melalui sistem MyCoID; dan
- (e) Pertanyaan berkaitan Deklarasi Tahunan melalui MyLLP.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (Perkhidmatan Kaunter)

Pencapaian piagam pelanggan bagi tahun 2023 adalah seperti di bawah:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	98.57
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1)	15 Minit	99.92
Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B)	1 Jam	99.03
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Minit	95.77

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (EzBiz Online)

Pencapaian piagam pelanggan bagi tahun 2023 adalah seperti di bawah:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 hari bekerja	90.00
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1)	Auto approve	100.00
Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B)	1 hari bekerja	96.00
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	1 hari bekerja	98.00

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN EZBIZ ONLINE

EzBiz Online adalah perkhidmatan pendaftaran perniagaan dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk membolehkan pengguna mendaftarkan perniagaan baharu, memperbaharui pendaftaran perniagaan, mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan, menamatkan perniagaan dan bayaran kompaun di bawah APP 1956.

Perkhidmatan ini merupakan satu (1) saluran alternatif bagi transaksi perkhidmatan melalui kaunter yang lebih mudah dan menjimatkan kos serta masa pelanggan. Perkhidmatan ini disediakan 24 jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu melalui akses ke portal SSM EzBiz Online (<https://ezbiz.ssm.com.my/>).

Setiap pemilik dan rakan kongsi diwajibkan mendaftar sebagai pengguna portal SSM EzBiz Online dan melaksanakan pengaktifan akaun pengguna sebagai syarat pendaftaran bagi menjaga keselamatan pengguna perkhidmatan tersebut.

Pada tahun 2023, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap perkhidmatan EzBiz Online yang membolehkan 95% transaksi pendaftaran perniagaan dilaksanakan secara dalam talian.

Statistik transaksi EzBiz Online dari tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di bawah:

TRANSAKSI	2023	2022
Pendaftaran Akaun Pengguna	259,359	330,123
Pendaftaran Perniagaan Baharu	317,264	318,850
Pendaftaran Perubahan Perniagaan	185,638	184,746
Pendaftaran Penamatkan Perniagaan	20,715	27,977
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan	509,712	536,206
JUMLAH	1,328,688	1,397,902

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN**

Perkhidmatan pendaftaran perniagaan melalui kaunter SSM masih diteruskan sekiranya terdapat golongan warga emas dan OKU yang menghadapi masalah teknikal atau kurang kefahaman bagi menggunakan perkhidmatan SSM EzBiz Online.

Pegawai SSM akan membantu mereka untuk memproses pendaftaran secara terperinci. Pendekatan ini memastikan proses pendaftaran perniagaan yang lebih lancar, efisien dan inklusif bagi semua pengguna.

Sebagai tambahan, penyediaan sokongan khusus untuk individu yang menghadapi kesukaran teknikal atau cabaran dalam mengakses perkhidmatan dalam talian adalah selari dengan prinsip ketercapaian dan tanggungjawab sosial. Inisiatif ini mencerminkan komitmen teguh SSM untuk memenuhi keperluan pelbagai lapisan masyarakat, serta memastikan akses yang adil dan menyeluruh kepada perkhidmatan kerajaan. Pendekatan ini memperkuuh usaha SSM dalam mempromosikan keterangkuman digital dan memperkasakan pengguna dalam menjalankan urusan perniagaan mereka dengan lebih lancar dan efisien.

Statistik transaksi pendaftaran perniagaan melalui kaunter dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

2023	2022	2021
4,386	5,016	6,542

SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

Berkuat kuasa 15 Februari 2023, Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin telah dijenamakan semula kepada Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan dalam golongan usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan.

Inisiatif SPPP diperkenalkan bagi membolehkan golongan usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa untuk menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan sehari-hari mereka.

Selanjutnya, inisiatif SPPP ini juga dijangka akan menyumbang dalam merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di Malaysia.

Secara keseluruhan, penjenamaan semula SPPP mencerminkan komitmen baharu untuk memperkasakan individu dan komuniti melalui keusahawanan, terutamanya selepas cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

Jumlah pendaftaran SPPP dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2023	2022	2021
Usahawan (Kumpulan B40)	27,862	8,237	17,908
Pelajar IPT Sepenuh Masa	15,845	16,310	8,394
JUMLAH	43,707	24,547	26,302

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

S1O1P diperkenalkan bertujuan untuk memberi fokus serta galakan kepada golongan istimewa untuk menyertai bidang perniagaan secara sah dan seterusnya mempertingkatkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan.

Statistik pendaftaran S1O1P yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:

KATEGORI	2023	2022	2021
Pendaftaran Perniagaan Baharu	1,719	1,460	1,752
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan	3,100	2,889	2,870
JUMLAH	4,819	4,349	4,622

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) - KUALA LUMPUR DAN PERLIS

Statistik transaksi yang diterima di UTC Kuala Lumpur dan Perlis dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

UTC	2023		2022		2021	
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN
Kuala Lumpur	-	430	-	360	-	780
Perlis	1,242	39	1,060	165	940	118

PLATFORM PEMBAHARUAN PERNIAGAAN MELALUI KIOSK TAP.IT (terdahulu Perkhidmatan EzBiz Kiosk)

Melalui 1 Januari 2023, perkhidmatan pembaharuan perniagaan, pembekalan maklumat perniagaan dan pembayaran kompaun melalui kiosk dibekalkan sepenuhnya oleh ejen yang dilantik iaitu Safeguards Kioskmmedia Sdn Bhd. Sebanyak 397 unit Kiosk Tap.It ditempatkan di lokasi-lokasi terpilih di seluruh Malaysia bagi memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan SSM.

Statistik transaksi yang diterima di Kiosk Tap.It bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2023
Pembaharuan Perniagaan	136,989
Pembekalan Maklumat Perniagaan	76,822
Pembayaran Kompaun	63,520
JUMLAH	277,331

APLIKASI MySSM

Aplikasi MySSM merupakan aplikasi mudah alih SSM yang komprehensif serta dilengkapi dengan ciri-ciri yang menarik. Aplikasi ini menawarkan capaian maklumat berkaitan entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM melalui modul e-Perkhidmatan seperti:

e-Semak	e-Kueri	e-Kompaun	Status 308
SSM BizTrust	e-Renewal	Pembaca QR DCTC SSM	Nasihat Perniagaan

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**KAUNTER PERKHIDMATAN PEMERBADANAN SYARIKAT**

Statistik transaksi penerimaan dokumen berkanun syarikat melalui kaunter dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2023	2022	2021
Dokumen dengan bayaran	326,483	339,947	418,544
Dokumen tanpa bayaran	94,753	88,734	88,746
JUMLAH	421,236	428,681	507,290

PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SECARA DALAM TALIAN KEPADA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN (KJAKP)

Pelaksanaan pembekalan maklumat secara dalam talian kepada KJAKP yang diperkenalkan SSM melalui KJAKP Access Portal adalah merupakan satu (1) inovasi yang bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada KJAKP dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini melalui aplikasi dalam talian.

Sumbangan SSM melalui platform ini merupakan kerjasama antara Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) bagi membantu kementerian/ agensi membanteras jenayah komersil, meningkatkan hasil dalaman serta memastikan integriti dan imej negara sentiasa terpelihara.

Dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, SSM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas KJAKP Access Portal. Penambahbaikan ini termasuk:




Pakej-pakej yang ditawarkan melalui KJAKP Access Portal adalah:

PAKEJ	KETERANGAN
Pakej 1	<ul style="list-style-type: none"> • Profil syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan
Pakej 2	<ul style="list-style-type: none"> • Profil syarikat DENGAN maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan
Pakej 3	<ul style="list-style-type: none"> • Profil lengkap syarikat dan imej dokumen TANPA pengesahan • Hanya digunakan untuk tujuan siasatan dan mahkamah
Pakej One Off	<ul style="list-style-type: none"> • Profil lengkap syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan • Tempoh sah laku akses adalah selama lima (5) hari dan carian maklumat korporat maksimum terhad kepada 50 carian sahaja

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Jumlah agensi yang berdaftar sebagai pengguna KJAKP Access Portal dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:



Jumlah pengguna berdasarkan pakej yang diperkenalkan adalah seperti di bawah:


TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2023	18	74	192	284
2022	31	121	262	414
2021	30	85	153	268

Statistik penggunaan KJAKP Access Portal adalah seperti di bawah:

TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2023	17,772	80,678	141,764	240,214
2022	47,039	172,595	438,955	658,589
2021	27,146	157,610	258,842	443,598


PERKHIDMATAN SSM E-INFO

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:



PERKHIDMATAN MYDATA-SSM

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:




LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PORTAL XCESS

Portal XCESS merupakan platform yang dibangunkan SSM bertujuan untuk penjualan maklumat korporat bagi PLT dan pembelian maklumat Penglibatan Peribadi dalam Syarikat, Perniagaan dan PLT. Portal ini diperkenalkan pada 2 September 2021 dan boleh diakses secara dalam talian di pautan <https://ssm4u.com.my>.

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:



PERKHIDMATAN INTEGRASI DALAM TALIAN MELALUI SSM MIDDLEWARE


SSM telah melaksanakan satu (1) Projek Gerbang Integrasi Nasional yang dikenali sebagai SSM Middleware bermula 6 Mei 2016. Projek ini dibangunkan untuk memudahkan protokol komunikasi menggunakan *Application Programming Interface (API)* antara sistem SSM dan aplikasi-aplikasi yang lain.

Visi SSM Middleware adalah untuk mewujudkan platform teknologi yang agil, dibangunkan untuk memudahkan perkongsian data melalui format standard supaya pelaksanaan dan penyelenggaraan antara sistem dan aplikasi lebih mudah, pantas dan pada kos yang lebih rendah.

Melalui inisiatif strategik ini, SSM dapat memperkuuhkan pembekalan maklumat korporat SSM dengan cara yang lebih efisien dan terkini. Maklumat korporat yang boleh dibekalkan merangkumi maklumat sesebuah entiti perniagaan, laporan kewangan dan butiran korporat yang lain. Melalui penyediaan integrasi maklumat yang komprehensif ini, ketelusan dapat dipertingkatkan dan memberikan nilai tambah kepada pihak-pihak berkepentingan.

Perkhidmatan ini telah ditawarkan kepada KJAKP sebagai inisiatif yang lebih cekap dan tangkas untuk menggalakkan perkhidmatan dalam talian bagi perkongsian data. SSM telah menawarkan perkhidmatan kepada ini pihak bank, swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan juga entiti korporat.

Jumlah integrasi baharu secara dalam talian dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di bawah:



SSM DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY (DCTC SSM)

Perkhidmatan salinan dokumen disahkan benar secara digital (*Digital Certified True Copy*) ditawarkan kepada pelanggan bagi salinan imej dokumen atau maklumat korporat SSM. Perkhidmatan ini merupakan transformasi bagi menggantikan pengesahan salinan diakui sah ke atas dokumen/ maklumat korporat SSM yang sebelum ini dibuat secara manual di kaunter.

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Statistik pembelian dokumen/ produk DCTC SSM dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	SSM E-INFO	MYDATA-SSM
2023	184,901	548,947
2022	141,128	550,674
2021	138,242	466,030

Bermula 10 November 2023, penggunaan aplikasi Pembaca QR DCTC SSM yang sebelum ini digunakan untuk menyemak semua dokumen/ produk SSM DCTC telah beroperasi sepenuhnya di aplikasi MySSM.

Pengguna mempunyai pilihan untuk mengesahkan dokumen dan produk SSM DCTC melalui dua (2) platform:

- (a) **MySSM App:** Pengguna boleh mengimbas kod QR menggunakan aplikasi MySSM untuk mengesahkan kesahihan dokumen SSM DCTC dengan cepat dan mudah.
- (b) **SSM DCTC Web Checker:** Sebagai alternatif, pengguna boleh mengesahkan dokumen dengan memasukkan nombor siri melalui laman sesawang perkhidmatan SSM DCTC Web Checker yang boleh diakses di <https://ssm4u.com.my>.

Perkhidmatan DCTC SSM dapat memastikan kesahihan dokumen maklumat korporat SSM oleh pihak pelanggan. Selain daripada itu, kaedah semakan terhadap dokumen DCTC SSM yang disediakan ini adalah pantas, mudah digunakan dan boleh dimuat turun dengan percuma sahaja.

POSTER PRODUK DAN PERKHIDMATAN SSM: LEBIH VIBRANT DAN MUDAH

Mulai tahun 2023, SSM telah memperkenalkan inisiatif reka bentuk baru poster produk dan perkhidmatan menggunakan daya tarikan visual tinggi serta kemudahan maklumat melalui penggunaan kod QR bagi menarik minat serta perhatian pelanggan SSM.

Poster ini merupakan elemen utama dalam pelan pemasaran SSM sebagai alat yang berkesan dalam menyampaikan mesej berbentuk interaktif untuk meningkatkan daya tarikan dan pemahaman pelanggan SSM termasuk pihak berkepentingan.

Reka bentuk poster ini lebih menitikberatkan penggunaan warna dan penyampaian mesej mudah difahami bagi memastikan maklumat SSM yang disampaikan jelas serta mengikut peredaran masa.

Melalui inisiatif reka bentuk baru ini, SSM berhasrat untuk menghasilkan bahan yang menarik secara visual dan informatif yang sesuai dengan sasaran penontonnya, dengan matlamat untuk meningkatkan komunikasi serta mempromosikan kesedaran dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap produk dan perkhidmatannya.

GARIS PANDUAN DATA MODELLING

SSM telah mengeluarkan Garis Panduan *Data Modelling* yang komprehensif pada 1 September 2023, menandakan pencapaian penting dalam usaha SSM untuk menyelaraskan pembangunan dan penggunaan *data model* di seluruh landskap organisasi. Garis panduan ini merupakan inisiatif penting yang bertujuan untuk memperkemas reka bentuk pangkalan data aplikasi dan meningkatkan standard pengurusan data SSM ke tahap kecekapan dan keberkesanan yang lebih tinggi.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Program Kesedaran Enterprise Architecture (EA)

Pada tahun 2023, SSM telah membangunkan Program Kesedaran EA untuk meningkatkan pemahaman dan penglibatan di kalangan warga kerja SSM. Aktiviti yang dijalankan sebagai sebahagian daripada program ini termasuk yang berikut:

- (a) Hebahan Prinsip-Prinsip Rekabentuk EA
- (b) Perkongsian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat IT (*Gartner Research & Advisory*)
- (c) *Employee Development Training* (EDT)
- (d) Program *Meet & Greet* bersama warga kerja SSM di Pejabat Negeri

SESI PERKONGSIAN PELAKSANAAN iXBRL (SECARA MAYA) BERSAMA WAKIL UNITED KINGDOM (UK) COMPANIES HOUSE



Wakil Sesi Perkongsian Pemfailan iXBRL dari UKCH

Pada 6 Disember 2023, SSM diberikan peluang untuk menghadiri mesyuarat secara maya bersama wakil dari UK Companies House (UKCH). Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mempelajari kisah kejayaan UKCH dalam melaksanakan iXBRL bagi pemfailan akaun. Topik yang dibincangkan menumpukan kepada arkitek peringkat tinggi sistem pemfailan, kaedah pemfailan, taksonomi, prestasi sistem, penggunaan perisian pihak ketiga, keperluan integrasi dan keselamatan data. Selain itu, sesi ini juga berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik untuk penglibatan pengguna, cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan dan strategi untuk memastikan pematuhan kepada piawaian peraturan. Perkongsian yang diperoleh daripada mesyuarat ini sangat berharga untuk menambah baik sistem dan proses pemfailan SSM.

PROGRAM LET'S COFFEE WITH CHANGE MANAGEMENT




Program Let's Coffee with Change Management bersama Pengurusan Tertinggi SSM

Program *Let's Coffee with Change Management* yang diadakan pada 11 Disember 2023 menyediakan persekitaran santai bagi warga kerja SSM untuk membincangkan perkembangan terkini mengenai aktiviti EA. Para peserta berpeluang untuk berkongsi pandangan dan pengalaman, memupuk budaya komunikasi terbuka dan kerjasama dalam organisasi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang inisiatif EA yang sedang dijalankan dan impaknya terhadap kecekapan operasi SSM. Dengan menggalakkan dialog antara warga kerja, pihak Pengurusan SSM berusaha untuk menguatkan komitmen terhadap Pengurusan Perubahan, memastikan semua warga kerja mengikuti perkembangan mengenai hala tuju strategik dan objektif organisasi.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

MESYUARAT JAWATANKUASA REKABENTUK (JKR) SSM

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Rekabentuk (JKR) SSM bagi tahun 2023 adalah seperti di bawah:



Garis masa Mesyuarat JKR 2023


MESYUARAT ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA) BOARD SSM

Pelaksanaan Mesyuarat EA Board SSM bagi tahun 2023:

- (i) Mesyuarat EA Board Bil. 1/2023 (6 Disember 2023)

MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL INTEGRASI (JKI) SSM

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Integrasi (JKI) SSM bagi tahun 2023 adalah seperti di bawah:



Garis masa Mesyuarat JKI 2023

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT 2023

SSM telah mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan program kesedaran keselamatan yang disesuaikan dengan warga kerja SSM. Satu (1) siri lengkap merangkumi lima (5) program kesedaran telah dilaksanakan bertujuan untuk memupuk budaya kesedaran dan pengukuhan siber di kalangan warga kerja SSM.

- (a) Seminar Keselamatan - User Driven Data Classification
- (b) Program Kesedaran Keselamatan ICT - 'Ransomware'
- (c) Program Kesedaran Keselamatan ICT - 'Phishing, Protect Yourself at All Cost'
- (d) Program Kesedaran Keselamatan ICT - Pengaruh Media Sosial dan Perkembangan Jenayah Siber

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**PELANCARAN PROJEK SSM4U V2**

Pada 13 April 2023, SSM4U secara rasmi dilancarkan sebagai versi kedua Portal SSM4U sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-21 SSM. Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri PDN, telah merasmikan majlis pelancaran tersebut. SSM4U berfungsi sebagai pusat utama bagi pelbagai sistem SSM, menggabungkan platform seperti EzBiz, MyCoID, MBRS, MyLLP, XCESS dan DCTC di bawah satu saluran yang terkoordinasi. Pengintegrasian ini memudahkan akses kepada perkhidmatan dan sumber utama, menawarkan pengalaman yang lancar kepada pengguna semasa menerokai pelbagai fungsi yang ditawarkan oleh SSM.

Portal ini juga merupakan gerbang bagi sistem enterprise dan korporat SSM, membolehkan pelanggan mengakses pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan dengan lebih mudah. Versi terbaru SSM4U memperkenalkan elemen *user interface* (UI) dan *user experience* (UX) yang lebih baik, menawarkan interaksi yang lebih mesra pengguna kepada semua pihak berkepentingan. Di samping itu, ciri keselamatan terkini telah digunakan untuk meningkatkan ketahanan platform daripada ancaman siber serta memastikan data dan transaksi yang sensitif dilindungi dengan lebih baik. Penambahbaikan ini menjadikan SSM4U sebagai platform yang lebih teguh dan boleh dipercayai, memudahkan pelanggan untuk berurusan dengan SSM secara selamat dan cekap.

SIMULASI PEMULIHAN BENCANA

Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) bertujuan untuk memastikan kesiap-siagaan semua sistem maklumat berkomputer SSM menghadapi kemungkinan bencana. Sebarang gangguan terhadap sistem maklumat SSM akan memberi kesan yang besar kepada operasi SSM secara keseluruhan. Susulan dari Projek *ICT Infrastructure Refresh*, satu semakan semula terhadap prosedur dan proses pemulihan bencana telah dijalankan. Semakan ini memerlukan pelaksanaan simulasi untuk memastikan bahawa proses dan prosedur berada pada tahap yang paling cekap dalam memastikan Objektif Titik Pemulihan (RPO) dan Objektif Tempoh Pemulihan (RTO). Ia juga bertujuan untuk memastikan pengurusan Risiko Operasi SSM berada dalam keadaan yang paling cekap. Terdapat dua (2) simulasi Pemulihan Bencana yang dijalankan pada tahun 2023 iaitu pada bulan Ogos dan November. Satu (1) Simulasi BCM yang melihat perjalanan keseluruhan ekosistem untuk mengendalikan sebarang situasi yang berbahaya, termasuk sumber manusia, rancangan komunikasi serta teknologi, dasar dan proses semasa bencana telah dijalankan.

INISIATIF PEMBANGUNAN SISTEM DALAMAN SSM

Salah satu strategi utama dalam Pelan Strategik ICT SSM adalah memastikan kemampuan pembangun sistem dalaman untuk menyokong operasi sistem-sistem di SSM dengan cekap. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan keupayaan teknikal dalaman, memperkuuh kebolehan operasi sistem secara berterusan dan memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan organisasi serta selaras dengan objektif transformasi digital. Oleh itu, beberapa sistem komputer telah dibangunkan secara dalaman. Antara sistem-sistem tersebut termasuk:

1 XCess KJAKP	2 Sistem Pemunyaian Benefisial Elektronik (e-BOS)	3 SSM4U versi 2	3 E-Comtrac (Sistem dalam talian bagi Akademi Latihan SSM)
--------------------------------	--	----------------------------------	---

Sistem-sistem ini telah dibangunkan dan diuji pada tahun 2023 dan bersedia untuk dilancarkan penggunaannya pada tahun 2024.

SSM DAN MyGDX

SSM merupakan antara organisasi yang terawal dalam inisiatif perkongsian data terbuka. Pihak MAMPU telah menjemput beberapa organisasi utama kerajaan untuk melaksanakan inisiatif Pertukaran Data Maklumat dalam kalangan agensi-agensi Kerajaan. Inisiatif perkongsian data ini akan meningkatkan kecekapan saluran kerajaan, khususnya dalam urusan perniagaan dan pengesahan transaksi dalam talian. Program ini dikenali sebagai Pertukaran Data Pusat Kerajaan Malaysia (MyGDX). SSM telah menerima anugerah sebagai organisasi yang terawal terlibat dalam program ini.

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

AKTIVITI PENGURUSAN PROJEK ENTERPRISE

Tahun 2023, merupakan tahun peralihan Seksyen ini daripada Seksyen kepada Bahagian bermula 1 Januari 2023 apabila dinaik taraf sebagai Bahagian Pengurusan Projek Enterprise (BPPE).

BPPE terdiri dari tiga (3) komponen penting bagi penyelarasan, penyediaan, koordinasi dan pelaksanaan projek-projek Hala Tuju. Tiga (3) komponen penting ini terdiri dari Unit Pengurusan Projek (yang merangkumi Pengurus Projek, Eksekutif Projek dan Business Analysts), Unit Pentadbiran dan Unit Pengurusan Perubahan (Change Management).

Selain dari penglibatan secara aktif oleh pasukan projek, terdapat Unit Pentadbiran Projek yang berfungsi sebagai menyelia tugas pentadbiran projek termasuk menyediakan laporan keseluruhan kemajuan projek, memantau pencapaian projek mengikut perjanjian kontrak, menguruskan dokumentasi pembayaran projek dan menjadi sekretariat mesyuarat. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 15 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (PSC) SSMTP/ Hala Tuju telah dilaksanakan dan sebanyak dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Interim Pembangunan ICT (JKICT) telah bersidang.

PELAKSANAAN AKTIVITI PROJEK HALA TUJU SSM

Bagi merealisasikan objektif pembangunan setiap projek, pelbagai aktiviti telah disusun, dirangka dan berjaya dilaksana pada tahun 2023. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah bagi memastikan setiap projek dapat dibangunkan mengikut skop, kos dan garis masa yang telah ditetapkan. Berikut merupakan ringkasan aktiviti-aktiviti utama setiap projek yang telah berjaya dilaksanakan pada 2023:

PROJEK	AKTIVITI						
	Penyediaan Rekabentuk	Penyediaan Dokumen Spesifikasi Tender	Penyediaan URS	Mesyuarat Kick Off	Penyediaan Dokumen Teknikal	Pengujian sistem	Go-live
HT1-MyLLP						✓	✓
HT2-RMS			✓	✓	✓		
HT4-CRS				✓	✓		
HT6-DM	✓		✓				
HT8-FMS			✓	✓	✓		
HT9-CRM						✓	✓
HT10-BAS	✓	✓	✓				
HT11-EP		✓	✓				
HT14-MPSI						✓	

HT1-PENDAFTARAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (MyLLP)

Projek HT1-MyLLP merupakan projek di bawah kategori Quick Win bagi pembangunan sistem interim bagi transaksi melibatkan entiti perkongsian liabiliti terhad (PLT). Projek HT1-MyLLP telah dibahagikan kepada fasa 1A, fasa 1B dan Beneficial Ownership (BO) MyLLP.

Pembangunan Fasa 1A projek ini telah bermula pada Disember 2019 dan telah go-live pada 19 Ogos 2021. Fasa ini melibatkan pembangunan modul seperti sistem MyLLP sedia ada dan beberapa modul lain bertujuan menambah baik sistem yang akan mengawal selia PLT seperti ditetapkan dalam APLT 2012. Seterusnya, pembangunan bagi Fasa 1B telah go-live pada 30 Disember 2022. Pembangunan fasa ini adalah melibatkan tiga (3) modul iaitu Modul Pengurusan Kompaun, Modul Penerimaan dan Modul Produk API.

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Manakala, Fasa BO HT1-MyLLP pula melibatkan pembangunan bagi modul Pemunyaan Benefisial. Aktiviti pembangunan fasa BO HT1-MyLLP telah bermula pada Januari 2023. Kini, modul Pemunyaan Benefisial di Sistem MyLLP telah bersedia 100% untuk Go-Live di production environment. Walau bagaimanapun tarikh sebenar Go-Live modul ini tertakluk kepada tarikh kuatkuasa Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan bagi APLT 2012.

HT2-REVENUE MANAGEMENT SYSTEM (RMS)

HT2-RMS merupakan projek berkeutamaan tinggi yang bertujuan membangunkan sistem kutipan hasil yang menyeluruh dan bersepada. Projek ini akan menyatukan kutipan, penyelaras dan pelaporan hasil di SSM, memastikan proses yang lebih efisien dan sistematik.

Projek HT2-RMS kini berada dalam fasa pembangunan selepas mesyuarat kick-off diadakan pada 31 Julai 2023 bersama pembekal yang dilantik. Pasukan projek sedang memuktamadkan keperluan sistem dan pembangunan modul-modul RMS bagi Release 1A. Selain itu, fokus utama kini adalah penyediaan dokumen teknikal yang melibatkan *Integration System Document* (ISD), *Database Design Specification* (DDS), *Infrastructure Design Document* (IDD), *System Requirements Specification* (SRS) dan *System Design Specification* (SDS) bagi Release 1A yang dijangka selesai pada 30 September 2024.

HT4-CORPORATE REGISTRY SYSTEM (CRS)

HT4-CRS merupakan projek di bawah kategori berkeutamaan tinggi dan matlamat projek ini adalah untuk menggabungkan dan mengurus tiga (3) entiti utama yang dikawal selia oleh SSM iaitu perniagaan, syarikat dan PLT. HT4-CRS merupakan pembangunan sistem yang akan menggantikan sistem sedia ada iaitu CBS, MyCOLD, MyLLP, e-Secretary, ezBiz, e-BOS dan lain-lain sistem yang berkaitan bagi memenuhi keperluan AS 2016, APLT 2012, APP 1956, ASK 2016 dan ASA 1949.

Projek HT4-CRS berada di fasa pembangunan dengan peratusan pencapaian pada 32.95%. Fokus utama pasukan projek pada masa kini tertumpu kepada pemuktamadan dokumen-dokumen teknikal termasuklah dokumen ISD, DDS dan IDD. Manakala dokumen SRS dan SDS telah dimuktamadkan secara berperingkat dan dijangka akan berakhir pada Disember 2023.

HT6-DATA MANAGEMENT (DM)

HT6-DM adalah projek di bawah kategori projek keutamaan rendah. Projek ini merupakan sebuah projek pembangunan sistem pengurusan data dan maklumat di SSM melalui dasar tadbir urus pengurusan data, amalan terbaik industri dan platform teknologi terkini. Projek ini bertujuan mewujudkan budaya analitik yang kondusif di SSM dan dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan menyalurkan maklumat yang bernilai tinggi, cepat dan cekap. Setakat Disember 2023, projek ini berada pada fasa Perancangan dan Perolehan dengan peratusan pencapaian sebanyak 19.80%.

Memasuki fasa pembangunan projek, pelantikan pembekal bagi projek HT6-DM telah dibuat melalui Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 30 November 2023 dan Mesyuarat Kick-Off HT6-DM dijangka diadakan pada Januari 2024. Mesyuarat ini akan menjadi titik tolak penting, menetapkan asas bagi usaha kerjasama antara SSM dan vendor terpilih, yang akhirnya akan memacu pelaksanaan sistem pengurusan data yang berjaya untuk meningkatkan kecekapan operasi dan integriti data di seluruh organisasi.

HT8-FINANCIAL MANAGEMENT SYSTEM (FMS)

Projek HT8-FMS merupakan sebuah projek pembangunan sistem untuk melaksanakan perakaunan teras SSM yang komprehensif dan berautomasi penuh berpandukan *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) serta disepadukan dengan sistem SSM lain bagi mematuhi kriteria *Standard Accounting for Government Agencies* (SAGA) dan piawaian perakaunan oleh Akauntan Negara (AG).

Projek HT8-FMS telah memasuki fasa pembangunan dan pelaksanaan projek setelah Mesyuarat Project Kick-Off diadakan pada 20 Julai 2023 bersama pihak pembekal yang dilantik. Tempoh pembangunan projek disasarkan selama 24 bulan dan jangkaan go-live adalah pada Julai 2025.

Fokus utama pasukan projek pada masa kini tertumpu kepada aktiviti memuktamadkan dokumen-dokumen teknikal FMS bagi *Iteration 1*. Dokumen-dokumen tersebut perlu dimuktamadkan sebelum fasa *System Development, Testing, Implementation & Training Iteration 1* yang dijangka akan bermula pada 22 Januari 2024.

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

HT9-CUSTOMER RELATIONSHIPS MANAGEMENT (CRM)

Projek HT9-CRM ataupun sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan adalah merupakan pembangunan satu (1) platform sistem yang akan menghubungkan semua interaksi SSM dengan pelanggan SSM secara sistematik. HT9-CRM merupakan projek di bawah kategori projek berkeutamaan tinggi yang melibatkan lima (5) komponen utama iaitu Customer Relationship Management (CRM), Social Relationship Management (SRM), Telephony System, Knowledge Base (K-Base) dan Sales and Marketing.

Projek HT9-CRM kick-off dilaksanakan pada 1 November 2022. Tempoh pembangunan projek HT9-CRM adalah selama 12 bulan dan go-live projek ini adalah dijangka pada 1 Januari 2024.

HT10-BUILDING ADMINISTRATIVE SYSTEM (BAS)

Projek HT10-BAS merupakan sebuah projek pembangunan sistem yang sedang dilaksanakan bagi mematuhi kriteria SAGA dan dapat berintegrasi dengan sistem-sistem dalaman SSM yang lain seperti FMS, RMS dan lain-lain lagi. Projek HT10-BAS ini terbahagi kepada dua (2) sistem yang dibangunkan bersama iaitu HT10-Asset Management System (AMS) dan HT10-Store Management System (SMS). Projek HT10-AMS masih berada di fasa perancangan dan perolehan dan status kemajuan projek adalah sebanyak 11.60%. Aktiviti penyediaan spesifikasi tender dan dokumen tender projek HT10-AMS masih dalam proses penyediaan dan sasaran disempurnakan pada suku kedua 2025.

HT11-E-PROCUREMENT (EP)

Projek HT11-EP merupakan sebuah projek pembangunan sistem yang sedang dilaksanakan bagi mematuhi kriteria SAGA dan dapat berintegrasi dengan sistem-sistem dalaman SSM yang lain seperti FMS, RMS dan lain-lain lagi. Projek HT11-EP masih berada di fasa perancangan dan perolehan dan status kemajuan projek adalah 4.2% setakat Disember 2023. Aktiviti penyediaan dokumen spesifikasi tender dan dokumen tender projek HT11-EP masih dalam proses dan dijangka untuk diserahkan kepada Seksyen Pengurusan Perolehan (SPP) untuk tindakan lanjut pada Februari 2024. Modul-modul bagi projek ini terdiri daripada modul Pengurusan Pembekal, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kontrak, Dashboard & Pelaporan, Pentadbiran dan Carian.

HT14-MOVABLE PROPERTY SECURITY INTEREST (MPSI)

HT14-MPSI adalah projek di bawah kategori berkeutamaan tinggi yang dibangunkan bagi memperkenalkan Rang Undang-undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB) atau MPSI di mana kerangka perundangan ini akan menyediakan peruntukan-peruntukan untuk mengawal selia proses pendaftaran dan penguasaan hak terhadap harta alih. Projek ini memainkan peranan signifikan supaya kepentingan dalam transaksi yang melibatkan harta alih diberikan perlindungan yang menyeluruh bagi memupuk kepercayaan dan menggalakkan pelaburan dalam ekonomi. Sehingga kini, projek HT14-MPSI masih berada di fasa pembangunan dengan peratusan pencapaian adalah 89.75%. Pasukan projek sedang memberi tumpuan untuk memuktamadkan dokumentasi yang diperlukan dan menangani sebarang isu yang belum diselesaikan bagi memastikan pelaksanaan berjaya.

PELAKSANAAN PERUBAHAN	AKTIVITI	PENGURUSAN
----------------------------------	-----------------	-------------------

Unit Pengurusan Perubahan (UPP), BPPE berperanan dalam menyalurkan maklumat dan kesedaran berkaitan Projek-projek Hala Tuju SSM yang dijalankan kepada seluruh warga kerja SSM. Bagi memastikan seluruh warga SSM sentiasa mendapat maklumat dan perkembangan terkini bagi Projek-projek Hala Tuju SSM. UPP dengan pelbagai inisiatif untuk menganjurkan dan mengadakan program-program perkongsian maklumat, hebahan *Project Performance Dashboard*, e-buletin menerusi e-mel dan taklimat sepanjang tahun agar warga kerja SSM kekal dimaklumkan dan sentiasa dikemas kini. Selain itu, UPP dalam memastikan seluruh warga kerja SSM mendapat akses sepenuhnya kepada maklumat aktiviti, program UPP, slaid pembentangan dan hebahan berkaitan projek-projek dengan menyediakan website CM Site yang dapat dilayari oleh warga kerja SSM tanpa batasan.

7 Program Meet and Greet with Change Management

3 Program HT's Journey with Project Team

1 Program Pengenalan Duta Perubahan Baharu & Artificial Intelligence (AI) Public Speaking Master Class

1 Sesi Libat Urus Bersama Pasukan Projek HT4-CRS dan Projek HT14-MPSI

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

1 Program Bersama Menghadapi Perubahan

1 Program LET'S COFFEE with Change Management

Berdasarkan statistik di atas, sebanyak 14 program telah berjaya dijalankan oleh UPP sepanjang tahun 2023 melibatkan program yang dijalankan di Ibu Pejabat SSM dan Pejabat Negeri. Berikut merupakan butiran terperinci program-program berkenaan:

PROGRAM MEET AND GREET WITH CHANGE MANAGEMENT

Program Meet & Greet merupakan sebuah program perkongsian maklumat kepada warga kerja SSM seluruh Malaysia berkenaan Projek Hala Tuju/ inisiatif-inisiatif baharu/ produk-produk baharu dan sedia ada secara online (MS Teams) atau fizikal di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri/ Cawangan SSM seluruh Malaysia. Selain itu, program ini mengetengahkan peranan Duta Perubahan (CA) yang dilantik di kalangan pemilik projek, pengurus projek dan SMEs yang sangat diperlukan untuk bersama-sama kumpulan Pengurusan Perubahan melaksanakan program dan aktiviti dengan warga kerja SSM.

PROGRAM HT'S JOURNEY WITH PROJECT TEAM

Keseluruhan program ini dilaksanakan secara bersemuka dan turun padang dengan penglibatan pihak pengurusan SSM. Antara lain program ini membentangkan berkaitan perjalanan sesebuah projek Hala Tuju SSM dari awal ia dilaksanakan sehingga tahun semasa. Warga kerja SSM akan lebih memahami dan menghargai komitmen dan tanggungjawab yang dipikul oleh pasukan projek dalam memastikan Projek-projek Hala Tuju SSM dapat direalisasikan dan transformasi berjaya dilaksanakan.

PROGRAM PENGENALAN DUTA PERUBAHAN BAHARU & LATIHAN KEMAHIRAN THE ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) PUBLIC SPEAKING MASTER CLASS

Program ini adalah untuk memperkenalkan Duta Perubahan Lantikan Baharu Tahun 2023-2025 kepada pihak Pengurusan SSM dan menambah kemahiran komunikasi serta membuat pembentangan secara AI. Program yang dijalankan selama tiga (3) hari ini dihadiri oleh CA dan sekretariat Pengurusan Perubahan seramai 29 orang. Penganjuran program ini adalah untuk menambah baik kemahiran sedia ada CA dalam berkomunikasi dan membuat pembentangan yang cepat dan berkesan dengan menggunakan kaedah AI.

SESI LIBAT URUS BERSAMA PASUKAN PROJEK HT4-CRS DAN HT14-MPSI

Sesi Libat Urus ini merupakan sesi bersama Pasukan Projek HT4-CRS dan HT14-MPSI serta kumpulan fokus (focus group) di kalangan warga kerja SSM yang dipilih/ wakil daripada pelbagai Bahagian. Tujuan sesi libat urus ini diadakan untuk mendapatkan input, pandangan, cadangan dan pengalaman mereka di sepanjang tempoh transformasi SSM berlangsung. Selain itu, peserta yang hadir ke sesi ini turut dimaklumkan berkaitan aktiviti, fungsi dan peranan Pengurusan Perubahan di SSM.

PROGRAM BERSAMA MENGHADAPI PERUBAHAN

Program ini melibatkan sesi libat urus Duta Perubahan bersama Pengurusan Tertinggi SSM, Anggota Suruhanjaya dan CA lantikan baharu sesi 2023-2025. Objektif utama penganjuran program ini adalah:

- (a) Meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai keperluan untuk membangunkan diri dan organisasi secara berterusan serta memupuk budaya pembelajaran sepanjang masa;
- (b) Meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap kepentingan memainkan peranan secara lebih berkesan dengan memberi sumbangan kepada perkembangan diri dan organisasi;

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

- (c) Menghargai jasa dan sumbangan ahli pasukan projek yang bertungkus lumus sepanjang pelaksanaan Projek-projek Hala Tuju SSM;
- (d) Meningkatkan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk menjana perkembangan organisasi secara lebih berkesan;
- (e) Membina dan memperkuuh hubungan di antara barisan Pengurusan SSM dan kumpulan pengurusan perubahan bersama duta perubahan yang dilantik;
- (f) Membina rasa percaya dan saling memerlukan di antara semua pihak dalam memastikan perubahan dapat diuruskan dengan baik dan berkesan di sepanjang tempoh transformasi berlaku; dan
- (g) Menampilkkan penjenamaan yang baik di kalangan barisan Pengurusan SSM yang akan sentiasa memberi sokongan sejajar dengan penjenamaan Pengurusan Perubahan yang akan membawa peranan dalam penyampaian maklumat berkenaan dengan perkembangan Projek-projek Hala Tuju SSM.

PROGRAM LET'S COFFEE WITH CHANGE MANAGEMENT

Program *Let's Coffee with Change Management* merupakan program baharu di mana program ini dilaksanakan bagi mengubah trend bagi warga kerja SSM mendapat maklumat berkaitan perubahan dan projek-projek Hala Tuju secara santai dan *stress-free*. Program ini telah diadakan pada 11 Disember 2023. Antara tarikan yang disediakan semasa program ini berlangsung adalah seperti *Pocket Talk* daripada kesemua Projek Hala Tuju SSM, *booth-booth* maklumat Projek Hala Tuju, Kuiz, Games dan pelbagai aktiviti bagi menarik minat warga kerja yang hadir ke program ini.

Dalam masa yang sama, menerusi program ini warga kerja SSM juga dapat mengenali dengan lebih dekat pasukan projek dan kumpulan Pengurusan Perubahan di SSM melalui pelbagai aktiviti yang disediakan oleh setiap pasukan projek. Program yang telah dihadiri oleh 282 orang warga kerja SSM dari Ibu Pejabat SSM ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM dan turut hadir ke program ini adalah barisan Pengurusan Tertinggi SSM. Program ini juga dilaksanakan secara hibrid menerusi *MSTeams Live Streaming* dan turut disertai oleh warga kerja SSM di Pejabat Negeri/ Cawangan SSM seluruh Malaysia.

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK HALA TUJU SSM IV (SDP IV)

Lawatan Penandaaranan bagi Pembangunan Pelan Strategik Hala Tuju SSM Keempat (SDPIV) (2026-2030) dan Perbincangan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Pada 2 Februari 2023, SSM telah mengadakan Lawatan Penandaaranan bagi Pembangunan SDPIV (2026-2030) bertempat di Ibu Pejabat LHDNM. Sebanyak tujuh (7) pegawai dari Bahagian Strategi Korporat & Komunikasi (BSKK) telah menyertai lawatan ini.

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan mengenai kaedah penyediaan dan pelaksanaan pelan hala tuju yang dibangunkan secara dalaman oleh LHDNM. Sesi ini memberikan peluang yang signifikan bagi pembelajaran dan pertukaran idea, terutamanya dalam bidang perancangan strategik dan pembangunan organisasi kepada SSM. Selain itu, ia membuka peluang kepada SSM untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh diadaptasi dalam membangunkan SDPIV (2026-2030), memastikan keselarasan dengan matlamat dan visi jangka panjang organisasi. Kerjasama ini dapat memperkuuhkan pemahaman serta membentuk asas yang kukuh bagi perkongsian strategik antara SSM dan LHDNM pada masa hadapan.



LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Lawatan Penandaarasan bagi Pembangunan Pelan Strategik Hala Tuju Keempat SSM (SDPIV) (2026-2030) dan Perbincangan bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Pada 1 Mac 2023, SSM telah melaksanakan Lawatan Penandaarasan ke Ibu Pejabat KWSP sebagai sebahagian daripada pembangunan SDPIV untuk tahun 2026 hingga 2030. Tujuh (7) pegawai dari BSKK menyertai lawatan ini.

Objektif lawatan ini adalah untuk mendalami proses penyediaan dan pembangunan pelan hala tuju yang dilaksanakan secara dalaman oleh KWSP.

Sepanjang sesi tersebut, SSM memperoleh maklumat berharga mengenai amalan terbaik yang dapat diadaptasi dan menjadi inspirasi untuk menambah baik pembangunan SDPIV (2026-2030). Ini memastikan pendekatan yang menyeluruh untuk mencapai objektif yang disasarkan.



Sesi Taklimat Pembangunan Pelan Hala Tuju Strategik SSM Keempat (SDPIV) (2026-2030) kepada Strategic Liaison Officer (SLO), Pengarah Negeri dan Pengurus Cawangan

Pada 30 Mei 2023, SSM telah menganjurkan Sesi Taklimat Pembangunan SDPIV untuk tahun 2026 hingga 2030. Sesi ini diadakan secara hibrid, membolehkan peserta hadir secara langsung di Menara SSM@Sentral atau secara dalam talian melalui Microsoft Teams.

Sebanyak 52 peserta menghadiri taklimat ini, termasuk SLO dari pelbagai Bahagian dan Seksyen serta Pengarah Negeri dan Pengurus Cawangan. Objektif sesi ini adalah untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang proses perancangan SDPIV SSM (2026-2030). Perbincangan dan aktiviti yang melibatkan peserta semasa sesi interaktif ini adalah penting bagi organisasi, memastikan semua pihak berkepentingan sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan terkini, perancangan dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan dalam SDPIV yang baru.

Bengkel mengenai Pelan Hala Tuju Strategik SSM Keempat (SDPIV) (2026-2030) bersama Pengarah Negeri dan Pengurus Cawangan di Mesyuarat Pengarah Negeri (MPN Bil. 2/2023)

Pada 9 Jun 2023, SSM telah menganjurkan bengkel yang memfokuskan kepada SDPIV untuk tahun 2026 hingga 2030. Bengkel ini diadakan semasa Mesyuarat Pengarah Negeri (MPN Bil. 2/2023) di Johor Bahru, Johor.

Bengkel ini dihadiri oleh 19 peserta, termasuk Pengarah Negeri dan Pengurus Cawangan. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyelaras, mengesahkan dan memuktamadkan laporan analisis, yang merangkumi elemen utama seperti objektif, fungsi, pihak berkepentingan, pelanggan, rakan strategik serta analisis termasuk SWOT dan PESTLE, bersama wishlist jabatan.

Selain analisis, bengkel ini juga mengadakan perbincangan yang bertujuan untuk mengenal pasti visi baharu, teras strategik, strategi, nilai-nilai korporat dan pelan pelaksanaan SDPIV yang akan datang (2026-2030).

LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sesi Visioning 1 Pembangunan Pelan Hala Tuju Strategik SSM Keempat (SDPIV) (2026-2030)

SSM telah menganjurkan Sesi Visioning 1 Pembangunan SDPIV SSM (2026-2030) pada 30 Ogos 2023, yang diadakan di Melaka. Sebanyak 23 peserta, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Bahagian dan Pengurus Kanan, telah menghadiri sesi ini.

Tujuan sesi ini adalah untuk mengumpul pandangan, cadangan dan aspirasi daripada Pengurusan SSM mengenai Visi, Teras Strategik, Nilai-nilai Korporat dan Pelan Pelaksanaan untuk Rancangan Strategik SSM yang baharu. Semasa sesi ini, pihak pengurusan bersetuju untuk membangunkan Rancangan Korporat SSM (2024-2025) bagi menyelaraskan dengan objektif strategik yang lebih luas dan memastikan pendekatan yang lebih maju ke hadapan. Hasil daripada sesi ini akan menjadi asas untuk perancangan dan pembuatan keputusan pada masa akan datang.

Sesi Focus Group - Perbincangan Interaktif Pembangunan Pelan Hala Tuju Strategik SSM Keempat (SDPIV) (2026-2030)

SSM telah menganjurkan Sesi Focus Group - Perbincangan Interaktif Pembangunan SDPIV (2026-2030) dari 21 hingga 23 Jun 2023 di Kuala Lumpur. Sebanyak 54 peserta, terdiri daripada SLO, Pengurus Kanan, Pengurus dan Eksekutif, telah menghadiri sesi ini.

Objektif utama sesi ini adalah untuk menyelaras, mengesahkan dan memuktamadkan laporan analisis, yang merangkumi elemen penting seperti objektif, fungsi, pihak berkepentingan, pelanggan, rakan strategik, analisis SWOT, analisis PESTLE dan wishlist jabatan, semuanya dilakukan oleh SLO dari pelbagai Bahagian dan Seksyen. Selain itu, sesi ini memudahkan perbincangan mendalam untuk mengenal pasti dan menetapkan Visi, Teras Strategik, Nilai-Nilai Korporat dan Pelan Pelaksanaan Strategi yang komprehensif untuk SDPIV SSM yang akan datang. Usaha kerjasama ini bertujuan untuk memastikan keselarasan dengan matlamat dan aspirasi jangka panjang organisasi sambil memupuk pendekatan kolektif dalam pembangunan strategik.

Bengkel SSM Corporate Plan (2024-2025) bersama SLO

SSM telah mengadakan sesi Pembangunan SSM Corporate Plan (2024-2025) dengan SLO pada 6 November 2023. Sebanyak 34 SLO telah menghadiri sesi ini, yang bertujuan untuk membangunkan pelan korporat dengan tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun dari 2024 hingga 2025 sebelum SDPIV (2026-2030), selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13, yang dijadualkan akan dilaksanakan dari 2026 hingga 2030.

Aktiviti yang dilaksanakan semasa bengkel termasuk memperincikan pelan tindakan yang dikenal pasti dalam pelan korporat bagi memastikan hala tuju yang lebih jelas dalam mencapai objektif yang telah digariskan. Sesi ini melibatkan perbincangan kolaboratif dan input daripada SLO, membolehkan pembangunan pelan korporat yang kukuh dan berkesan.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sesi Brainstorming KPI SSM 2024

SSM telah menganjurkan Sesi Brainstorming KPI 2024 dari 27 hingga 29 Ogos 2023, dengan tujuan utama untuk membangunkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) SSM bagi tahun 2024. Sesi ini melibatkan penyertaan aktif daripada 21 peserta, termasuk Pengurusan SSM dan tujuh (7) urus setia dari Seksyen Strategik Korporat.

Menetapkan KPI adalah penting untuk memastikan SSM mencapai dan melaksanakan Visi, Teras Strategik dan Nilai-Nilai Korporat. Semasa sesi tersebut, para peserta terlibat dalam perbincangan kolaboratif untuk mengenal pasti indikator yang spesifik, boleh ukur, boleh dicapai, relevan dan tempoh masa (SMART) yang akan memantau dan menilai prestasi SSM sepanjang tahun.

Sesi *brainstorming* ini menggalakkan perkongsian perspektif yang pelbagai, membolehkan peserta menyelaraskan matlamat Bahagian mereka dengan objektif keseluruhan SSM. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk rasa pemilikan dalam kalangan peserta tetapi juga memastikan KPI yang dibangunkan mencerminkan keutamaan strategik organisasi.

Selain itu, bengkel ini memberikan peluang kepada peserta untuk mengenal pasti cabaran dan peluang yang mungkin timbul semasa pelaksanaan KPI. Dengan menangani faktor-faktor ini lebih awal, SSM berhasrat untuk meningkatkan kecekapan operasi dan kebolehsuaian dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

Sesi Brainstorming KPI SSM 2024 adalah langkah penting dalam memperkuuhkan komitmen semua peserta terhadap misi organisasi serta memastikan bahawa SSM bersedia untuk mengharungi cabaran dan peluang yang akan datang pada tahun hadapan. Hasil daripada sesi ini akan menjadi asas kepada pengurusan prestasi yang berkesan dan akauntabiliti terhadap organisasi.



LAPORAN PENGURUSAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Inisiatif SSM Tahun 2023 bagi Meringankan Beban Kewangan Komuniti Korporat

SSM telah memperkenalkan sembilan (9) inisiatif pada tahun 2023 ke arah meringankan beban kewangan komuniti korporat seperti gambar rajah di bawah:

01



AS 1965
AS 2016

INISIATIF 1

Pengurangan Kompaun 90% untuk Syarikat yang berstatus 'Dissolved'

Pengurangan Kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal untuk syarikat yang berstatus 'dissolved' di bawah AS 1965 dan AS 2016.

Jumlah syarikat yang telah menerima 90% pengurangan kompaun:

- AS 1965: **1,211**
- AS 2016: **3,614**

(11 Januari 2023 - 31 Disember 2023)

02



AS 2016

INISIATIF 2

Pengurangan Kompaun 90% untuk Kesalahan Lazim di bawah AS 2016

Pengurangan Kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun untuk kesalahan lazim di bawah AS 2016.

Sebanyak **16,093** syarikat telah menerima 90% pengurangan kompaun.

(11 Januari 2023 - 31 Disember 2023)

03



AS 1965

INISIATIF 3

Meneruskan Pengurangan Kompaun 90% untuk Semua Kesalahan di bawah AS 1965

Meneruskan Pengurangan Kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun untuk semua kesalahan di bawah AS 1965.

Sebanyak **5,724** syarikat telah menerima 90% pengurangan kompaun.

(11 Januari 2023 - 31 Disember 2023)

04



INISIATIF 4

Pendaftaran SSM BizTrust Percuma

Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2023 dan diperluaskan penggunaan Kod QR SSM BizTrust kepada PLT berdaftar yang diperolehi secara automatik.

Jumlah pendaftaran SSM BizTrust dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023: **1,038,901**.

05



INISIATIF 5

Meneruskan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP)

Meneruskan SPPP yang menawarkan pendaftaran PERCUMA untuk perniagaan baharu kepada:

- Usahawan Kumpulan B40: **15,845**
- Pelajar IPT Sepenuh Masa: **27,862**

(1 Januari 2023 - 31 Disember 2023)

06



INISIATIF 6

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P)

Meneruskan pelaksanaan S101P yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan secara PERCUMA untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

- Pendaftaran Perniagaan: **1,719**
- Pembaharuan Perniagaan: **3,100**

(1 Januari 2023 - 31 Disember 2023)

LAPORAN PENGURUSAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Inisiatif SSM Tahun 2023 bagi Meringankan Beban Kewangan Komuniti Korporat

07



AS 2016

INISIATIF 7

Meneruskan Cadangan Pindaan Peruntukan di bawah AS 2016

Cadangan untuk meminda peruntukan di bawah AS 2016 yang berkaitan Mekanisme Penyelamatan Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan diteruskan pada tahun 2023.

Pada 28 November 2023, Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat. Susulan itu, Rang Undang-Undang tersebut dibentangkan untuk Bacaan Kedua dan Ketiga di Dewan Negara pada 13 Disember 2023 dan diluluskan pada hari yang sama.

08



APLT 2012

INISIATIF 8

Meneruskan Cadangan untuk Memperkenalkan Peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamatan Korporat di bawah APLT 2012

Cadangan untuk memperkenalkan peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamatan Korporat di bawah APLT 2012 telah diedarkan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kewangan (MOF), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan maklum balas.

AGC memberikan maklum balas pada 12 Disember 2023, manakala MOF dan BHEUU memberikan maklum balas masing-masing pada 18 Disember 2023 dan 19 Disember 2023.

09



APLT 2012

INISIATIF 9

Pengurangan Kompaun 90% untuk Kesalahan Lazim di bawah APLT 2012

Pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun untuk kesalahan lazim di bawah seksyen 68(2) dan 68(3) APLT 2012 telah dimulakan pada 3 Julai 2023.

Sebanyak **1,698** PLT telah menerima pengurangan kompaun sebanyak 90%.

(3 Julai 2023 - 31 Disember 2023)

AKTIVITI MODAL INSAN

Program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)

SSM meneruskan komitmen yang berterusan terhadap Pembangunan bakat di Malaysia dengan menyokong inisiatif PROTÉGÉ. PROTÉGÉ bertujuan untuk melengkapkan graduan Malaysia dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan supaya berdaya saing di dunia korporat serta membimbing mereka dalam usaha untuk menjadi tenaga kerja yang lebih proaktif dan pencari kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri. Seramai 31 orang peserta telah melapor diri pada 1 Mac 2023. Program satu (1) tahun ini menggabungkan latihan kemahiran insaniah yang intensif dan peluang latihan di tempat kerja.

Kursus Induksi SSM

Kursus Induksi adalah program tahunan yang dianjurkan untuk pekerja baharu. Program ini telah disertai oleh 54 orang peserta dan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan di mana Kumpulan 1 telah diadakan pada 17 hingga 26 Mei 2023 dan Kumpulan 2 telah diadakan pada 7 hingga 16 Jun 2023. Kedua-dua sesi telah diadakan di Lumut, Perak dan Banting, Selangor.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDN dan Agensi

Pada 25 Mei 2023, KPDN telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDN dan Agensi tahun 2022 dan telah dirasmikan oleh Allahyarham Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri PDN. Agensi yang terlibat adalah SSM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Seramai 63 warga kerja SSM telah diberi penghormatan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022.



Program Kursus Pra-Persaraan SSM

Program Pra-Persaraan SSM bertujuan membantu bakal pesara mempersiapkan diri menghadapi aspek psikologi dan emosi dalam menghadapi dunia persaraan masa hadapan. Selain itu, program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta tentang perancangan pengurusan kewangan menjelang persaraan. Sesi ceramah telah dikendalikan oleh profesional yang merupakan pakar subjek. Ia telah diadakan dari 30 Julai sehingga 2 Ogos 2023 di Pulau Langkawi dengan 30 peserta dari semua pejabat SSM di seluruh Malaysia.

Karnival Sukan KPDN dan Agensi

Karnival Sukan KPDN bagi tahun 2023 telah diadakan pada 5 sehingga 10 September 2023 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Sembilan (9) acara sukan dipertandingkan untuk memupuk semangat kesukanan dan perpaduan di antara kementerian dan agensi. Karnival sukan ini disertai oleh pegawai daripada Pejabat KPDN dan agensi di seluruh Malaysia. SSM telah memenangi tempat ke-3 secara keseluruhan dengan penyertaan seramai 97 warga kerja SSM.

Karnival Kesihatan SSM

Karnival Kesihatan SSM adalah acara tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan warga kerja tentang kepentingan menjaga kesihatan diri. Tahun ini, karnival kesihatan diadakan bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia untuk menekankan kepentingan menjaga kesihatan mental. Program tersebut berlangsung pada 10 Oktober 2023 di Menara SSM@Sentral, disertai seramai 249 warga kerja bagi menjalani pemeriksaan kesihatan. Selain itu, sesi perbincangan informatif mengenai kesihatan mental telah diadakan dan gerai menjual produk kesihatan turut dibuka bagi menjayakan program ini. Inisiatif ini menekankan komitmen SSM untuk memupuk persekitaran kerja yang sihat dan mempromosikan kesejahteraan warga kerjanya.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Kursus Pengurusan Prestasi Strategik SSM

Kursus Pengurusan Prestasi Strategik berlangsung dari 29 November hingga 2 Disember 2023, dengan 19 peserta dari Pengurusan Atasan dan Pertengahan SSM hadir ke kursus ini. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberikan pemimpin SSM pemahaman yang menyeluruh tentang Pengurusan Prestasi dan Kompetensi Pekerja. (PCMS).

Kursus Kepimpinan Transformasi dan Pengurusan Organisasi

Kursus Kepimpinan Transformasi dan Pengurusan Organisasi telah diadakan dari 18 hingga 21 Disember 2023. Program ini melibatkan 20 peserta dari kumpulan Pengurusan Pertengahan SSM. Melalui kursus ini, peserta membangunkan kemahiran utama dalam kepimpinan transformasi dan pengurusan organisasi, membolehkan mereka memimpin dengan berkesan dan memacu kejayaan organisasi dalam landskap korporat yang sentiasa berubah.

Program bagi Warga Kerja SSM

Pelbagai program untuk warga kerja SSM telah diadakan sepanjang tahun 2023, termasuk:

- Penyertaan perarakan dan perhimpunan Maulidur Rasul 1445H peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC);
- Penyertaan perhimpunan sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC);
- Majlis sambutan Tahun Baru Cina dan Deepavali;
- Edaran kurma dan Majlis Berbuka Puasa sempena sambutan bulan Ramadan;
- Majlis Hari Raya Aidilfitri; dan
- Majlis Makan Malam SSM;



LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PELAN INOVASI SSM 2025-2030



Pelan Inovasi SSM 2025-2030 telah dimulakan pada tahun 2022 oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Inovatif & Kreatif SSM dan Jawatankuasa Pemandu Inovatif & Kreatif. Cadangan ini telah mendapat kelulusan daripada Pengurusan SSM pada 30 Januari 2023, memudahkan pelaksanaannya oleh Jawatankuasa yang dilantik.

Objektif utama rancangan ini adalah untuk memupuk budaya inovasi dalam SSM, membolehkan organisasi menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang yang sentiasa berkembang. Berdasarkan inisiatif terdahulu seperti pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dan program 5S, rancangan ini bertujuan untuk mewujudkan asas yang kukuh bagi penyampaian perkhidmatan berkualiti.

Dengan usaha SSM yang berhasrat untuk menjadi badan pendaftaran korporat dan pengawalseliaan yang terkemuka, Plan Inovasi ini merangka strategi untuk mengekalkan relevansi dan daya saing dalam persekitaran yang berubah dengan pantas. Bidang fokus utama termasuk:

(a) Memenuhi Keperluan Pelanggan dan Pemegang Taruh yang Semakin Berkembang:

Meningkatkan keupayaan bertindak balas terhadap perubahan pelanggan dan jangkaan pemegang taruh.

- (b) **Mengoptimalkan Keupayaan Teknologi:**
Memanfaatkan teknologi terkini untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi.
- (c) **Memperkenalkan Pendekatan Penyampaian Perkhidmatan Baharu:**
Meneroka kaedah inovatif dalam penyampaian perkhidmatan apabila pendekatan semasa tidak mencukupi; dan
- (d) **Meningkatkan Kecekapan dan Kawalan Kos:**
Meningkatkan kecekapan operasi sambil menguruskan kekangan sumber kewangan.

Melalui pelaksanaan Pelan Inovasi SSM 2025-2030, SSM berusaha untuk menggalakkan budaya pemikiran inovatif di kalangan warga kerja dan merupakan asas bagi memastikan perkhidmatan SSM berkualiti.

LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) TERBAIK

KKP adalah disiplin ilmu yang memainkan peranan penting dalam melindungi pekerja daripada bahaya, kemalangan dan kecederaan di tempat kerja. Tujuan utama adalah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, memandangkan insiden boleh berlaku pada bila-bila masa.

Dengan mengutamakan KKP, pihak majikan dapat mengurangkan risiko insiden atau kemalangan secara proaktif dengan mengenal pasti dan mengurangkan bahaya di tempat kerja. Persekitaran kerja yang selamat dan kondusif dapat meningkatkan kesihatan fizikal, mental dan emosi pekerja yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Seterusnya apabila pekerja berasa selamat dan dihargai, ia dapat mengurangkan tekanan kerja dan pekerja dapat menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi, sekaligus mewujudkan hubungan harmoni antara pekerja dengan majikan. Selain itu, majikan dapat mengurangkan kos kerugian berkaitan pengurusan kemalangan atau kecederaan yang berkait rapat dengan kos penjagaan kesihatan dan pemulihan, kerugian dalam produktiviti, kesan terhadap kesejahteraan pekerja dan tindakan undang-undang.

Selaras dengan manfaat-manfaat ini, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKK) SSM telah menjalankan kajian menyeluruh mengenai amalan terbaik KKP dalam sektor Kerajaan dan swasta. Tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih berkesan dalam meningkatkan pretasi KKP di SSM. Bagi Mencapai objektif ini, SSM melalui JKK telah menjalankan lawatan penanda aras ke organisasi terpilih untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan terbaik dan membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan KKP di SSM.

LAPORAN PENGURUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Butiran Program:

Sesi 1

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 10 April 2023

Sesi 2

AmBank Group, Menara Ambank, Kuala Lumpur pada 22 Mei 2023

Melalui lawatan penanda aras tersebut, SSM telah dapat mempelajari amalan KKP terbaik daripada pelbagai organisasi.

Antara objektif yang telah dapat dicapai melalui lawatan ini adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan hubungan strategik antara SSM dan organisasi yang dilawati;
- (b) Menyediakan platform bagi pertukaran pandangan dan cadangan dalam meningkatkan pengetahuan, amalan dan keupayaan KKP;
- (c) Mengenal pasti dan memahami amalan terbaik yang boleh diguna pakai dan dijadikan rujukan dalam mempromosikan KKP di tempat kerja;
- (d) Meningkatkan keberkesanan program berkaitan OSH; dan
- (e) Mempelajari langkah-langkah yang diambil oleh organisasi lain dalam aspek pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan berkaitan KKP.

TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN DAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN KEPADA PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT) IBU PEJABAT SSM

Sebagai persediaan kepada pekerja yang dilantik sebagai Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK), taklimat Keselamatan Kebakaran & Organisasi Keselamatan Kebakaran telah diadakan dengan kerjasama pihak Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah yang disertai oleh seramai 37 orang ahli ERT Ibu Pejabat SSM pada 26 – 27 Jun 2023 di Menara SSM@Sentral.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan serta kecekapan dalam aspek keselamatan kebakaran di bangunan/premis khususnya di tempat kerja. Melalui program ini para peserta telah mencapai objektif seperti berikut:

- (a) Menambah pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek keselamatan kebakaran di bangunan khususnya di tempat kerja;
- (b) Meningkatkan kemahiran menggunakan peralatan kebombaan dan sistem pencegahan kebakaran di bangunan;
- (c) Memahami tugas dan tanggungjawab Pasukan ERT SSM dalam menjalankan tugas menguruskan situasi kecemasan terutamanya situasi kebakaran dan pengungsian bangunan; dan
- (d) Kesiapsiagaan menghadapi situasi kecemasan dengan melengkapkan ilmu pengetahuan melalui pembelajaran dan latihan yang berterusan.

SIMULASI PENGUNGSIAN BANGUNAN DI MENARA SSM@SENTRAL

Pada 6 Julai 2023, SSM dengan kerjasama pihak Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah telah menganjurkan simulasii pengungsian bangunan di Menara SSM@Sentral yang melibatkan seramai 817 orang penghuni bangunan pada ketika itu termasuk penyewa, vendor, pengusaha kafeteria dan taska serta pelanggan SSM.

Latihan tahunan ini bertujuan untuk menilai tahap kecekapan ahli ERT SSM dan kesiapsiagaan warga kerja SSM dalam menghadapi situasi kecemasan. Berdasarkan laporan dan ulasan daripada pihak Balai Bomba Jalan Hang Tuah, secara keseluruhannya, latihan tersebut telah berjaya dilakukan dengan selamat.

BENGKEL SEMAKAN SEMULA PROSEDUR PENGENALPASTIAN HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO (HIRARC)

Bengkel HIRARC telah diadakan pada 12 – 15 September 2023. HIRARC merupakan kaedah yang membolehkan SSM menguruskan hazard yang wujud di tempat kerja dengan lebih berkesan. Pelaksanaan HIRARC juga merupakan salah satu kewajipan am majikan di bawah Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).


INISIATIF PENGUATKUASAAN



LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2023, SSM meneruskan fokus inisiatif penguatkuasaan melalui tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan dalam kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti berikut:



LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Pada tahun 2023, SSM telah melaksanakan aktiviti pemeriksaan fizikal dan data secara menyeluruh ke atas sejumlah 655,081 syarikat, 623,428 perniagaan dan 12,871 PLT.

Pemeriksaan ini merangkumi pelbagai bidang, termasuk:

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
SYARIKAT	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan terhadap seksyen 30(1) AS 2016: Memastikan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran yang betul di premis perniagaan. Penyelenggaraan Buku Berkanun: Memantau penyimpanan rekod yang tepat dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343 dan 54 AS 2016 serta keperluan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Syarikat 2017. Kelayakan Setiausaha Syarikat: Memantau pematuhan kepada standard kelayakan Setiausaha Syarikat seperti yang dinyatakan dalam seksyen 235 AS 2016. Penilaian Kompetensi Setiausaha Syarikat: Menilai kompetensi Setiausaha Syarikat berdasarkan tahap pematuhan mereka terhadap peruntukan dan keperluan AS 2016. 	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Serah Simpan Penyata Tahunan: Memantau status serah simpan Penyata Tahunan berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016. Serah Simpan Penyata Kewangan: Menilai status serah simpan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 248(1), 258(1) dan 259(1) AS 2016. Keperluan Setiausaha Syarikat: Memastikan bahawa setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 240 AS 2016. Kelayakan dan Kebebasan Juruaudit: Menilai kelayakan dan kebebasan juruaudit mengikut seksyen 264 AS 2016 dan syarat-syarat untuk Kelulusan Pembaharuan Juruaudit yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Kewajipan Juruaudit: Memantau pematuhan juruaudit terhadap seksyen 266(3)(b) AS 2016 berkaitan pendapat mereka berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun. Kelayakan dan Kebebasan Likuidator: Menilai kelayakan dan kebebasan likuidator mengikut seksyen 433 AS 2016. Pematuhan terhadap seksyen 30(2) AS 2016: Memastikan kepatuhan kepada keperluan berkaitan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran pada dokumen rasmi dan penerbitan, termasuk format elektronik dan penyelenggaraan laman sesawang buku berkanun.
	JUMLAH: 18,840 (2022: 23,691), (2021: 3,919)	JUMLAH: 636,241 (2022: 531,744), (2021: 325,252)

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
PERNIAGAAN	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan terhadap Kaedah 13A(2) KPP 1957: Memastikan nama perniagaan dan nombor pendaftaran dipaparkan dengan jelas di luar tempat perniagaan. Pematuhan terhadap seksyen 12(2) APP 1956: Memastikan sijil pendaftaran yang betul dipaparkan di premis perniagaan. Pematuhan terhadap seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956: Memastikan kepatuhan terhadap keperluan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. <p>JUMLAH: 23,901 (2022: 29,944), (2021: 5,503)</p>	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memantau Tarikh Luput Pendaftaran Perniagaan: Memastikan tarikh luput pendaftaran perniagaan mengikut seksyen 12(1)(b) APP 1956. Isu Kepentingan Awam: Menangani isu-isu berkaitan kepentingan awam, termasuk pelaburan tidak sah dan perkara-perkara lain yang berkaitan. <p>JUMLAH: 599,527 (2022: 671,516), (2021: 189,432)</p>
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan PLT terhadap Rekod Perakaunan: Memastikan PLT mengekalkan rekod perakaunan dan dokumentasi lain yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012. <p>JUMLAH: 183 (2022: 183), (2021: 30)</p>	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Serah Simpan Perakuan Tahunan: Memantau serah simpan Perakuan Tahunan oleh PLT mengikut seksyen 68(2) APLT 2012. Isu Kepentingan Awam: Menangani isu-isu yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan awam, seperti pelaburan tidak sah dan perkara-perkara berkaitan yang lain. <p>JUMLAH: 12,688 (2022: 11,041), (2021: 4,448)</p>
JUMLAH KESELURUHAN	42,924 (2022: 53,818), (2021: 9,452)	1,248,456 (2022: 1,214,301), (2021: 519,132)

AKTIVITI PENGUATKUASAAN LAIN PADA TAHUN 2023**SSM Online Business Alert (OBA)**

SSM OBA diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang risiko terlibat dengan entiti yang menjalankan perniagaan dalam talian secara tidak beretika. Sejak diperkenalkan, 21 entiti telah dikenal pasti dan disenaraikan di laman sesawang SSM.


Selain itu, SSM OBA mempunyai kompilasi laman pembaharuan perniagaan dalam talian yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang tidak dikawal selia oleh SSM. Terdapat 14 laman sesawang yang menawarkan perkhidmatan pembaharuan perniagaan secara tidak sah telah dikenal pasti setakat ini. Laman-laman ini didapati mengenakan bayaran yang tidak munasabah, membebangkan pemilik perniagaan dengan kos yang tidak wajar.

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

KADAR PEMATUHAN BAGI SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN

SSM sentiasa menekankan kepentingan pematuhan dalam serah simpan Penyata Tahunan (PT) kepada Pendaftar. Pada tahun 2023, SSM berjaya mencapai kadar pematuhan yang baik iaitu sebanyak 93% dalam serah simpan PT, satu pencapaian yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap pematuhan dan tadbir urus korporat yang baik.

Carta di bawah menunjukkan perbandingan kadar pematuhan SSM selama tiga (3) tahun:



Tindakan Penguatkuaasan di bawah AS 2016

1,534,545

- ▶ Jumlah syarikat dalam daftar sehingga 31 Disember 2023
(2022: 1,482,579)
(2021: 1,429,109)

527,506

- ▶ Jumlah syarikat aktif yang telah menyerah simpan Penyata Tahunan bagi tahun 2023
(2022: 509,378)
(2021: 418,655)

812,725

- ▶ Jumlah syarikat telah bubar sehingga 31 Disember 2023
(2022: 784,157)
(2021: 727,473)

39,325

- ▶ Jumlah syarikat aktif yang gagal menyerah simpan Penyata Tahunan bagi tahun 2023
(2022: 39,279)
(2021: 47,323)

708,272

- ▶ Jumlah syarikat belum bubar dalam daftar sehingga 31 Disember 2023
(2022: 693,146)
(2021: 701,636)

14,232

- ▶ Jumlah notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 551 AS 2016 untuk tujuan pembatalan nama syarikat bagi tahun 2023
(2022: 32,297)
(2021: 24,896)

566,831

- ▶ Jumlah syarikat aktif yang berkewajipan menyerah simpan Penyata Tahunan bagi tahun 2023
(2022: 548,657)
(2021: 465,978)

8,868

- ▶ Jumlah fail pendakwaan yang dibuka bagi tahun 2023
(2022: 7,952)
(2021: 7,832)

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

STATISTIK PEMANTAUAN INTERNET DAN MEDIA

		2023	2022	2021
Seksyen 12(1)(a) APP 1956 Perniagaan tidak berdaftar		20	1,429	52
Seksyen 12(1)(b) APP 1956 Perniagaan gagal memperbaharui pendaftaran		-	206	127
Seksyen 30(2) AS 2016 Syarikat gagal mempamerkan nama dan nombor syarikat di laman sesawang/ media sosial		1,246	221	360
Kaedah 13A KPP 1957 Gagal mempamerkan nama dan nombor pendaftaran perniagaan		1,246	765	536
Kaedah 17A(1)(b) KPP 1957 Gagal kemas kini maklumat perniagaan		30	110	-
Seksyen 20(3) APLT 2012 Gagal mempamerkan nama dan nombor pendaftaran PLT pada laman sesawang/ media sosial		1	5	-
Notis Pematuhan		477	2,163	1,075
Kompaun		296	247	-

PEMANTAUAN KE ATAS PENGARAH BANKRAP, SYARIKAT YANG GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL DAN SYARIKAT DORMAN YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK

SYARIKAT YANG TELAH DIGULUNGKAN DAN GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL	PENGARAH BANKRAP	SYARIKAT DORMAN YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK
<p>Jumlah Notis: 454 notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 484 AS 2016 kepada pengarah dan setiausaha syarikat.</p> <p>Tindakan Pentadbiran: Tindakan pentadbiran telah dikenakan ke atas 261 pengarah dan setiausaha syarikat.</p> <p>Data Perbandingan: 2022: 405 notis pematuhan dan 405 tindakan pentadbiran 2021: 444 notis pematuhan dan 444 tindakan pentadbiran</p>	<p>Jumlah Notis: Lima (5) notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 198 AS 2016 terhadap pengarah yang bankrap.</p> <p>Tindakan Pentadbiran: Tindakan pentadbiran telah dikenakan terhadap enam (6) pengarah.</p> <p>Data Perbandingan: 2022: 11 notis pematuhan dan satu (1) tindakan pentadbiran 2021: Tiada notis pematuhan dan dua (2) tindakan pentadbiran</p>	<p>Jumlah Notis: 2,696 notis pematuhan telah dikeluarkan di bawah seksyen 360 AS 2016 terhadap syarikat, pengarah dan setiausaha syarikat.</p> <p>Tindakan Pembatalan Nama Syarikat: 716 syarikat telah dicadangkan untuk pembatalan nama di bawah seksyen 549 AS 2016.</p> <p>Data Perbandingan: 2022: 1,409 notis pematuhan dan 477 syarikat dicadangkan untuk pembatalan nama 2021: 1,469 notis pematuhan dan 79 syarikat dicadangkan untuk pembatalan nama</p>

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

STATISTIK PEMERIKSAAN FIZIKAL, PASAR MALAM & FOOD TRUCK (OPS SAMAR), OPERASI BERSEPADU (OPS NIAGA) DAN OPERASI BERSEPADU (OPS PATUH BERSAMA PELBAGAI PEJABAT NEGERI SSM)

	2023	2022	2021
Pemeriksaan Premis Perniagaan di bawah APP 1956	3,714	2,680	875
Pemeriksaan Premis Syarikat di bawah AS 2016	3,089	2,792	606
Pemeriksaan Premis PLT di bawah APLT 2012	32	62	9
Pemeriksaan Pasar Malam & Food Truck (OPS SAMAR)	6	4	4
Operasi Bersepadu (OPS NIAGA)	6	3	-
Operasi Bersepadu (OPS PATUH BERSAMA PELBAGAI PEJABAT NEGERI SSM)	2	1	-
Kompaun	402	114	21

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT

Ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat Penyata Kewangan yang diserah simpan kepada SSM adalah komponen penting yang dititik beratkan oleh SSM selain dari maklumat korporat lain. Untuk kekal responsif terhadap keadaan semasa, SSM komited untuk melaksanakan pendekatan penguatkuasaan seimbang.

Pemantauan Penyata Kewangan dilaksanakan mengikut keperluan pematuhan yang dinyatakan dalam AS 2016 dan ASSM 2001 serta pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan berkaitan penyediaan Penyata Kewangan. Pemantauan ini dijalankan menggunakan pendekatan berdasarkan risiko.

Objektif utama adalah untuk memastikan syarikat menyimpan rekod perakaunan serta dokumen sokongan yang lengkap, menyediakan Penyata Kewangan tepat pada masanya dan memastikan setiap transaksi direkodkan dengan tepat. Proses ini juga bertujuan untuk memastikan Penyata Kewangan memberikan gambaran yang benar dan adil, seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 259 AS 2016.

Pada tahun 2023, sejumlah 6,057 Penyata Kewangan telah dipantau melalui analisis data dan pemeriksaan fizikal, merangkumi pelbagai skop serta jenis entiti, bagi memastikan integriti Penyata Kewangan yang diserahkan kepada SSM terpelihara.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN**PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN BERSTATUS LAPORAN JURUAUDIT BERSYARAT (MODIFIED)**

Penyata Kewangan yang berstatus laporan juruaudit bersyarat (*Modified*) menunjukkan bahawa terdapat isu tertentu yang dikenal pasti semasa proses pengauditan, yang mempengaruhi Penyata Kewangan. Terdapat tiga (3) jenis pernyataan bersyarat oleh juruaudit iaitu *Modified Opinion – Except For, Modified – Disclaimer* dan *Modified – Adverse*.

Objektif pemantauan Penyata Kewangan adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengarah-pengarah syarikat terhadap kepentingan penyimpanan rekod-rekod perakaunan yang lengkap bagi menerangkan sesuatu transaksi dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat dengan tepat, seperti yang dinyatakan dalam seksyen 245 AS 2016. Pemantauan ini adalah bagi memastikan Penyata Kewangan yang disediakan memberikan gambaran benar dan adil.

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 1,551 Penyata Kewangan berstatus bersyarat (*Modified*) telah dipantau, merangkumi 1,536 melalui analisis data dan 15 melalui pemeriksaan fizikal yang dijalankan di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Sabah. Syarikat yang terlibat bagi pemeriksaan ini adalah syarikat persendirian dan syarikat awam tersenarai.

**PEMANTAUAN SYARIKAT PERSENDIRIAN TERKECUALI (SPT)**

SSM memantau SPT walaupun mereka tidak diwajibkan untuk mengemukakan Penyata Kewangan kepada SSM. SPT ditakrifkan sebagai sebuah syarikat persendirian di mana tiada kepentingan benefisial dalam sahamnya dipegang secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana perbadanan dan yang mempunyai tidak lebih daripada 20 anggota di mana kesemuanya bukan suatu perbadanan.

Objektif utama pemeriksaan fizikal adalah untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah seksyen 47(1)(h), 245(1) hingga (4), 257(1), 260(2) dan 261(1) AS 2016. Selain itu, pemeriksaan ini bertujuan untuk mencegah penyalahgunaan keistimewaan yang diberikan kepada SPT, khususnya berkaitan dengan pengecualian daripada pengauditan Penyata Kewangan dan pematuhan terhadap peruntukan berkaitan.

Pemeriksaan telah dijalankan di alamat berdaftar dan memfokuskan kepada tanggungjawab syarikat untuk menyimpan salinan Penyata Kewangan beraudit di alamat pejabat berdaftar serta pematuhan terhadap peruntukan lain yang berkaitan dengan SPT. Kompetensi setiausaha syarikat dinilai berdasarkan kemampuan mereka untuk menyerah simpan borang di bawah seksyen 47(2) AS 2016, terutamanya jika alamat berdaftar berbeza daripada tempat dokumen dan rekod disimpan.

Selain itu, pemeriksaan turut dijalankan di lokasi di mana rekod perakaunan disimpan untuk memastikan rekod-rekod ini adalah tepat dan boleh disahkan berdasarkan dokumentasi sokongan syarikat.

LAPORAN PENGURUSAN INISIATIF PENGUATKUASAAN

Statistik pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

Statistik Pemeriksaan SPT



Pemeriksaan Fizikal

2023: 807

2022: 10
2021: 10

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN TIDAK BERAUDIT

Pada 4 Ogos 2017, SSM mengeluarkan *Practice Directive No. 3/2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies* (PD3/2017). PD3/2017 ini memberikan garis panduan yang membolehkan syarikat persendirian tertentu layak untuk mendapat pengecualian audit berdasarkan kriteria tertentu.

SSM telah memantau Penyata Kewangan yang tidak beraudit yang diserah simpan oleh syarikat-syarikat ini untuk memastikan pematuhan kepada kriteria yang ditetapkan dalam PD3/2017. Pemantauan memberi tumpuan kepada kategori berikut:

- (a) Dormant Companies;
- (b) Zero-Revenue Companies; dan
- (c) Threshold-Qualified Companies.

Statistik pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

Pemantauan Penyata Kewangan Tidak Beraudit

2023

607

2022

253

2021

1,245

PEMANTAUAN SYARIKAT ASING

Pemeriksaan terhadap syarikat asing telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mengekalkan rekod perakaunan yang lengkap bagi menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat asing dengan baik. Usaha ini juga bertujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan syarikat asing di bawah seksyen 245 dan 574 AS 2016.

SSM mengeluarkan Borang Maklumat Syarikat Asing (BMSA) bagi memudahkan pengumpulan maklumat daripada syarikat-syarikat asing.

Jumlah keseluruhan pemeriksaan data dan fizikal syarikat asing adalah seperti berikut:

Statistik Pemeriksaan Syarikat Asing

2023

468

2022

360

2021

113

PEMANTAUAN SYARIKAT AMANAH


Syarikat amanah ialah entiti yang diperbadankan di bawah AS 2016 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah ASA 1949. Menurut seksyen 8 ASA 1949, syarikat amanah diberi kuasa untuk menerima dan melaksanakan peranan sebagai pelaksana, pentadbir, pemegang amanah, penerima, pengurus, penerima pindah hak, pelikuidasi, penjaga harta seorang budak, jawatankuasa bagi estet orang bercelaru mental, atau apa-apa tanggungjawab fidusiari lain. Memandangkan syarikat amanah menguruskan pelbagai jenis amanah dan dana, mereka amat terdedah kepada risiko pengubahan wang haram.

Pada tahun 2023, satu kaji selidik bertajuk ‘Ulasan Perniagaan: Kaji Selidik Maklum Balas Pengarah’ telah diedarkan kepada semua syarikat amanah untuk mengumpul maklumat mengenai tahap kesedaran di kalangan pengarah syarikat amanah mengenai penyediaan ulasan perniagaan dalam laporan pengarah. Kesedaran ini adalah berkaitan dengan pendedahan terhadap tanggungjawab korporat dan kelestarian perniagaan.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 37 syarikat amanah telah dipantau untuk memastikan pematuhan terhadap seksyen 245 AS 2016 dan seksyen 21 ASA 1949.

**PEMANTAUAN LAPORAN PENGARAH DALAM PENYATA KEWANGAN**

Seksyen 252(1) AS 2016 menghendaki pengarah syarikat menyediakan laporan pengarah, yang perlu dikemukakan kepada SSM bersama dengan Penyata Kewangan syarikat. Syarikat diwajibkan untuk menzahirkan anak syarikat dalam Penyata Kewangan yang disatukan mengikut seksyen 250 AS 2016. Mengikut Jadual Kelima di bawah seksyen 253 AS 2016, laporan pengarah perlu dengan jelas menyatakan butiran dalam Penyata Kewangan yang disatukan bagi syarikat dan subsidiarinya, termasuk nama, tempat diperbadankan, aktiviti utama dan peratusan modal saham diterbitkan yang dipegang oleh syarikat tersebut dalam setiap subsidiari.

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 2,493 laporan pengarah dalam Penyata Kewangan syarikat telah diperiksa.

2023	2022	2021
2,493	898	N/A

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN DISATUKAN

Berkenaan dengan Penyata Kewangan, SSM memastikan pematuhan terhadap seksyen 244, 247 dan 250 AS 2016, yang berkaitan dengan keperluan bagi syarikat untuk menyediakan Penyata Kewangan disatukan. Penyata Kewangan disatukan merupakan gabungan Penyata Kewangan beberapa entiti sebagai satu laporan kewangan tunggal, memberikan gambaran menyeluruh tentang kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah kumpulan syarikat. Fokus pemantauan di bawah seksyen 250 AS 2016, adalah untuk memastikan bahawa syarikat induk menzahirkan anak syarikat mereka dalam Penyata Kewangan disatukan.

Statistik pemantauan data adalah seperti berikut:

Statistik Pemantauan Data Penyata Kewangan Disatukan		
2023	2022	2021
80 Syarikat	10 Syarikat	N/A

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

KESALAHAN YANG DIKENAL PASTI SEMASA PEMERIKSAAN PADA TAHUN 2023

215**Seksyen 245 AS 2016**

Kegagalan syarikat untuk menyimpan rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang diperlukan.

9**Seksyen 244 AS 2016**

Kegagalan syarikat untuk mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

86**Seksyen 27B ASSM 2001**

Kegagalan syarikat untuk menyediakan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan fungsi dan kuasa Pendaftar.

2**Seksyen 250 AS 2016**

Kegagalan syarikat untuk menyediakan Penyata Kewangan disatukan.

102**Practice Directive 3/2017**

Kegagalan syarikat untuk mematuhi *Practice Directive 3/2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies*.

PEMANTAUAN REKOD PERAKAUNAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Pada tahun 2023, SSM terus memantau PLT untuk memastikan pematuhan terhadap garis panduan dan undang-undang yang berkaitan. Ini termasuk pemantauan terhadap pematuhan setiap PLT kepada seksyen 69 APLT 2012, yang berkaitan dengan penyimpanan rekod perakaunan. Ini adalah bagi memastikan bahawa PLT memberikan maklumat yang tepat dan jelas selaras dengan seksyen 80 APLT 2012.

Objektif utama pemantauan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai pematuhan dan rakan kongsi mengenai kepentingan penyimpanan rekod perakaunan yang lengkap. Amalan ini adalah penting untuk menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan PLT dengan tepat, yang akhirnya menyumbang kepada kadar pematuhan yang lebih tinggi di kalangan PLT.

**Pemeriksaan fizikal ke atas
Perkongsian Liabiliti Terhad**

2023**16**

2022: 10
2021: 8

**PEMANTAUAN
STATISTIK
PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD**

**Pengeluaran Notis Pematuhan
bagi Rectification of Annual
Declarations**

12

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Sebanyak 12 notis pematuhan telah dikeluarkan berdasarkan percanggahan yang ditemui antara nilai yang dinyatakan dalam *key financial indicator* dan akaun PLT. Tindakan ini selaras dengan keperluan seksyen 17 APLT 2012, yang mewajibkan bahawa sebarang perubahan yang didaftarkan bagi sesuatu PLT mesti dimaklumkan kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari, atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan.

LAPORAN PENGURUSAN INISIATIF PENGUATKUASAAN

HEBAHAN KESEDARAN AWAM MELIBATKAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT DAN PLT

Kesinambungan dari aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, SSM juga giat mengadakan program hebaham awam melalui e-poskad bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengarah, setiausaha syarikat, agen syarikat dan pegawai pematuhan berhubung peruntukan-peruntukan seperti berikut :

- Pematuhan kepada seksyen 47(1)(h) AS 2016 mengenai keperluan untuk menyimpan salinan Penyata Kewangan di alamat pejabat berdaftar;
- Pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan di bawah seksyen 244 AS 2016;
- Pematuhan terhadap rekod perakaunan dan rekod lain di bawah seksyen 245 AS 2016;
- Pelaksanaan sistem kawalan dalaman di bawah seksyen 246 AS 2016;
- Penyediaan Penyata Kewangan disatukan di bawah seksyen 250(1) AS 2016;
- Penyertaan kandungan laporan pengarah dalam Penyata Kewangan di bawah seksyen 252(1) dan 252(3) AS 2016;
- Pelaporan mengenai ulasan perniagaan di bawah seksyen 253(3) AS 2016;
- Pematuhan terhadap seksyen 257 AS 2016 mengenai pengedaran Penyata Kewangan kepada ahli syarikat;
- Kewajipan untuk menyerah simpan sijil berkaitan SPT bersama dengan penyataan juruaudit di bawah seksyen 260 dan 261 AS 2016;
- Pematuhan terhadap penyimpanan rekod perakaunan oleh syarikat asing di bawah seksyen 574 AS 2016;
- Meningkatkan kesedaran di kalangan ejen dan pengarah syarikat asing mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
- Pematuhan terhadap penyimpanan rekod perakaunan dan rekod lain di bawah seksyen 69 APLT 2012; dan
- Menangani kesalahan berkaitan pernyataan palsu dan mengelirukan di bawah seksyen 80 APLT 2012.

Statistik hebaham yang melibatkan Penyata Kewangan syarikat dan PLT melalui e-poskad bagi tahun 2023 adalah seperti di bawah:

Statistik Program Kesedaran melalui e-Poskad

2023

36,856

2022

203

2021

64,182



PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Pemantauan SBMJ adalah penting disebabkan penglibatan mereka dalam pengumpulan dan pengagihan dana. Pemantauan ini memastikan SBMJ mematuhi peruntukan AS 2016, Garis Panduan SBMJ dan ASSM 2001. Seksyen 45(1) AS 2016 membenarkan SBMJ untuk menjalankan aktiviti seperti kebajikan, keagamaan, pendidikan, sosial dan aktiviti lain yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Aktiviti pemantauan ke atas SBMJ merangkumi kedua-dua pemeriksaan fizikal dan analisis data. Selain itu, e-poskad turut diterbitkan bagi menerapkan nilai-nilai tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah SBMJ.

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN


PEMERIKSAAN FIZIKAL SBMJ

Pada tahun 2023, SSM telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas 40 SBMJ untuk memeriksa penyimpanan rekod perakaunan dan pengesahan aset.

Statistik pemeriksaan fizikal adalah seperti berikut:




PEMERIKSAAN DATA SBMJ



PROGRAM KESEDARAN MELALUI E-POSKAD

Pada tahun 2023, sebanyak tiga (3) e-poskad kesedaran telah diterbitkan kepada pengarah dan setiausaha SBMJ pula pada bulan Mac, Julai dan Ogos. e-Poskad ini telah diedarkan melalui e-mel setiausaha syarikat untuk memastikan ia sampai kepada pengarah SBMJ dengan berkesan. Tujuan penerbitan e-poskad ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan SBMJ mengenai pematuhan terhadap peruntukan AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ.

E-poskad kesedaran yang diterbitkan merangkumi topik berikut:




LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN**TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP SBMJ PADA TAHUN 2023**

Sepanjang tahun 2023, tindakan penguatkuasaan termasuk kompaun, notis pematuhan dan notis peringatan telah dikeluarkan terhadap SBMJ yang didapati telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah peruntukan AS 2016 dan Garis Panduan SBMJ.

Maklumat terperinci mengenai tindakan ini adalah seperti berikut:

**PEMANTAUAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR**

SSM sentiasa memantau Skim Kepentingan Berdaftar (SKB) untuk memastikan pematuhan dengan garis panduan dan peruntukan yang ditetapkan di bawah ASK 2016. Aktiviti pemantauan SKB termasuk pemeriksaan fizikal ke atas kemudahan skim dan rekod perakaunan seperti yang dikehendaki oleh ASK 2016. Pemantauan data prospektus berdaftar juga dijalankan untuk mengesahkan bahawa skim tetap aktif dan tidak terlibat dalam penjualan prospektus yang telah tamat tempoh.

Salah satu objektif utama pemantauan SKB adalah untuk memastikan bahawa pegawai syarikat pengurusan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik. Pemantauan berterusan bertujuan untuk memastikan syarikat pengurusan mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam ASK 2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus berdaftar. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran, SSM boleh mengeluarkan notis pematuhan, mengeluarkan kompaun atau memulakan tindakan mahkamah terhadap syarikat pengurusan yang dikenal pasti melanggar peruntukan ASK 2016.

Selain itu, SSM telah menjalankan pemantauan ke atas pemegang amanah bagi memastikan bahawa pemegang amanah skim yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang ditetapkan dalam SIA dan mengikut seksyen 24 ASK 2016.



LAPORAN PENGURUSAN INISIATIF PENGUATKUASAAN

PEMERIKSAAN FIZIKAL SKIM KEPENTINGAN: KATEGORI SKIM KONGSI MASA

SSM telah menjalankan pemeriksaan ke atas skim kongsi masa di Kuching, Sarawak. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan kemudahan yang disediakan kepada ahli skim adalah dalam keadaan baik. Hasil pemeriksaan menunjukkan kemudahan yang ditawarkan kepada ahli adalah diselenggara dengan baik dan sesuai untuk digunakan oleh ahli skim.

PEMERIKSAAN FIZIKAL SKIM KEPENTINGAN: KATEGORI SKIM TAMAN MEMORIAL

Selain itu, SSM turut menjalankan pemeriksaan ke atas skim taman memorial yang terletak di Ulu Kinta, Perak. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan bahawa kemudahan yang disediakan kepada anggota skim adalah dalam keadaan baik dan diselenggara dengan baik. Hasil pemeriksaan menunjukkan kemudahan yang ditawarkan kepada ahli skim adalah terjaga dengan baik dan plot-plot skim kepentingan sedia untuk digunakan oleh ahli.

PEMERIKSAAN FIZIKAL KEMUDAHAN SKIM AKTIF

Sepanjang tahun 2023, SSM telah menjalankan 12 pemeriksaan fizikal ke atas skim aktif yang terletak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan bahawa kemudahan yang disediakan kepada ahli skim adalah dalam keadaan baik dan diselenggara dengan baik.



TINDAKAN PENGUATKUASAAN ASK 2016


<div style="text-align: center; border-radius: 50%; width: 100px; height: 100px; background-color: #f0f0f0; margin-bottom: 10px;">  </div> <p>SEKSYEN 28(4)</p> <p>Kehendak untuk mendaftarkan dan menyerah simpan prospektus atau pernyataan penzahiran produk</p>	<div style="text-align: center; border-radius: 50%; width: 100px; height: 100px; background-color: #f0f0f0; margin-bottom: 10px;">  </div> <p>SEKSYEN 46(2)</p> <p>Kewajipan dan obligasi am syarikat pengurusan</p>
---	--

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

SIASATAN

Pada tahun 2023, sejumlah 452 Kertas Siasatan (KS) dan Kertas Inkuiiri (KI) telah dibuka. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 83.6% (378 kes) yang disiasat merupakan kesalahan di bawah AS 2016, manakala 33 kes melibatkan siasatan di bawah APP 1956. Siasatan di bawah APP 1956 menunjukkan penurunan sebanyak 37.7% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022, yang mencatatkan jumlah kes sebanyak 53 kes.



Pada masa ini, orang ramai sering terdedah kepada tawaran pelaburan yang mencurigakan dan promosi skim yang tidak berdaftar melalui media sosial. Ini telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kes siasatan yang ketara di bawah ASK 2016, yang mencatatkan 14 kes pada tahun 2023, meningkat daripada 7 kes pada tahun 2022. Selain itu, kesalahan di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 juga menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan 10 kes dilaporkan pada tahun 2023 berbanding empat (4) kes pada tahun sebelumnya.

KESALAHAN YANG DIKENAL PASTI SEMASA PEMERIKSAAN PADA TAHUN 2023

	2023	2022
Akta Syarikat 2016	378	378
Akta Syarikat 1965	7	17
Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	33	53
Akta Skim Kepentingan 2016	14	7
Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971	10	4
Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	10	6

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN



Pemalsuan pelaporan syarikat adalah kesalahan yang paling banyak disiasat pada tahun 2023, mencatatkan 188 kes (41.6%). Ini diikuti oleh kesalahan berkaitan pelanggaran tanggungjawab fidusiari pengarah (130 kes, 28.7%), pelantikan dan peletakan jawatan yang tidak sah (44 kes, 9.7%) dan penipuan pelaburan (35 kes, 7.7%).

**BENGKEL PEMBANGUNAN SENARAI RED FLAGS
BAGI KESALAHAN PREDIKAT DALAM JADUAL
KEDUA AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG
HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN
DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001
(AMLATPUAA) YANG DITADBIR OLEH SSM**

Bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan senarai komprehensif *Red Flags* yang akan berfungsi sebagai rujukan dan panduan praktikal bagi Bahagian Siasatan dan bahagian-bahagian lain di SSM. Objektif utamanya adalah untuk mengenal pasti *Red Flags* dalam proses kerja, menggalakkan tindak balas proaktif, menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dan akhirnya memastikan kewaspadaan berterusan terhadap kemungkinan aktiviti pengubahan wang haram oleh entiti yang ditadbir oleh SSM.

Bengkel ini telah diadakan dari 6 hingga 8 Disember 2023 dan dihadiri oleh 50 pegawai dari Bahagian Siasatan, SSM. Pegawai dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah dijemput sebagai penceramah untuk membantu Bahagian Siasatan dalam membangunkan senarai *Red Flags*.

**PROGRAM TRANSNATIONAL ANTI MONEY
LAUNDERING ASSISTANCE (TAMLA): IN-PERSON JOINT
ADVANCED OSINT TRAINING OF TRAINERS (TOT) DI
BANGKOK, THAILAND**

SSM telah dijemput oleh Pusat Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) untuk menyertai *Program In-Person Joint Advance OSINT TOT* yang diadakan di Bangkok, Thailand, dari 19 hingga 21 Jun 2023.

Program ini adalah kesinambungan daripada inisiatif TAMLA, yang diadakan dengan kerjasama NFCC dan American Bar Association Rule of Law Initiative (ABA ROLI). Program ini bermula pada tahun 2021 dan merangkumi *e-Learning* serta TAMLA *Virtual Learning*. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai penyiasat dalam perkara berikut:

- (a) Menganalisis data kewangan menggunakan maklumat daripada sumber terbuka;
- (b) Meningkatkan keupayaan dalam menjalankan siasatan dan analisis melalui peralatan analitikal; dan
- (c) Mengenal pasti aplikasi kerja dan dokumentasi yang bersesuaian semasa aktiviti penyiasatan kewangan.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

Program ini dihadiri oleh pegawai dari pelbagai agensi, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), KPDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA), NFCC serta pegawai dari Anti-Money Laundering Office (AMLO) di Thailand.

CERTIFICATION OF CERTIFIED FINANCIAL INVESTIGATING OFFICERS (CFIP)

Program CFIP telah dianjurkan secara bersama oleh BNM dan SC. Program ini merupakan inisiatif Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Penggubahan Wang Haram Peringkat Kebangsaan (NCC), bertujuan untuk membentuk kumpulan pegawai penyiasat kewangan bertauliah yang berdedikasi dalam memerangi jenayah kewangan.

Pada 26 Januari 2023, sejumlah 78 pegawai dari 14 agensi penguat kuasa di Malaysia, termasuk dua (2) pegawai penyiasat dari Bahagian Siasatan, SSM, telah dianugerahkan CFIP.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Haji Mustafar Haji Ali, Ketua Pengarah NFCC dan dihadiri oleh ahli Lembaga Penasihat NFCC serta ketua-ketua agensi bagi NCC.

OPERASI BERSEPADU: OPS TROPICANA

Pada tahun 2023, SSM telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia, LHDN, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Cyber Security Malaysia (CSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) dalam satu operasi bersepadu yang dikenali sebagai Ops Tropicana.

Sejumlah 150 pegawai terlibat dalam operasi ini, yang menyasarkan sindiket penipuan pelaburan antarabangsa (*scammers*) yang beroperasi menerusi media sosial dan panggilan telefon. Sindiket menyasarkan warganegara Australia dan United Kingdom.

Semasa operasi tersebut, 24 lokasi telah diserbu, termasuk tiga (3) pusat panggilan (*operation centres*), premis syarikat dan perniagaan serta kediaman ahli sindiket di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

PROGRAM KERJASAMA ANTARA SSM DAN JABATAN PEMANTAUAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN, BNM

Terdapat peningkatan trend kesalahan yang disiasat oleh SSM membabitkan transaksi kewangan yang melibatkan *electronic money* (*e-money*). Oleh itu, SSM telah memulakan kerjasama dengan Jabatan Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran, BNM pada 17 Mei 2023.

Matlamat program ini adalah untuk menggalakkan kerjasama dan mengumpul maklumat daripada penyedia *e-money* yang dikawal selia oleh BNM.

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

SHARING OF EXPERIENCE (SOE) DALAM MENJALANKAN SIASATAN KESALAHAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AMLA)



Pada 12 Disember 2023, lima (5) pegawai penyiasat dari SSM menghadiri program SoE yang memfokuskan kepada penyiasatan kesalahan di bawah AMLA. Program tersebut diadakan di Pusat Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Program SoE berfungsi sebagai platform bagi pegawai berpengalaman dari pelbagai agensi penguatkuasaan Malaysia untuk berkongsi pandangan mengenai topik tertentu berkaitan dengan semua agensi penguatkuasaan. Objektifnya termasuk meningkatkan pemahaman tentang aspek undang-undang dalam menjalankan siasatan di bawah AMLA untuk memastikan pendakwaan dan perbicaraan kes berjaya. Selain itu, program ini bertujuan untuk mengumpul cadangan dan amalan terbaik daripada agensi penguatkuasaan untuk menangani cabaran yang dihadapi dalam siasatan AMLA.

Program ini dijayakan melalui kerjasama dengan pegawai dari PDRM, SPRM dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN 2023 (ECON 2023)

ECON 2023 telah diadakan dari 24 hingga 26 Oktober 2023 di Pulau Pinang. Persidangan tahunan ini melibatkan 75 delegasi dari setiap Bahagian dan Pejabat Negeri di bawah Pejabat Kawal Selia dan Penguatkuasaan SSM.

ECON 2023 kali ini telah dilaksanakan dengan memperkenalkan kaedah Hackathon di kalangan delegasi. Antara lain, semasa sesi Hackathon tersebut, delegasi dikehendaki membincangkan setiap isu penguatkuasaan dan menyampaikan penyelesaian

secara berkumpulan di pentas. Hasil daripada Hackathon ini, sekretariat telah dapat merangkum dan menggabungkan beberapa idea inovatif dan cadangan penting untuk penambahbaikan aktiviti penguatkuasaan. ECON Edisi ke-15 ini telah disempurnakan oleh Tuan Khuzaire Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kawal Selia dan Penguatkuasaan yang turut dihadiri oleh tetamu jemputan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah SSM Pulau Pinang.



Gambar berkumpulan delegasi dan tetamu jemputan ECON 2023

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN**PENDAFTARAN KES MAHKAMAH PADA TAHUN 2023**

Tahun 2023 mencatatkan peningkatan bilangan pendaftaran kes pendakwaan di Mahkamah. SSM telah mendaftarkan 6,517 kes di Mahkamah pada tahun 2023 berbanding 6,083 kes pada tahun 2022, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 6.7%.

Statistik bagi kes kesalahan tadbir urus korporat tahun 2023 yang didaftarkan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM menurut Jadual Pertama, ASSM 2001 adalah seperti di jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2023	2022	2021
Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	1	2	-
Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	-	2
Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat.	22	14	-
Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	3	1	1
Seksyen 43(1) AS 2016: Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendeposit wang.	2	-	-
Seksyen 90 (3) AS 2016: Perihalan syer kelas yang berlainan.	2	-	-
Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	-	3
Seksyen 218(1)(c) AS 2016: Larangan terhadap penggunaan tidak wajar harta, jawatan, dsb.	1	-	-
Seksyen 230 AS 2016: Kelulusan bagi fi pengarah.	-	-	2
Seksyen 591(2)(a) AS 2016: Pernyataan palsu dan mengelirukan.	4	5	2
Seksyen 588(1)(c) AS 2016: Penalty Am.	2	-	-
Seksyen 593(a) AS 2016: Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung hal ehwal suatu perbadanan.	-	1	1
Seksyen 593(b) AS 2016: Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan mana-mana perkara yang diperlukan oleh Pendaftar untuk pelaksanaan akta ini.	1	-	-
Seksyen 80(1) APLT 2012: Pernyataan palsu dan mengelirukan.	-	-	1
JUMLAH	38	23	12

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim yang didaftarkan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM menurut Jadual Pertama, ASSM 2001 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN- KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2023	2022	2021
Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	3	163	214
Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	78	585	1,528
Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	2	43	66
Seksyen 30(1)(b) AS 2016: Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftarnya dan nombor pendaftaran syarikat di tiap-tiap tempat di mana perniagaannya dijalankan.	-	4	-
Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	5,712	4,589	3,413
Seksyen 259(1)(a) AS 2016: Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	645	660	328
Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	1	-	5
Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	-	8	36
Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan.	33	1	65
Kaedah 17A(1)(b) APP 1956, KKPP 1957: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	2	6	3
Kaedah 17A(2) APP 1956, KKPP 1957: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	12	-	62
JUMLAH	6,488	6,059	5,720

Statistik bagi kes kesalahan tadbir urus korporat tahun 2023 yang diambil tindakan pendakwaan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM menurut Jadual Pertama, ASSM 2001 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2023	2022	2021
Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	-	1
Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung.	11	14	2
Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat.	-	-	2
Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	3	3	-
Seksyen 43(1) AS 2016: Larangan terhadap syarikat persendirian untuk menawarkan syer atau debentur atau mempelawa untuk mendeposit wang.	2	-	-
Seksyen 90 (3) AS 2016: Perihalan syer kelas yang berlainan.	2	-	-

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2023	2022	2021
Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	2	-	-
Seksyen 218(1)(c) AS 2016: Larangan terhadap menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk memperolehi manfaat secara langsung atau tidak langsung atau menyebabkan syarikat terjejas.	1	-	-
Seksyen 591(2)(a) AS 2016: Pernyataan palsu yang mengelirukan.	4	4	1
Seksyen 593(a) AS 2016: Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung hal ehwal suatu perbadanan.	-	1	-
Seksyen 593(b) AS 2016: Laporan atau pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan mana-mana perkara yang diperlukan oleh Pendaftar untuk pelaksanaan akta ini.	1	-	-
Seksyen 594(2) AS 2016: Mendorong orang untuk melaburkan wang secara fraud.	1	-	-
Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	-	2	-
JUMLAH	27	24	6

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim tahun 2023 yang diambil tindakan pendakwaan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh SSM menurut Jadual Pertama, ASSM 2001 adalah seperti di jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2023	2022	2021
Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	11	230	242
Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	152	526	546
Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	2	10	37
Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	6,599	6,838	5,279
Seksyen 259(1)(a) AS 2016: Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	538	715	160
Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	-	-	522
Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh .	4	11	149
Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan.	21	20	120
Kaedah 17A(1)(b) APP 1956, KKPP 1957: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	5	5	2
Kaedah 17A(2) APP 1956, KKPP 1957: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	13	24	168
Kaedah 17A(3) APP 1956, KKPP 1957: Menggunakan nama perniagaan yang tidak dapat kebenaran Menteri.	-	1	-
JUMLAH	7,352	8,380	7,225

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

KES-KES SABITAN TAHUN 2023

Tahun 2023 mencatatkan jumlah sabitan sebanyak 117 kes. Ringkasan kes-kes penting yang dikendalikan oleh SSM adalah seperti berikut:

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
Pendakwa Raya vs Mohd Rizal Bin Rusli	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 364(2) AS 1965	Tertuduh telah dituduh di Mahkamah Sesyen Bangi pada 9 Mac 2021. Tertuduh didakwa telah memberi kuasa kepada seorang individu untuk membuat satu pernyataan palsu berkenaan butir material di dalam Borang 32A yang mana pernyataan palsu tersebut adalah berhubung dengan pemindahan saham daripada salah seorang pemegang saham syarikat kepada tertuduh sendiri berjumlah 500,000 unit saham di syarikat SNR Technology Sdn Bhd. OKS mengaku tidak salah dan kes dibicarkan. Pada 15 Mei 2023, Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM 25,000.00 dan penjara enam (6) bulan jika gagal.
Pendakwa Raya vs Ong Ann Yun	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 591(2)(a) AS 2016	Tertuduh telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang pada 15 November 2022 telah membenarkan supaya satu pernyataan palsu dalam butir material dibuat di dalam Borang 58 <i>Notification of Change in the Register of Directors, Managers and Secretaries</i> , iaitu berkenaan dengan pelantikan seorang individu sebagai pengarah syarikat Tysewoon Sdn Bhd Syarikat tanpa pengetahuan dan kebenaran individu terbabit. Tertuduh menfaillkan permohonan rundingan akuan dan pada 22 Februari 2023, Mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh iaitu denda sebanyak RM20,000.00 atau penjara dua (2) bulan jika gagal.
Pendakwa Raya vs Bala Muraly A/L Supremaniam & Lain-lain	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 364(2) AS 1965	Pengarah dan pekerja syarikat telah disabitkan dengan satu kesalahan di bawah seksyen 364(2) AS 1965 yang dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan kerana memalsukan dokumen pindah milik saham syarikat. Tertuduh-tertuduh telah membuat satu pernyataan palsu berkenaan butir-butir yang material di dalam Borang 32A suatu dokumen yang dikehendaki di bawah seksyen 103 (1) AS 1965. Tertuduh pertama dikenakan hukuman denda sebanyak RM50,000 dan penjara enam (6) bulan jika gagal manakala tertuduh kedua pula dikenakan hukuman denda sebanyak RM20,000 dan penjara tiga (3) bulan jika gagal. Mahkamah turut memerintahkan tertuduh-tertuduh membayar kos pendakwaan kepada SSM sebanyak RM10,000.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
Pendakwa Raya vs Tan Boon Khee	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 591(2)(a) AS 2016	Agen Cukai telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 591(2)(a) AS 2016 bagi pertuduhan memalsukan laporan juruaudit dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat. Penyata kewangan syarikat dan laporan juruaudit yang terkandung dalam penyata tersebut sebenarnya telah disediakan oleh tertuduh tanpa pengetahuan dan persetujuan pihak firma juruaudit. Tertuduh telah membuat pengakuan bersalah dan dikenakan penalti sebanyak RM20,000 dan penjara tiga (3) bulan jika gagal.

SABITAN PENDAKWAAN TAHUN 2021 HINGGA 2023

Statistik sabitan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

KATEGORI	KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT			KESALAHAN LAZIM		
	2023	2022	2021	2023	2022	2021
Syarikat	-	-	-	110	170	90
Pengarah	3	3	3	-	-	-
Pemilik/ Perniagaan Individu	4	2	1	-	6	18
JUMLAH	7	5	4	110	176	108

Statistik Kes Baharu

Berikut adalah perbandingan statistik kes sivil dari 2020 hingga 2023:

TAHUN	JUMLAH FAIL YANG DIKENDALIKAN	JUMLAH FAIL YANG DITUTUP
2020	422	400
2021	519	473
2022	678	524
2023	813	778
JUMLAH	2,432	2,175

Kebanyakan kes baharu melibatkan permohonan oleh syarikat kepada Mahkamah Tinggi untuk memohon lanjutan tempoh pendaftaran gadaian atau meminda gadaian yang sedia ada. Selain itu, terdapat juga permohonan untuk mendaftarkan semula nama syarikat di dalam Daftar Syarikat SSM (*Reinstatement of Company*).

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, 354 kes melibatkan permohonan lanjutan tempoh dan pindaan Borang *Statement of Particulars to Be Lodge with Charge*, yang menyumbang kepada 43.54% daripada jumlah kes yang dikendalikan. Selain itu, 333 kes merupakan permohonan untuk mendaftarkan semula nama syarikat di dalam Daftar Syarikat SSM (*Reinstatement of Company*), yang merangkumi 40.96% daripada jumlah keseluruhan kes yang dikendalikan. Manakala selebihnya iaitu 126 kes melibatkan kes-kes lain iaitu bersamaan dengan 15.5% daripada jumlah fail yang dikendalikan.

Terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah fail yang dikendalikan oleh SSM pada tahun 2023, dengan lebihan 135 fail (peningkatan 19.91%) berbanding tahun 2022 dan 92.65% lebih tinggi berbanding tahun 2020. Begitu juga, jumlah fail yang ditutup meningkat dengan ketara sebanyak 254 fail (48.47%) berbanding tahun 2022 dan 94.5% berbanding tahun 2020. Peningkatan tersebut telah dijangka, memandangkan mahkamah memerlukan lebih banyak masa untuk menyelesaikan kes *backlog* yang disebabkan oleh pandemik, terutamanya untuk kes-kes yang difailkan pada tahun 2022, di samping peningkatan dalam kes baharu pada tahun 2023.

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PENGUATKUASAAN

Antara kes-kes Mahkamah yang dikendalikan oleh SSM adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Permohonan untuk mendaftarkan semula nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);
- (b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 361 AS 2016);
- (c) Permohonan untuk pengisytiharan pembatalan pembubaran syarikat (*Dissolved to Winding Up*) di bawah seksyen 535(1) AS 2016;
- (d) Permohonan berkaitan pembetulan daftar syarikat menurut seksyen 103 AS 2016;
- (e) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah seksyen 602 AS 2016;
- (f) Permohonan Semakan Kehakiman di bawah Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (g) Kes-kes writ saman yang melibatkan injunksi, tuntutan kecuaian dan ganti rugi terhadap SSM; dan
- (h) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

Kes-Kes Penting yang Dikendalikan oleh SSM Sepanjang Tahun 2023

Berikut adalah antara kes guaman civil penting yang dikendalikan oleh SSM:



**Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Rayuan
No. WA-12BNCVC-36-03/2022 (TNB v
SSM & Anor)**

Kes ini adalah berkenaan pengubahan pada pemasangan meter/ meter yang didapati telah dilakukan di premis perniagaan yang berdaftar di bawah nama Pusat Internet Signet. Rentetan itu, Plaintiff iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memfailkan tuntutan saman untuk menuntut jumlah kerugian sebanyak RM140,606.81 terhadap Defendant Pertama (D1) selaku pemilik berdaftar Pusat Internet Signet.

Namun demikian, D1 menafikan perniagaan tersebut miliknya dan mendakwa bahawa namanya telah disalahgunakan oleh pihak lain ketika Pusat Internet Signet tersebut didaftarkan. Oleh yang demikian, TNB telah menamakan SSM sebagai Defendant Kedua bagi mendapatkan fakta penuh kes bagi tanggung rugi dan/ atau indemniti sekiranya terbukti SSM telah cuai, gagal dan/ atau abai memastikan pendaftaran perniagaan tersebut dibuat dengan sempurna dan teratur.

Pada 23 Februari 2022, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah memutuskan bahawa SSM dan TNB telah bersama melakukan sumbang cuai (*contributory negligence*) di mana TNB menanggung liabiliti sebanyak 35% manakala SSM menanggung liabiliti sebanyak 65%. SSM dikehendaki membayar kepada TNB jumlah seperti berikut:

- (a) RM140,606.81 berserta faedah ke atas jumlah ter hutang pada kadar 5% dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian sepenuhnya mengikut kuantum pecahan sumbang cuai; dan
- (b) Kos sebanyak RM13,000.00 kepada Plaintiff.

Walau bagaimanapun, SSM dan TNB telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan HMS tersebut. Namun demikian, SSM terpaksa menarik semula rayuan terhadap D1 memandangkan tiada dokumen dan bukti yang mencukupi untuk mencari pihak yang telah mendaftarkan perniagaan di sebalik penama D1.

Pada 26 Mei 2023, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah menyampaikan keputusan ringkas mengenai kes rayuan TNB seperti berikut:

- (a) Rayuan TNB terhadap D1 adalah ditolak dengan kos sebanyak RM10,000.00 untuk dibayar oleh TNB kepada D1;

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

- (b) Keputusan HMS berkenaan isu sumbang cuai adalah diketepikan dan HMS telah terkhilaf dalam memutuskan isu sumbang cuai kerana isu tersebut tidak pernah diplidik oleh mana-mana pihak;
- (c) Perlindungan daripada liabiliti diri di bawah seksyen 25 ASSM 2001 adalah terpakai dan SSM tidak boleh dikenakan liabiliti terhadap mana-mana tindakan SSM dalam menjalankan kuasa dan tugasnya di bawah seksyen 17 ASSM 2001 kecuali sekiranya dapat dibuktikan tindakan tersebut dilakukan dengan niat jahat (*bad faith*).
- (d) Perniagaan Pusat Internet Signet telah didaftarkan dengan teratur;
- (e) SSM tidak bertanggungjawab terhadap tuntutan TNB sebanyak RM 140,606.81;
- (f) Kos sebanyak RM13,000.00 yang diputuskan oleh HMS untuk dibayar oleh SSM kepada TNB adalah diketepikan; dan
- (g) Tiada kos diberikan kepada SSM selaku Responden Kedua dalam Rayuan TNB.

 **Mahkamah Tinggi Johor Bahru No Saman Pemula: JA-24NCVC-272-04/2019 (Puncak Mahawangsa Sdn Bhd & 2 Lg v Suruhanjaya Syarikat Malaysia).**

Plaintif Pertama dan Defendant Pertama adalah pengarah dan pemegang saham Plaintiff Kedua (Syarikat), dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 80% dan 20%. Menurut Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diadakan pada 30 Oktober 2017 yang telah diadakan oleh Plaintiff Pertama, beberapa resolusi telah diluluskan, termasuk pelantikan pengarah baharu dan penyingkirkan Defendant Pertama sebagai pengarah Syarikat.

Walaupun notis telah dihantar kepada Plaintiff Pertama dan Defendant Pertama, Defendant Pertama tidak hadir. Oleh itu, Plaintiff Pertama menggunakan kuasanya sebagai pemegang saham majoriti untuk mengadakan mesyuarat dan memutuskan agenda semasa ketidaan Defendant Pertama.

Pada April 2018, Defendant Pertama telah membuat aduan terhadap Plaintiff Pertama kepada Defendant Kedua, SSM mendakwa bahawa Plaintiff Pertama telah mengadakan EGM tanpa kuorum dan akibatnya, resolusi yang diluluskan adalah batal dan tidak sah. Susulan aduan tersebut, SSM telah menjalankan siasatan dan mendapati bahawa Plaintiff Pertama sebenarnya telah mengarahkan setiausaha syarikat untuk memanggil EGM pada 30 Oktober 2017. Oleh itu, pada awal 2019, SSM telah mendakwa Plaintiff Pertama di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas kesalahan melanggar seksyen 328(4) dan (5) AS 2016, yang merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 588 AS 2016.

Selepas pertuduhan di Mahkamah Sesyen, Plaintiff memfailkan permohonan untuk pengisyntiharan bahawa pelantikan pengarah baharu Plaintiff Kedua pada 30 Oktober 2017 mengikut terma perjanjian bertarikh 27 Ogos 2015 adalah sah, berkuat kuasa dan boleh dikuatkuaskan; bahawa EGM yang diadakan pada 30 Oktober 2017 adalah sah dan teratur; dan bahawa pihak yang hadir pada EGM yang diadakan pada 30 Oktober 2017 adalah kuorum yang mencukupi di bawah seksyen 328 AS 2016 untuk Plaintiff Pertama dan Kedua untuk meneruskan mesyuarat.

Pertikaian Plaintiff adalah berdasarkan doktrin *condonation* dan kes Azman bin Abdullah Iwn Ketua Polis Negara [1997] 1CLJ 257 16, di mana, Plaintiff-Plaintiff mendakwa SSM, melalui salah seorang pegawainya telah menasihati Salina binti Nawi (Salina) yang dikatakan sebagai penolong setiausaha syarikat yang bekerja dengan MYSA Corporate Services Sdn Bhd (MYSA) yang mendakwa sebagai setiausaha syarikat Plaintiff Kedua. Salina mendakwa telah melawat SSM dan menegaskan bahawa pegawai tersebut telah memberi jaminan kepada SSM bahawa EGM boleh diteruskan tanpa kehadiran Defendant Kedua.

Mahkamah menolak permohonan Plaintiff atas alasan bahawa Plaintiff Pertama telah melanggar peruntukan AS 2016 dan oleh itu, SSM telah mengemukakan pertuduhan terhadapnya; Pembelaan *condonation* Plaintiff Pertama tidak dapat dipertahankan kerana tiada bukti sebarang representasi yang dibuat oleh pegawai SSM, malah jika ia memang dibuat, ia bukan representasi rasmi yang dibuat secara bertulis dan, oleh itu, tidak boleh dipercayai. Oleh itu, sekiranya Mahkamah membenarkan Permohonan Plaintiff Pertama, ini adalah seperti membenarkan Plaintiff Pertama melanggar peruntukan AS 2016.

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG



LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG**PINDAAN AS 2016**

Usaha untuk meminda AS 2016 dimulakan oleh SSM pada tahun 2020, yang membawa kepada pengenalan RUU (Pindaan) Syarikat 2023. RUU ini mempunyai dua (2) objektif utama: untuk mengukuhkan kerangka rehabilitasi korporat dan untuk meningkatkan ketelusan dalam ekosistem sektor korporat di Malaysia.

Sebagai inisiatif utama untuk menyokong sektor korporat dalam mengurangkan kesan buruk pandemik COVID-19 dan memastikan kelestarian jangka panjang, RUU (Pindaan) Syarikat 2023 bertujuan untuk memperbaiki peruntukan perundangan sedia ada yang berkaitan dengan mekanisme penyelamatan korporat dan rehabilitasi untuk syarikat yang menghadapi kesukaran kewangan.

Berkaitan dengan ketelusan korporat, RUU ini bertujuan untuk menambah baik kerangka pelaporan pemunyaian benefisial, selaras dengan perkembangan antarabangsa terkini yang bertujuan memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Komitmen Malaysia untuk menangani isu-isu ini akan dipantau oleh pelbagai badan antarabangsa, termasuk *Financial Action Task Force* (FATF). Penilaian FATF terhadap Malaysia dijadualkan bermula pada tahun 2024, di mana keberkesanan tindakan penguatkuasaan dan langkah-langkah undang-undang berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan akan dinilai secara menyeluruh.

Melalui pindaan ini, SSM berhasrat untuk memupuk lanskap korporat yang lebih berdaya tahan dan telus, menggalakkan akauntabiliti dan kepercayaan dalam persekitaran perniagaan di Malaysia.

**PROSES KONSULTASI DAN KELULUSAN JEMAAH MENTERI**

Proses konsultasi awal untuk RUU ini telah dijalankan dengan mengedarkan draf RUU kepada pelbagai badan pengawalseliaan dan organisasi profesional. Konsultasi awam dan perbincangan bersama telah diadakan dari Julai hingga Ogos 2020, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk badan profesional, pemain industri (seperti perbankan dan peliduikasi), badan-badan kawal selia dan agensi kerajaan lain.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Setelah proses konsultasi ini selesai, maklum balas yang dikumpulkan daripada pihak berkepentingan digunakan untuk merumuskan dasar-dasar penggubalan RUU ini. Polisi ini kemudian dibentangkan dan mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023.

Lanjutan dari kelulusan dasar tersebut, draf akhir RUU telah dibentang dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 Ogos 2023, di mana ia, menandakan langkah penting dalam proses perundangan.

Proses Konsultasi dan Penggubalan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023		
 JUN - JULAI 2020 Edaran draf Rang Undang-Undang kepada badan kawal selia dan badan profesional.	 JULAI - OGOS 2020 (a) Edaran dokumen konsultasi kepada pihak awam (b) Rundingan bersama pemegang taruh	 SEPTEMBER 2020 - OGOS 2023 (a) Kelulusan Polisi (b) Proses Penggubalan

INTIPATI RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023

RUU ini mengandungi 31 fasal yang terdiri daripada empat (4) kluster polisi. Kluster polisi pertama bertujuan memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM). Kluster polisi kedua adalah untuk memperkuatkukan kerangka rehabilitasi korporat melalui penambahbaikan peruntukan sedia ada yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi dan penambahbaikan peruntukan-peruntukan berhubung CVA/ JM. Kluster polisi ketiga adalah untuk memperkuuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial dan kluster polisi keempat adalah bertujuan menambah baik amalan dan tadbir urus korporat.

Kluster Polisi Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023	
POLISI 1 Memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat [perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM)]	POLISI 2 Memperkuuh kerangka rehabilitasi korporat melalui: (a) Penambahbaikan peruntukan yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi; dan (b) Penambahbaikan peruntukan berhubung CVA/ JM
POLISI 3 Memperkuuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial	POLISI 4 Menambah baik amalan dan tadbir urus korporat

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG**PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2023 DI PARLIMEN**

RUU ini telah dibentang dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. Bacaan kali pertama telah dibuat di Dewan Rakyat pada 12 Oktober 2023. RUU ini telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat selepas bacaan kedua dan bacaan ketiga pada 28 November 2023 tanpa sebarang pindaan.

Seterusnya RUU ini telah dibentang dan diluluskan di Dewan Negara pada 13 Disember 2023 sebagai satu akta yang dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2023.

Akta Syarikat (Pindaan) 2023 dijangka akan dikuatkuasakan pada suku pertama tahun 2024.

Seksyen-Seksyen di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2023	
Seksyen 1	Tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta
Seksyen 2	Pindaan takrif pemunya benefisial dalam seksyen 2 Akta 777
Seksyen 3	Penggal 8A baharu yang memperihalkan pemunyaan benefisial sesuatu Syarikat
Seksyen 4	Pindaan seksyen 68 untuk menghendaki syarikat menyerah simpan kepada Pendaftar butir-butir pemunaian benefisial syarikat itu dalam penyata tahunan
Seksyen 5	Pindaan subseksyen 152(2) untuk menjadikan peruntukan itu selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
Seksyen 6	Memasukkan subseksyen baharu 258(1A) berkaitan kuasa Pendaftar untuk memberi lanjutan berhubung edaran penyata kewangan dan laporan yang berkaitan
Seksyen 7	Memasukkan subseksyen 264(4A) dan (4B) berkaitan kebebasan juruaudit
Seksyen 8	Pindaan seksyen 365 berkaitan takrif 'syarikat berkaitan' dan 'syarikat subjek' berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi
Seksyen 9	Pindaan seksyen 366 berkaitan kelulusan skim perkiraan atau kompromi dan pengerusi mesyuarat
Seksyen 10	Pindaan seksyen 367 berkaitan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi
Seksyen 11	Pindaan subseksyen 368(1) dan (2) dan memasukkan subseksyen baharu 368(1A), (3A) berkaitan perintah halangan dan tempoh moratorium
Seksyen 12	Memperkenalkan seksyen baharu 368A, 368B, 368C dan 368D untuk memudahkan skim perkiraan atau kompromi bagi kumpulan syarikat
Seksyen 13	Memasukkan seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D berkaitan kuasa-kuasa mahkamah dan keperluan pemutang mengemukakan bukti
Seksyen 14	Pindaan seksyen 395 dengan meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua Syarikat
Seksyen 15	Memasukkan seksyen baharu 398A berkaitan kebenaran untuk pemutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar semasa tempoh moratorium

LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Seksyen-Seksyen di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2023

Seksyen 16	Pindaan perenggan 403(b) berkaitan pengurusan kehakiman
Seksyen 17	Pindaan subseksyen baharu 406(1) dan (2) berkaitan pelanjutan tempoh utuk membayar hutang
Seksyen 18	Memasukkan subseksyen baharu 411(5) untuk membenarkan pemutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar di bawah keadaan tertentu
Seksyen 19	Memasukkan seksyen baharu 415A untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan penghakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat
Seksyen 20	Memasukkan Penggal 9 baharu dan seksyen baharu 430A untuk menangani fasal berkaitan insolvensi untuk mana-mana pembekalan barang dan perkhidmatan
Seksyen 21	Memasukkan subseksyen baharu 433(4D) dan (4E) untuk menghendaki penyelesai yang diluluskan memaklumkan maklumat mereka kepada Pendaftar
Seksyen 22	Menjelaskan bahawa permulaan penggulungan ialah tarikh perintah penggulungan, selaras dengan subseksyen 467(2)
Seksyen 23	Memasukkan perenggan baharu 562(1)(fa) untuk menghendaki syarikat asing memberikan maklumat pemunyaan benefisial kepada Pendaftar pada masa pendaftaran
Seksyen 24	Memasukkan perenggan baharu 567(1)(fa) berkaitan serah simpan oleh syarikat asing berkaitan apa-apa perubahan atau pindaan ke atas status syarikat asing tersebut
Seksyen 25	Memasukkan seksyen baharu 573A untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial juga terpakai kepada semua syarikat asing
Seksyen 26	Memasukkan perenggan baharu 576(2)(ha) dan (hb) berkaitan serah simpan butir-butir pemunyaan benefisial syarikat asing kepada Pendaftar dalam penyata tahunannya
Seksyen 27	Pindaan seksyen 582 dalam teks bahasa kebangsaan bagi menggantikan perkataan 'akuan ketidaksolvenan' dengan perkataan 'pengisyiharan kesolvenan'
Seksyen 28	Memasukkan seksyen baharu 612A berkaitan penggunaan laman sesawang SSM untuk menyiar maklumat yang sebaliknya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar
Seksyen 29	Memasukkan perenggan 613(1)(aa) dan (ba) berkaitan kuasa Menteri untuk membuat peraturan
Seksyen 30	Memasukkan Jadual Kesembilan A yang baharu yang menyenaraikan barang dan perkhidmatan yang perlu yang dinyatakan di bawah seksyen 430A Akta 777
Seksyen 31	Mengadakan peruntukan kecualian

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG**CADANGAN PINDAAN APLT 2012**

Pindaan kepada APLT 2012 telah dicadangkan untuk menyediakan kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan yang lebih komprehensif serta menambah baik ketelusan dan tadbir urus secara amnya.

Selain itu, pindaan ini bertujuan menambah baik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial dengan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat antarabangsa dalam memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan pembentukan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

Pindaan yang dicadangkan kepada APLT 2012 dijangka akan memberi impak positif kepada persekitaran korporat di Malaysia. Dengan memberikan sokongan yang diperlukan kepada entiti yang layak, seperti PLT, yang menghadapi kesukaran kewangan, pindaan ini bertujuan untuk memberi mereka ruang yang diperlukan untuk meneruskan operasi, terutama dalam landskap pasca pandemik COVID-19 yang mencabar.

Rangka kerja undang-undang korporat yang diperkemas ini direka untuk memupuk budaya ketelusan dalam amalan perniagaan, menggalakkan pematuhan terhadap peraturan yang telah ditetapkan. Akhirnya, ia akan membantu mencipta ekosistem perniagaan yang lebih berdaya tahan dan bertanggungjawab, memudahkan pertumbuhan dan pemulihian dalam sektor korporat.

Polisi-polisi berkaitan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) telah dibentang dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2023.

Polisi-Polisi di bawah Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan)

POLISI 1 Pengenalan mekanisme rehabilitasi bagi PLT di dalam Akta APLT 2012.	POLISI 2 Pengenalan kerangka pemunyaan benefisial kepada PLT.	POLISI 3 Pengukuhan polisi berkaitan prosedur yang menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang mampan.
<p>(a) Memperkenalkan proses perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman.</p> <p>(b) Mengambil kira status PLT yang sama seperti syarikat iaitu entiti undang-undang yang berasingan daripada pekongsi-pekongsinya tetapi mempunyai struktur tadbir urus yang lebih fleksibel.</p>	<p>(a) Menghendaki PLT mendapatkan, merekod dan melapor maklumat pemunyaan benefisial kepada SSM.</p> <p>(b) Meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial bagi membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia membanteras jenayah serius.</p>	<p>(a) Merangkumi lain-lain pindaan penting termasuk pindaan am supaya laman web SSM boleh diguna untuk menerbitkan maklumat sebagai media alternatif kepada kehendak perundangan untuk diterbitkan dalam akhbar.</p>

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

GARIS PANDUAN BERHUBUNG OBLIGASI SETIAUSAHA SYARIKAT SEBAGAI INSTITUSI PELAPOR DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

Pada tahun 2023, SSM mengeluarkan Garis Panduan berkaitan tanggungjawab Setiausaha Syarikat sebagai Institusi Pelaporan di bawah Akta Anti Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA 2001).

Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada keperluan-keperluan di bawah Polisi Dokumen 'Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Designated Non-Financial Businesses and Professions (DNFBPs) & Non-Bank Financial Institutions (NBFIs)' Bank Negara Malaysia atau diringkaskan sebagai 'Polisi Dokumen BNM' yang keluarkan oleh BNM.

Pengeluaran garis panduan ini adalah selari dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 21(1)(c) AMLA 2001 yang memberi kuasa kepada SSM sebagai pihak berkuasa pengawasan atau pelesenan (*supervisory or licensing authority*) untuk mengeluarkan garis panduan bagi membantu institusi pelapor (Setiausaha Syarikat) mengesan aktiviti-aktiviti yang mencurigakan berkaitan AMLA.

PENERBITAN BUKU PANDUAN DIGITAL

Dalam tahun 2023, SSM telah menerbitkan dua (2) buah buku panduan digital bertajuk Tanggungjawab Pengarah Syarikat dan Kod Etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat.

Kedua-dua buku tersebut diterbitkan bagi mengemas kini garis panduan berhubung tanggungjawab Pengarah Syarikat serta kod etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat selaras dengan keperluan tadbir urus korporat masa kini serta perundangan-perundangan baharu yang perlu dipatuhi dalam mentadbir dan menguruskan entiti-entiti perniagaan.

Buku Panduan Digital Tanggungjawab Pengarah Syarikat dan Kod Etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat



TANGGUNGJAWAB PENGARAH SYARIKAT

Dokumen ini menggariskan standard minimum tingkah laku penting yang dijangka daripada semua Pengarah Syarikat dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka di bawah AS 2016. Ia bertujuan untuk menyampaikan keperluan utama AS 2016 dengan cara yang mudah difahami oleh pengarah.

Garis panduan ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama:

- Gambaran Umum Pengarah Syarikat:** Penerangan terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat.
- Kuasa dan Tugas Pengarah Syarikat:** Penjelasan mendalam mengenai kuasa dan tugas yang diberikan kepada pengarah di bawah AS 2016.
- Kewajipan Asas Pengarah Syarikat:** Garis panduan tanggungjawab lain yang perlu dipatuhi oleh pengarah dalam kapasiti mereka.

Garis panduan yang berstruktur ini direka untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan, sekaligus memupuk tadbir urus yang baik dalam syarikat.

LAPORAN PENGURUSAN

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG**Buku Panduan Digital Tanggungjawab Pengarah Syarikat dan Kod Etika Pengarah
Syarikat dan Setiausaha Syarikat****KOD ETIKA PENGARAH SYARIKAT DAN SETIAUSAHA SYARIKAT**

Dokumen ini berfungsi sebagai garis panduan komprehensif yang menggariskan jangkaan etika bagi Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat dalam pelaksanaan tugas mereka. Ia menyediakan kerangka asas yang boleh digunakan oleh semua jenis syarikat untuk membangunkan kod tingkah laku mereka sendiri yang sesuai, menggabungkan prinsip dan garis panduan khusus yang relevan dengan peranan unik dan piawai etika dalam industri masing-masing.

Kod ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian yang berbeza:

Bahagian A: Memfokuskan kepada standard etika dan jangkaan untuk Pengarah Syarikat.

Bahagian B: Menumpukan kepada garis panduan etika khusus untuk Setiausaha Syarikat.

Dalam setiap bahagian, dokumen ini menjelaskan prinsip-prinsip asas, objektif dan kod tingkah laku terperinci yang dapat membimbing tingkah laku Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat, memupuk integriti dan tanggungjawab dalam amalan profesional mereka.

AKADEMI LATIHAN

DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN



LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2023**

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-12 dengan tema 'Shared Responsibility in Strengthening AML/ CFT Compliance: Risks, Challenges and Collaborations' telah diadakan pada 25 - 26 Julai 2023. Persidangan ini dianjurkan secara maya buat kali ketiga sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011. Persidangan ini juga dikenali sebagai SSM National Conference 2023 (SSMNC 2023). SSMNC 2023 telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi, SSM.

Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 3,019 orang perwakilan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta iaitu pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan.

Persidangan selama dua (2) hari ini melibatkan 47 penceramah, ahli panel dan moderator yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta industri seperti agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang. SSMNC 2023 membincangkan isu-isu semasa, berkongsi pandangan, pendapat serta pengalaman berkaitan hala tuju pengawalseliaan dan perkembangan berkenaan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan. Persidangan ini terdiri daripada 11 sesi pleno seperti berikut:

- (a) **Plenary 1** - Preventing Money Laundering and Terrorism Financing – Malaysia's Risk Map;
- (b) **Plenary 2** - Shared Responsibility in Strengthening AML/ CFT Compliance. A Sharing Session by Law Enforcement Agencies (LEAs);
- (c) **Plenary 3** - Board of Directors on Building an Effective Governance & Integrity Ecosystem;
- (d) **Plenary 4** - Stepping Up the Game. Leveraging on Emerging Technology to Fight Corruption;
- (e) **Plenary 5** - Be Scam Aware;
- (f) **Plenary 6** - Prevention and Good Practice in NPO Sector against Money Laundering & Terrorism Financing;

(g) **Plenary 7** - Role of Accountants in Curbing Money Laundering: Meeting the Expectations;

(h) **Plenary 8** - Company Secretaries as Gatekeeper in the AML/ CFT Ecosystem: Meeting the Expectations;


(i) **Plenary 9** - [Companies (Amendment) Bill 2023] Strengthening the Reporting Transparency on Beneficial Ownership in Malaysia;

(j) **Plenary 10** - [Companies (Amendment) Bill 2023] Enhancement to The Corporate Rehabilitation Framework; dan

(k) **Plenary 11** - SSM Talks.


Persidangan itu juga memberikan delegasi peluang untuk meneroka reruui pameran maya. Sebanyak 16 pempamer mengambil bahagian dalam pameran maya tersebut.

Jumlah Peserta Persidangan Kebangsaan SSM dari 2021 hingga 2023



LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN



PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2023, SSM telah menganjurkan 198 program (2022: 183) dengan penyertaan seramai 13,458 peserta (2022: 12,364). Semua program dijalankan dalam talian dan secara fizikal.



Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah seperti di bawah:

PROGRAM	SESI	PESERTA
Corporate Directors Training Programme 4.0	8	232
Continuing Education Programme	118	6,525
SSM National Conference 2023	1	3,019
Company Secretaries Training Programme Essential 1.0	24	1,335
Company Secretaries Training Programme Significant 2.0	18	918
In-house Training Programmes	18	891
Friday Morning With COMTRAC	11	538
JUMLAH	198	13,458

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME FUNDAMENTAL (CDTPF) 4.0**

CDTPF 4.0 secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, inovator dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat. Dengan menyertai CDTPF 4.0, peserta akan memperolehi manfaat berikut:

- (a) Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan bentuk sesebuah syarikat;
- (b) Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
- (c) Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional berkaitan amalan etika;
- (d) Memberi pemahaman tentang isu-isu etika dan integriti yang mungkin akan dihadapi dalam perniagaan; dan
- (e) Meningkatkan pemahaman berhubung AS 2016.

CDTPF 4.0 + Kesedaran Keselamatan Siber yang memfokuskan kepada keselamatan siber dan CDTPF 4.0 + Penyata Kewangan 101 yang memfokuskan pengenalan penyata kewangan kepada pengarah syarikat. Pada tahun 2023, sebanyak lapan (8) program CDTP 4.0 (2022:8) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 232 orang (2022:215) peserta.

**COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL (CSTPE) 1.0**

CSTPE 1.0 adalah kesinambungan dari program *Company Secretaries Training Programme (CSTP) Essential* di mana isi kandungan program ini telah dikemas kini berdasarkan AS 2016. Program CSTPE 1.0 ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education (CPE)* bagi setiausaha syarikat yang dileSENKEN oleh SSM di bawah seksyen 20G, ASSM 2001.

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN


CSTPE 1.0 direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Walaupun CSTPE 1.0 disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pemain peranan korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga dapat memperoleh manfaat daripada program ini sekaligus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka. Para peserta modul CSTPE 1.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- (a) Membangunkan pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
- (b) Menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
- (c) Menggariskan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat sebagai pemain peranan utama dalam syarikat;
- (d) Mempunyai pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan
- (e) Mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 2016.

CSTPE 1.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian mengandungi dua (2) modul dan peserta dianggap telah melengkapkan program ini apabila menghadiri ketiga-tiga bahagian CSTPE 1.0. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPE 1.0 ialah seperti berikut:

Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C
Modul 1: <i>Anatomy of a Company.</i>	Modul 3: <i>Key Role-Players in a Company - Directors, Officers, Shareholders and Auditors.</i>	Modul 5: <i>Managing Company Meetings.</i>
Modul 2: <i>Roles and Responsibilities of Company Secretaries.</i>	Modul 4: <i>Managing the Registered Office, Statutory Books, Returns and Other Documents.</i>	Modul 6: <i>Navigating Compliance: Key Offences under the CA 2016</i>

Pada tahun 2023, sebanyak 24 Program CSTPE 1.0 (2022:18) telah diadakan dan dihadiri seramai 1,335 (2022: 1,468) peserta.



LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT (CSTPS) 2.0**


CSTPS 2.0 merupakan program susulan kepada CSTP Essential. Para peserta modul CSTPS 2.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- (a) Membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;
- (b) Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pemberian keganasan;
- (c) Menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam kendalian syarikat;
- (d) Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada fungsi harian setiausaha syarikat;
- (e) Mengetahui pengurusan risiko keselamatan siber untuk lembaga pengarah; dan
- (f) Membaca dan mentafsir Penyata Kewangan.

Program CSTPS 2.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian pula mengandungi dua (2) modul. Bagi melengkapkan program ini, peserta perlu menghadiri ketiga - tiga bahagian Program CSTPS 2.0. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPS 2.0 ialah seperti berikut:

Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C
Modul 1: <i>Advocating Integrity and Ethics in the Boardroom.</i>	Modul 3: <i>Company Secretary: Walking the Balance between Professionalism and Performance.</i>	Modul 5: <i>Cyber Security Risk Management for the Boardroom.</i>
Modul 2: <i>Roles and Responsibilities of Company Secretaries in Combating Money Laundering and Terrorism Financing.</i>	Modul 4: <i>Integrating Corporate Governance into Company Operations.</i>	Modul 6: <i>Understanding Financial Statement for Company Secretaries.</i>


Pada tahun 2023, sebanyak 18 Program CSTPS 2.0 (2022:12) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 918 (2022:627) peserta.



LAPORAN PENGURUSAN
AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

CEP direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, inovator dan usahawan. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 118 program (2022: 112) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 6,525 (2022: 5,861) peserta.



FRIDAY MORNING WITH COMTRAC (FMC)

Pada tahun 2023, SSM memperkenalkan sesi pembelajaran ringkas yang dikenali sebagai FMC. Program berdurasi dua (2) jam ini diadakan pada hari Jumaat. Pembelajaran berformat ringkas atau lebih dikenali sebagai pengajaran mikro, merupakan cara efektif untuk menyampaikan modul latihan dalam masa yang singkat, berfokus dan menarik, sambil meningkatkan pemahaman peserta. Program-program berformat ringkas ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang tidak dapat menghadiri sesi yang lebih panjang. Pada tahun 2023 sebanyak 11 sesi FMC telah dianjurkan serta dihadiri seramai 538 peserta.

PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI (IN-HOUSE PROGRAMME)

COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman bagi lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi. Pada tahun 2023 sebanyak 18 program (2022: 18) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan dan dihadiri seramai 891 orang peserta (2022: 1,014).

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH
Corporate Directors Training Programme Essential	Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	26 Januari 2023
Corporate Directors Training Programme Fundamental 4.0	Koperasi Kakitangan Petronas (KOPETRO)	27 Januari 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	Rakyat Management Service Sdn Bhd	8 Februari 2023
Companies Limited by Guarantee under CA 2016	Yayasan Karyawan	10 Februari 2023
The Company Secretary under CA 2016	Petroliam Nasional Berhad (Petronas)	7 - 8 Mac 2023

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH
Practical Guide for Company Directors under CA 2016	MAYBANK	3 April 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	16 Mei 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	UEM Sunrise Berhad	13 Jun 2023
Key Provisions & Compliance Requirements under CA 2016	UEM Sunrise Berhad	27 Jun 2023
Duties and Responsibilities of Company Directors under CA 2016	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	30 Ogos 2023
Interview for Approved Liquidators from SSM's Perspective	Malaysian Institute of Accountant (MIA)	18 September 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	19 September 2023
Key Provisions and Compliance Requirements under CA 2016	Lembaga Pembangunan Langkawi	25 September 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	Kementerian Ekonomi Malaysia	21 Oktober 2023
Corporate Directors Training Programme Essential	Laku Management Sdn Bhd	24 Oktober 2023
Business and Rights of Owners	Maybank Investment Bank Berhad	18 November 2023
Corporate Governance Matters for The Board	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	30 November 2023
Company Limited by Guarantee under CA 2016	PROKHAS Sdn Bhd	5 Disember 2023

KOLABORASI BERSAMA CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA ON NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT (NCGS) 2023

NCGS merupakan persidangan yang julung kali dianjurkan bersama oleh SSM dan Climate Governance Malaysia yang berlangsung dari 5 hingga 7 September 2023 di Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah dengan lebih 100 jemputan kenamaan terdiri daripada menteri, penjawat awam, wakil daripada universiti, saintis, jurutera, pembina, perunding, pemuliharaan, birokrat, ahli akademik, ahli politik, wakil daripada sektor korporat dan persatuan industri telah mengambil bahagian dalam perbincangan semasa sesi di persidangan itu.

Persidangan ini menyediakan platform untuk PKS bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang tindakan iklim dan amalan terbaik untuk membina perniagaan yang berdaya saing, menangani cabaran dan merebut peluang yang wujud daripada krisis-krisis semasa. Untuk mendalami langkah-langkah praktikal, dua (2) hari persidangan telah diperuntukkan untuk 18 bengkel, yang merangkumi topik seperti menangani hak pekerja, pengiraan jejak karbon, pelaksanaan tenaga boleh diperbaharui dan pemeliharaan air.

NCGS 2023 turut bermatlamat untuk menjadi Persidangan yang mesra alam, dengan hampir 1,000 delegasi memuat turun dan menggunakan aplikasi Summit. Inisiatif ini membolehkan peserta menyemak bahan rujukan melalui aplikasi Persidangan tanpa mencetak bahan rujukan seminar, sekaligus menyokong usaha mencapai matlamat 'Sifar Sisa'. Dengan pendekatan ini, penganjuran Persidangan ini dapat mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan mempromosikan amalan mesra alam.



LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PROGRAM CORPORATE TALK

Pada tahun 2023, SSM telah menganjurkan lapan (8) program *Corporate Talk* (CT) kepada pihak berkepentingan iaitu pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengurus, pegawai dalam syarikat, wakil agensi dan badan berkanun, ahli persatuan profesional serta orang awam.

Program CT ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan mengenai maklumat dan perkembangan terkini yang berkaitan dengan isu korporat semasa, termasuk keperluan pematuhan terbaru bagi membantu mereka melaksanakan tanggungjawab mengikut peruntukan AS 2016 dan peraturan perundangan lain yang berkaitan.

SSM sangat menyokong falsafah penguatkuasaan melalui pendidikan. Dengan pendekatan ‘Penguatkuasaan Seimbang’, SSM percaya bahawa pendidikan meningkatkan keberkesanan inisiatif penguatkuasaannya, memastikan pematuhan secara sukarela.

Pada tahun 2023, program CT dilaksanakan melalui platform dalam talian menggunakan aplikasi Zoom dan melalui laman rasmi Facebook SSM. Berikut adalah program CT yang dilaksanakan pada tahun 2023:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA	
		ZOOM	FB LIVE
Kepentingan Perlindungan Individu - Pelantikan dan Perletakan Jawatan Pengarah serta Pemegang Saham Tanpa Pengetahuan	23 Mac 2023	414	928
<i>Corporate Talk 2023: ASK 2016. Perundangan & Prosedur</i>	13 April 2023	288	863
<i>Beneficial Ownership Reporting Framework Verification of Beneficial Ownership Information</i>	14 April 2023	169	1,600
Pematuhan kepada Serah Simpan Penyata Tahunan & Penyata Kewangan di bawah AS 2016 dan Pematuhan kepada Serah Simpan Perakuan Tahunan di bawah APLT 2012	22 Jun 2023	365	833
<i>Awareness on Intellectual Property</i>	9 Ogos 2023	331	1,500
<i>Environmental, Social and Governance (ESG) - Steps Towards Sustainability</i>	22 September 2023	325	450
<i>Transformasi Identiti Melalui SSM Biztrust</i>	16 November 2023	332	1,100
<i>Business Review Report (BRR)</i>	20 Disember 2023	410	350
		2,634	7,624

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH AGENSI LUAR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN**

Selain daripada program CT, SSM juga terlibat dalam program-program yang dianjurkan oleh agensi luar dan pihak berkepentingan lain. SSM dijemput sebagai penceramah untuk memberi maklumat berkaitan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956, pemerbadanan syarikat di bawah AS 2016, produk SSM serta pengaktifan ID bagi sistem dalam talian seperti EzBiz Online, MyCoID dan MyLLP.

Pada tahun 2023, SSM telah dijemput untuk menyampaikan taklimat di 46 program yang dianjurkan oleh agensi luar dan dihadiri oleh 3,658 peserta. Berikut merupakan program-program luar yang telah dilaksanakan pada tahun 2023:

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH	PESERTA
Registration of Businesses under ROBA 1956	Universiti Malaya (UM)	3 Januari 2023	200
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Universiti Sains Malaysia (USM)	5 Januari 2023	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan	Universiti Teknologi Mara (UITM) Kampus Puncak Alam	30 Januari 2023	60
Pemantapan Tadbir Urus Korporat Memacu Pertumbuhan Lestari & Akauntabiliti GLC	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	23 Februari 2023	38
Common Offences Committed by Board of Directors under CA 2016	Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA)	23 Februari 2023	16
Asas Perniagaan dan Perdagangan, Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Syarikat dan Bantuan SSM dalam Siasatan Jenayah Komersil	Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRM KL)	6 Mac 2023	48
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	8 Mac 2023	150
Pemantapan Tadbir Urus Korporat Memacu Pertumbuhan Lestari & Akauntabiliti GLC	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)	10 Mac 2023	81
Perkongsian Ilmu Berkenaan Laporan Kewangan Oleh Pihak SSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	14 Mac 2023	40
Pematuhan Undang-Undang berkaitan Governan, Integriti dan Pencegahan Rasuah	Institut Integriti Malaysia	22 Mac 2023	60
Pengisytiharan Harta dan Pemunyaan Benefisial	<i>Malaysia Society For Transparency And Integrity</i>	15 April 2023	37
Pemunyaan Benefisial	<i>Malaysia Society For Transparency And Integrity</i>	20 Mei 2023	62
Pembekalan Maklumat SSM kepada Agensi Kerajaan (MYDATA)	Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRM KL)	23 Mei 2023	30
Tugas dan Tanggunjawab Pengarah Syarikat bagi Syarikat-Syarikat di bawah Kerajaan	SSM	31 Mei 2023	100
Customized Training Programmes	SSM	31 Mei 2023	100

LAPORAN PENGURUSAN
AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH	PESERTA
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma, Perkongsian Liabiliti Terhad, Pemerbadanan Syarikat	Young Entrepreneur Club (YEC), Kolej Antarabangsa Newton	9 Jun 2023	200
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (TEKUN Nasional)	12 Jun 2023	40
Common Offences under CA 2016	Akademi Audit Negara (AAN)	15 Jun 2023	36
Pemunyaan Benefisial	<i>Malaysian Society For Transparency And Integrity</i>	17 Jun 2023	60
Faedah dan Kesan Penguatkuasaan Seksyen 17A Akta 694 daripada Perspektif Suruhanjaya Syarikat Malaysia	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)	21 Jun 2023	36
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma, Perkongsian Liabiliti Terhad, Pemerbadanan Syarikat	Kolej Antarabangsa Newton	22 Jun 2023	49
Asas Pembentukan dan Jenis Syarikat	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	26 Jun 2023	30
Fungsi dan Tanggungjawab ALP Setiausaha Syarikat dan Juruaudit dibawah AS 2016	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)	27 Jun 2023	35
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)	6 Julai 2023	362
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Persatuan Pusat Bertauliah Sistem Latihan (SLDN) Malaysia	7 Julai 2023	30
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	24 Julai 2023	60
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Kolej Vokasional ERT Setapak	24 Julai 2023	30
Produk dan Perkhidmatan SSM	Jabatan Tenaga Kerja (JTK)	25 Julai 2023	39
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Dayafasih Sdn. Bhd	1 Ogos 2023	55
Pemantapan Tadbir Urus Korporat MeMarchu Pertumbuhan Lestari & Akauntabiliti GLC	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)	19 Ogos 2023	60
Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat, Bantuan Siasatan Kes Jenayah Komersil dan Isu-Isu yang berkaitan	Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur	5 September 2023	30
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Bos Seven Engineering Sdn. Bhd.	14 September 2023	55
Pemunyaan Benefisial	<i>Malaysian Society For Transparency And Integrity</i>	14 Oktober 2023	60

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH	PESERTA
Penipuan Syarikat dalam Pelaburan	Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM)	15 Oktober 2023	150
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Yayasan AIDS Malaysia (MAF)	16 Oktober 2023	20
Company Profile	<i>Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC)</i>	17 Oktober 2023	200
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	23 Oktober 2023	100
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, UPM	8 November 2023	49
Penipuan Syarikat dalam Pelaburan	Bahagian Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman	15 November 2023	50
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	<i>Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI)</i>	22 November 2023	150
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inovasi (UPNM)	28 November 2023	150
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	29 November 2023	120
Perkongsian Ilmu mengenai Penubuhan Syarikat dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan	<i>Faizuddin Centre Of Educational Excellence (FCoEE)</i>	7 Disember 2023	150
Peranan Lembaga Pengarah dalam Menentukan Strategi Korporat	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)	7 Disember 2023	80
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	KPDN	11 Disember 2023	50
Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma	Mereka Group	12 Disember 2023	50

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

EMPLOYEE DEVELOPMENT TRAINING (EDT)

Pada tahun 2023, SSM telah menganjurkan sebanyak 18 modul EDT secara dalam talian dan hibrid melalui platform Microsoft Teams dan di Bilik Enggang, Menara SSM@Sentral. Modul-modul yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Pengenalan kepada Integriti & Disiplin	29 Mac 2023	240
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000, Akta 605	30 Mac 2023	190
Pengenalan kepada RUU Harta Alih Kepentingan Bercagar	11 April 2023	141
Pengenalan kepada Pendaftaran Perniagaan & Peruntukan di bawah APP 1956	17 April 2023	146
Pendaftaran Perniagaan & Peruntukan di bawah APP 1956 (Prosedur & Proses Kerja)	18 April 2023	175
Carian Nama Syarikat & Perkongsian Liabiliti Terhad (Proses Kerja)	8 Jun 2023	171
Pengurusan Dokumen-Dokumen di bawah Pemerbadanan Syarikat dan PLT	13 Jun 2023	133
Penerangan Berhubung Serah Simpan Pasca Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad	15 Jun 2023	163
Pengetahuan Pantas dan ringkas berkenaan MBRS	27 Jun 2023	184
Penyediaan Dokumen Rekabentuk (Projek ICT)	12 September 2023	87
Pendaftaran Syarikat Amanah di bawah ASA 1949	14 September 2023	169
Keperluan Perlembagaan dalam Syarikat Berhad Menurut Jaminan	14 September 2023	169
Kerangka Kerja Skim Kepentingan di bawah ASK 2016	21 September 2023	117
Penerangan Berhubung Prosedur Gadaian, Pelepasan Gadaian & Penerimaan (Receivership)	27 September 2023	148
Pengenalan Kepada Kaedah Menyelamatkan Syarikat (Mekanisma Penyelamat Korporat) & Pengenalan Kepada Salah Satu Cara Penutupan Syarikat (Penggulungan Syarikat)	10 Oktober 2023	63
Pengenalan kepada salah satu cara Penutupan Syarikat (Pembatalan Nama Syarikat) & Fungsi/ Kuasa Pendaftar Syarikat Berhubung Pengurusan Aset Syarikat Bubar (Unit Pengurusan Aset)	18 Oktober 2023	178
Pengenalan Berkenaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan 2001	21 November 2023	120
Kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan 2001	21 November 2023	120
JUMLAH		2,714

LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PROGRAM POWER TALK BERTAJUK ‘KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN: PEKERJA SEBAGAI KUNCI KEJAYAAN ORGANISASI’

Pada 17 Oktober 2023, SSM telah menganjurkan program *Power Talk* yang bertajuk ‘Keseimbangan Kerja dan Kehidupan: Pekerja Sebagai Kunci Kejayaan Organisasi.’ Program ini dirancang dengan teliti untuk mencapai sasaran ke arah peningkatan pemahaman pekerja terhadap keseimbangan hidup dan kerja. Program ini diadakan secara hibrid, memberikan peluang kepada pekerja di Ibu Pejabat untuk menyertai secara bersemuka di Menara SSM@Sentral, manakala pekerja di Pejabat Negeri dan Cawangan SSM di seluruh Malaysia dapat menyaksikannya secara dalam talian melalui platform *Microsoft Teams Live Event*.

Program ini telah mendapat sambutan yang baik dengan kehadiran seramai 251 orang peserta. Program ini telah dikendalikan oleh penceramah selebriti terkenal, En. Amin Idris, yang telah memberikan penyampaian modul-modul program dengan menarik. Beliau membahas isu-isu berkaitan dengan keseimbangan hidup dan kerja, memberi penekanan kepada pengurusan diri dan hubungan sesama manusia. Keberkesanannya ini dapat dilihat melalui interaksi yang aktif dari peserta yang hadir, yang jelas memahami maksud keseimbangan hidup dan kerja serta kepentingan urus diri dan hubungan sesama manusia.

Melalui penganjuran program ini, peserta bukan sahaja memahami makna sebenar keseimbangan hidup dan kerja, tetapi mereka juga dapat mendalamai aspek-aspek urus diri dan hubungan sesama manusia. Selain itu, peserta juga turut didedahkan dengan konsep pembelajaran secara proaktif untuk menjalani kehidupan berobjektif dan adaptif. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen SSM dalam memperkuatkukan kualiti hidup pekerja, sekaligus menyumbang kepada peningkatan prestasi dan kejayaan organisasi secara keseluruhan.

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN



LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**Forum Pendaftar Korporat 2023**

Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum (CRF) 2023* yang dianjurkan oleh Malta Business Registry (MBR) telah berlangsung pada 17 hingga 20 Oktober 2023 di Zejtun, Malta.

Tema forum tahun ini adalah '*Together – Building Bridges, Sharing Experiences*'. SSM telah diwakili oleh lima (5) orang delegasi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Semasa forum, SSM telah membentangkan satu kertas bertajuk '*The Register of Beneficial Owners (BO), Introduction to SSM's Electronic Beneficial Ownership System (e-BOS)*' pada 19 Oktober 2023. Pembentangan ini telah disampaikan oleh Puan Norhaslinda Salleh, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM telah dilantik semula sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif CRF bagi tempoh 2023 – 2025.



LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**Kunjungan Rasmi Delegasi dari *Securities and Exchange Commission*, Filipina ke SSM**

SSM telah menerima satu kunjungan rasmi delegasi dari *Securities and Exchange Commission* (SEC), Filipina pada 20 November 2023 bertempat di Menara SSM@Sentral.

Seramai enam (6) delegasi dari SEC telah menyertai kunjungan hormat ini. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Mr. Javey Paul D. Francisco, Commissioner SEC ini telah disambut oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Kehadiran delegasi-delegasi tersebut bertujuan untuk mempelajari prosedur pendaftaran perniagaan, *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL) bagi pemfailan dan laporan syarikat, struktur yuran, pendaftaran pemunya benefisial secara elektronik dan pematuhan terhadap keperluan perundangan korporat.

Turut hadir bersama adalah Pihak Pengurusan SSM.

**PERUNDINGAN AWAM**

Sepanjang tahun 2023, SSM telah aktif berinteraksi dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada industri serta orang awam mengenai penambahbaikan yang dicadangkan terhadap rangka kerja atau polisi perundangan.

Dalam usaha ini, SSM telah mengeluarkan lima (5) dokumen konsultasi, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Penerbitan Dokumen Perundingan Awam 2023

Dokumen Konsultatif berhubung Cadangan Semakan Semula Kriteria Kelayakan Audit bagi Syarikat Persendirian di Malaysia

Dokumen Konsultatif berhubung Cadangan Kemas Kini Kod Etika Pengarah Syarikat dan Setiausaha Syarikat

Dokumen Konsultatif berhubung Cadangan Garis Panduan berkaitan Obligasi Setiausaha Syarikat Sebagai Institusi Pelapor di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Dokumen Konsultasi berhubung Cadangan Pindaan AS 2016 berkaitan Pemegang Saham Nomin dan Pengarah Nomin

Dokumen Konsultasi berhubung:

- (a) Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial (Semakan Semula); dan
- (b) Kajian Kes serta Ilustrasi berkaitan Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial Syarikat

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**DIALOG TAHUNAN SSM 2023**

Pada tahun 2023, SSM telah menganjurkan tiga (3) sesi Dialog Tahunan SSM. Sesi pertama diadakan di Kuching, Sarawak pada 23 November 2023. Sesi kedua diadakan di Sabah pada 24 November 2023 dan sesi ketiga secara webinar melalui siaran dalam talian dari Ibu Pejabat SSM di KL Sentral pada 5 Disember 2023.

Sesi Dialog Tahunan SSM 2023 telah dihadiri oleh 1,113 peserta yang terdiri daripada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, wakil daripada badan-badan profesional, agensi-agensi kerajaan, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Inisiatif tahunan ini merupakan platform untuk SSM berkongsi dan menyebarkan perkembangan serta maklumat berhubung dasar-dasar dan peraturan-peraturan terkini kepada industri, agensi Kerajaan dan badan-badan profesional selain memperjelaskan perkara-perkara dan isu-isu berkaitan operasi dan penguatkuasaan SSM. Ia juga membantu dalam menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan SSM secara keseluruhan kepada orang awam selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik. Sepanjang program tersebut, SSM menerima komen dan idea daripada peserta bagi tujuan menambah baik kecekapan perkhidmatan SSM secara keseluruhan.

Antara pengisian program pada tahun ini adalah penyampaian taklimat berhubung Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2023, penyampaian taklimat berkaitan cadangan garis panduan berhubung tugas dan tanggungjawab setiausaha syarikat sebagai pelapor institusi di bawah AMLA 2001 dan Sesi Dialog bersama Pengurusan Tertinggi SSM.

Dialog Tahunan SSM 2023**OBJEKTIF PROGRAM**

Menggalakkan persefahaman dan hubungan yang lebih erat antara SSM, industri, agensi-agensi kerajaan yang lain dan badan-badan profesional.

Menyampaikan maklumat kepada peserta ke arah memastikan fungsi SSM, sebagai pengawal selia korporat, difahami sepenuhnya oleh orang ramai.

1,113 PESERTA

SARAWAK
250 PESERTA

SABAH
220 PESERTA

WEBINAR
643 PESERTA

PENGISIAN PROGRAM

Taklimat Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2023

Taklimat berhubung Tanggungjawab Setiausaha Syarikat sebagai Institusi Pelapor di bawah AMLA 2001

Dialog bersama Pengurusan Tertinggi SSM

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**BENGKEL APEC MENGENAI WORKSHOP ON SECURED TRANSACTION REFORM: DEVELOPING TAILORED APPROACHES FOR COMMON LAW AND CIVIL LAW JURISDICTIONS**

Pada 10 hingga 11 Oktober 2023, SSM telah dijemput sebagai fasilitator dan penceramah di Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) Workshop on Secured Transaction Reform: Developing Tailored Approaches for Common Law and Civil Law Jurisdictions, yang berlangsung di Universiti Rikkyo, Tokyo, Jepun.

Bengkel ini dianjurkan oleh APEC di bawah Jawatankuasa Ekonomi untuk membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan kepentingan untuk memodenkan kerangka perundangan berkaitan transaksi bercagar (*secured transaction*) supaya akses kepada kredit akan menjadi lebih mudah dan menyeluruh.

Bengkel ini juga telah membincangkan amalan terbaik antarabangsa seperti yang terkandung di dalam UNCITRAL Model Law on Secured Transactions dan UNIDROIT Model Law on Factoring dengan fokus spesifik terpakai sama ada bagi negara yang mengamalkan undang-undang am atau undang-undang sivil.

SSM telah dijemput sebagai moderator bagi sesi pertama dan sebagai penceramah bagi sesi kedua bengkel ini untuk membincangkan Rang Undang-undang Harta Alih Kepentingan Bercagar yang akan diperkenalkan di Malaysia kelak. Penyertaan untuk bengkel ini terdiri daripada wakil dari negara-negara APEC yang lain seperti Hong Kong, Mexico, Brunei, China, Vietnam, Indonesia, Singapore, Filipina, Jepun, Kanada, Amerika Syarikat dan wakil dari organisasi seperti UNCITRAL, The Hague Conference, The Asian Development Bank, World Bank dan UNIDROIT.

Pengisian Bengkel APEC berkaitan Workshop on Secured Transaction Reform: Developing Tailored Approaches for Common Law and Civil Law Jurisdictions

APEC Workshop on Secured Transaction Reform: Developing Tailored Approaches for Common Law and Civil Law Jurisdictions

Perbincangan mengenai *capacity building* dalam transaksi bercagar (*secured transaction*) dengan pakar dari Kozolchyk National Law Center (NatLaw), UNIDROIT dan Melbourne Law School.

Memperolehi maklumat dan perspektif pakar berkaitan *warehouse receipts* dan *principles on digital assets*.

PENGISIAN BENGKEL

Mempelajari perkembangan terbaru berkaitan *intellectual property financing*.

Membincangkan kekangan-kekangan yang mungkin akan dihadapi untuk melaksanakan kerangka transaksi bercagar (*secured transaction*) terutama bagi aset seperti *receivable finance*.

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**PENGLIBATAN SSM DALAM FINANCIAL ACTION
TASK FORCE (FATF) DAN NATIONAL COORDINATION
COMMITTEE TO COUNTER MONEY LAUNDERING
(NCC)**

Sepanjang tahun 2023, SSM meneruskan penglibatan secara aktif dalam inisiatif-inisiatif yang dianjurkan oleh FATF dan NCC. FATF adalah satu badan yang memantau aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di peringkat antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia melalui BNM manakala NCC pula adalah badan yang mengkoordinasi, melaksana dan memantau perkembangan aktiviti yang sama di Malaysia.

FATF menetapkan piawaian yang dikenali sebagai FATF *Recommendations* yang sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa dan perlu diikuti oleh negara-negara anggotanya bagi menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. SSM sebagai agensi di bawah KPDN telah dikenal pasti sebagai salah satu badan penguatkuasa yang boleh melaksanakan FATF *Recommendations* memandangkan fungsi utama SSM adalah mengawal selia syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan di Malaysia melalui akta-akta di bawah bidang kuasanya.

Aktiviti utama FATF adalah membuat penilaian berkala terhadap negara anggotanya berkenaan implementasi dan keberkesanan FATF *Recommendations* yang ditetapkan. Berdasarkan penilaian pada tahun 2015, jurang dan ruang untuk penambahbaikan telah dikenal pasti, antaranya ialah keperluan untuk penzahiran maklumat yang lebih telus oleh syarikat-syarikat amanah termasuk pelaporan pemunya benefisial berkaitan suatu aktiviti amanah. Jurang ini akan dinilai semula melalui proses penilaian semula oleh FATF yang dijangka akan dimulakan pada tahun 2024.

**FINANCIAL ACTION TASK FORCE (FATF) WORKING
GROUPS AND PLENARY MEETINGS**

Sebagai persediaan dalam proses penilaian semula, SSM telah dijemput untuk hadir dalam FATF Working Groups and Plenary Meetings yang diadakan di Paris, Perancis pada tahun 2023.

Mesyuarat ini terdiri daripada dua (2) sesi, yang berlangsung dari 20 hingga 24 Januari 2023 dan dari 23 hingga 27 Oktober 2023. Mesyuarat ini melibatkan tiga (3) kategori perbincangan:

- (a) Mesyuarat *Evaluations and Compliance Group* (ECG);
- (b) Mesyuarat *Policy Development Group* (PDG); dan
- (c) Mesyuarat *Plenary FATF*.

Selain SSM, Malaysia diwakili oleh pegawai dari pelbagai agensi, termasuk BNM, Labuan Financial Services Authority, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara. Penglibatan SSM adalah sangat penting kerana ia memberikan maklum balas mengenai *Recommendation 24*, yang berkaitan dengan pemunyaan benefisial legal persons dan *Recommendation 25* berkaitan pemunyaan benefisial legal arrangements yang dikeluarkan oleh FATF.

Penyertaan SSM dalam mesyuarat ini penting kerana polisi-polisi yang dicadangkan akan secara langsung mempengaruhi kerangka kawal selia dan perundangan memberi impak secara langsung terhadap polisi-polisi dan kerangka perundangan yang berkaitan dengan SSM, terutamanya AS 2016, APLT 2012 dan ASA 1949.

Berdasarkan penemuan daripada sesi pleno tersebut, Malaysia akan menjadi negara pertama yang menjalani penilaian semula di bawah Pusingan Kelima, Penilaian Bersama FATF. Perbincangan mengenai laporan penilaian bersama dijadualkan akan berlangsung pada 25 Oktober 2025. Selain itu, sesi pleno telah meluluskan penerbitan *Guidance on Beneficial Ownership* (BO) di bawah *Recommendation 24*, yang akan membantu Malaysia dalam menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) bagi entiti perniagaan di Malaysia, terutamanya dalam konteks 'hubungan' dengan entiti perniagaan asing di Malaysia.

Sidang Pleno juga meluluskan semakan terhadap *Recommendation 25* mengenai pemunyaan benefisial bagi syarikat amanah. Ulasan ini memperkenalkan keperluan untuk negara menjalankan penilaian risiko terhadap syarikat amanah, termasuk syarikat amanah asing yang mempunyai hubungan di Malaysia dan untuk menubuhkan mekanisme yang mencukupi bagi tujuan menyimpan maklumat amanah.

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN

Penglibatan SSM dalam *Financial Action Task Force (FATF) Working Groups and Plenary Meetings*

FATF WORKING GROUPS AND PLENARY MEETINGS

20 - 24 Januari 2023

23 - 27 Oktober 2023

Mesyuarat dihadiri oleh SSM:

Mesyuarat *Evaluations and Compliance Group (ECG)*

Mesyuarat *Policy Development Group (PDG)*

Mesyuarat *Plenary FAFT*

KEPUTUSAN MESYUARAT YANG MELIBATKAN TINDAKAN SSM**PENYUSUNAN PENILAIAN BERSAMA**

Malaysia dan Belgium akan menjadi dua (2) negara pertama yang dinilai di bawah Metodologi Pusingan ke-5. Perbincangan mengenai draf laporan penilaian bersama dijadualkan akan berlangsung pada Oktober 2025.

PENERBITAN PANDUAN PEMUNYAAN BENEFISIAL – R.24

Panduan ini akan membantu dalam mengemas kini penilaian Malaysia mengenai risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) yang berkaitan dengan entiti perniagaan, terutamanya dalam konteks 'hubungan' antara entiti perniagaan asing dengan Malaysia.

SEMAKAN SEMULA PIAWAIAN RECOMMENDATION 25 - R.25

Semakan semula tersebut, antara lain, memperkenalkan keperluan bagi negara-negara untuk menjalankan penilaian risiko terhadap syarikat amanah termasuk syarikat amanah asing.

Perubahan ini menekankan keperluan untuk mekanisme yang mencukupi bagi tujuan menyimpan maklumat amanah.

SESI TAKLIMAT KORPORAT BERTAJUK 'BENEFICIAL OWNERSHIP REPORTING FRAMEWORK: VERIFICATION OF BENEFICIAL OWNERSHIP INFORMATION' SEMPENA MAJLIS ULANG TAHUN SSM YANG KE-21

Pada 14 April 2023, bersempena dengan sambutan Majlis Ulang Tahun SSM yang ke-21, SSM telah menganjurkan sesi taklimat korporat bertajuk '*Beneficial Ownership Reporting Framework: Verification of Beneficial Ownership Information*'.

Sesi dalam talian ini memberikan pandangan yang bermanfaat kepada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengamal korporat dan orang awam di seluruh negara.

Objektif Pengesahan Maklumat Pemunyaian Benefisial (BO)

Kepentingan Maklumat BO yang Tepat

Tanggungjawab Memastikan Maklumat BO yang Tepat

Proses Pengesahan BO

Tanggungjawab Menyimpan dan Mengemas kini Maklumat BO secara Berterusan

Penalti berkaitan di bawah AS 2016 dan APLT 2012

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**SESI PERKONGSIAN PENGETAHUAN BERSAMA THE CHAMP**

Pada tahun 2023, pengurusan SSM menyokong pelantikan jurucakap yang dikenali sebagai 'The Champ' untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas harian berkaitan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM.

Sepanjang tahun ini, beberapa siri sesi perkongsian pengetahuan telah diadakan dengan pelbagai kementerian dan agensi, yang memberi tumpuan kepada tatacara pengendalian piawaian berkaitan pendaftaran entiti perniagaan. Sesi-sesi ini dijalankan secara dalam talian dan dihadiri oleh *The Champ*, bertujuan memupuk kerjasama dan memastikan semua wakil sentiasa bersedia untuk menjawab pertanyaan dengan berkesan.

Perincian sesi yang dijalankan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

KEMENTERIAN/ AGENSI	TOPIK	TARIKH
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	<ul style="list-style-type: none"> Panduan Homestay Malaysia; dan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaran 	3 Ogos 2023
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (JKM, KPWKM)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Pendaftaran Pusat Jagaan; dan Prosedur Pendaftaran Taska 	8 Ogos 2023
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Swasta dan Pusat Tuisyen 	15 Ogos 2023
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Pendaftaran Sekolah Islam 	15 Ogos 2023
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Permohonan Lesen Pemberi Pinjam Wang; dan Prosedur Permohonan Pemegang Pajak Gadai 	17 Oktober 2023
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Pendaftaran Pembekal dan Pengenalan Kod Bidang Bekalan dan Perkhidmatan 	24 Oktober 2023
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pengenalan kepada Kod Penghusus 	24 Oktober 2023

TAKLIMAT TRANSFORMASI IDENTITI DIGITAL MELALUI SSM BIZTRUST

Taklimat mengenai Transformasi Identiti Digital melalui SSM *BizTrust* adalah kesinambungan daripada sesi taklimat *Coaching One-to-One SSM BizTrust* yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019.

Taklimat-taklimat ini dilaksanakan bertujuan untuk melibatkan wakil agensi dan pihak berkepentingan, termasuk rakan strategik SSM seperti FAMA, PERNAS dan SiteGiant.

Ia dilaksanakan secara dalam talian dalam satu (1) siri dari Januari hingga Disember 2023, sesi-sesi ini menarasarkan orang awam dan komuniti perniagaan, terutamanya mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan melalui platform dalam talian. Berikut adalah senarai taklimat yang dianjurkan sepanjang tahun 2023:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Taklimat SSM <i>BizTrust</i> #1	25 Januari 2023	9
Taklimat SSM <i>BizTrust</i> #2	22 Februari 2023	8
Taklimat SSM <i>BizTrust</i> #3	22 Mac 2023	7
Taklimat SSM <i>BizTrust</i> #4	19 April 2023	68

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Taklimat SSM BizTrust #5	24 Mei 2023	6
Taklimat SSM BizTrust #6	21 Jun 2023	10
Taklimat SSM BizTrust #7	26 Julai 2023	8
Taklimat SSM BizTrust #8	23 Ogos 2023	18
Taklimat SSM BizTrust #9	20 September 2023	17
Taklimat SSM BizTrust #10	25 Oktober 2023	19
Taklimat SSM BizTrust #11	29 November 2023	52
Taklimat SSM BizTrust #12	20 Disember 2023	27

SSM BIZTRUST SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA INISIATIF NASIONAL

SSM turut terlibat secara langsung dalam Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan 2.0 yang berperanan dalam memperkuatkannya digitalisasi di kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui e-dagang dan penerimangunaan teknologi inovatif.

Dalam hal ini, SSM bekerjasama rapat dengan KPDN di bawah pelaksanaan *Improve promotional efforts for existing online business verification programmes*; di mana SSM adalah bertanggungjawab ke atas sasaran pendaftaran entiti perniagaan dalam talian yang mengaplikasikan penggunaan Kod QR SSM BizTrust berdasarkan pemilihan dua (2) kod MSIC: 47912 dan 47914.

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2023, sebanyak 111,252 entiti perniagaan dalam talian yang telah mengaplikasikan Kod QR SSM BizTrust ini berdasarkan pemilihan kod MSIC tersebut.

KURSUS SOLUSI PERNIAGAAN MELALUI PEMASARAN DIGITAL

Lanjutan daripada pelaksanaan jalinan kerjasama sebagai rakan strategik pendigitalan melalui pemeteraian MoU antara SSM dan FAMA, SSM telah dijemput untuk menyertai lapan (8) sesi Kursus Solusi Perniagaan Melalui Pemasaran Digital anjuran FAMA.

Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran serta pengetahuan usahawan menerusi pelbagai program latihan *up-skilling* dan *re-skilling* keusahawanan digital. Selain khidmat nasihat serta hebahan berhubung keperluan serta faedah-faedah pendaftaran perniagaan, peserta turut didedahkan berkaitan potensi dalam perniagaan melalui media sosial dan penggunaan Google Ads dalam memasarkan produk mereka.

Kursus ini telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 di pelbagai lokasi seperti berikut:

LOKASI	TARIKH	PESERTA
Kompleks Eureka, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang	15 Mac 2023	50
Kota Bharu, Kelantan	23 Mei 2023	50
Alor Setar, Kedah	29 Mei 2023	50
Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang	6 Jun 2023	50
Bangunan Fama Point, Bandar Baru Selayang, Selangor	10 Jun 2023	50
Plaza Mahkota, Melaka	13 Jun 2023	50
Kota Kinabalu, Sabah	19 Jun 2023	50
Akademi Percubaan Malaysia, Kuching, Sarawak	26 Jun 2023	50

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA SSM DAN PERNAS PADA 4 MAC 2023**

Pada 4 Mac 2023, PERNAS iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (MEDAC), telah memeterai MoU bersama SSM bagi menjalankan kerjasama. MoU bertujuan untuk memberikan maklumat berhubung keperluan dan kepentingan serta faedah-faedah pendaftaran perniagaan kepada komuniti perniagaan di bawah seliaan PERNAS.

MoU ini menggariskan beberapa objektif utama, termasuk:

- (a) **Meningkatkan Promosi dan Latihan:** Memperkasakan usaha untuk menyebarluas dan mempromosikan perkhidmatan serta produk SSM melalui latihan, pendidikan dan khidmat nasihat;
- (b) **Insentif SSM:** Memberi maklumat kepada usahawan yang layak mengenai pelbagai insentif SSM, seperti Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) dan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P); dan
- (c) **Mempromosikan Kod QR SSM BizTrust:** Menggalakkan komuniti perniagaan untuk menggunakan Kod QR SSM BizTrust, terutamanya di platform eCommerce Pybli.

Kerjasama ini bertujuan memperkasakan usahawan dengan menyediakan sumber serta sokongan penting untuk memperkuuh operasi perniagaan mereka dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pendaftaran.

**KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KBPP)**

Melalui pelaksanaan KBPP, SSM secara aktif mempelbagaikan inisiatifnya untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatannya. KBPP berfungsi sebagai platform bergerak yang bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti kepada usahawan yang berpotensi. Aktiviti yang ditawarkan melalui KBPP termasuklah:

- (a) Pengaktifan ID Pengguna EzBiz Online;
- (b) Mempromosikan produk dan perkhidmatan SSM termasuk perkhidmatan EzBiz On The Go;
- (c) Penyediaan Kaunter Khidmat Nasihat Perniagaan; dan
- (d) Taklimat Pendaftaran Perniagaan.

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**AKTIVITI PROMOSI SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)**

Salah satu (1) aspek utama dalam program KBPP adalah sesi taklimat yang bertujuan membincangkan keperluan serta faedah-faedah pendaftaran perniagaan, selain mengetengahkan inisiatif-inisiatif yang ditawarkan oleh SSM.

Inisiatif SSM yang menjadi fokus di bawah APP 1956 adalah SPPP yang merupakan inisiatif bagi memberi peluang kepada golongan usahawan Kumpulan B40, Pelajar IPT Sepenuh Masa serta pasangan suami dan isteri usahawan Kumpulan B40 untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma.

Sehingga 31 Disember 2023, komitmen SSM dalam mempergiatkan hebahan dan pendedahan menerusi penyertaan aktif KBPP di dalam 132 program yang disertai termasuk jemputan taklimat dengan penglibatan lebih daripada 8,217 peserta sekitar Lembah Klang. Ini tidak hanya memberi impak positif terhadap pertumbuhan perniagaan individu, tetapi juga memberikan sumbangan yang berterusan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Taklimat SPPP sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Gombak	12 Januari 2023	41
Taklimat dan Pendaftaran Syarikat	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Petaling Jaya	15 Februari 2023	62
SSM Zoomers No. 1/2023	SSM	16 Februari 2023	20
SSM Zoomers No. 2/2023	SSM	16 Februari 2023	15
SSM Zoomers No. 3/2023	SSM	18 Februari 2023	17
SSM Zoomers No. 4/2023	SSM	18 Februari 2023	16
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	22 Februari 2023	29
Hari Bersama SSM	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	23 Februari 2023	30
Knowledge Transfer Programme (KTP)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	26 Februari 2023	23
Skim Bantuan Asnafpreneur TEKUN-SSM	Tekun Nasional (TEKUN)/SSM	28 Februari 2023	30
Business In Transformation Expo (BITE) 2023	Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	5 Mac 2023	30
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Selayang	13 Mac 2023	40
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	15 Mac 2023	35
Program Libat Urus Berkaitan Keselamatan Barang Automotif	KPDN	16 Mac 2023	32
Pembukaan Kaunter Perkhidmatan/ Promosi Bersempena Taklimat Pematuhan Korporat No. 1/2023	SSM	21 Mac 2023	58
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Cheras	27 Mac 2023	30

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Wangsa Maju	28 Mac 2023	42
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Seputeh	29 Mac 2023	12
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Segambut	30 Mac 2023	12
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	31 Mac 2023	103
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Bandar Tun Razak	3 April 2023	30
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Titiwangsa	4 April 2023	25
SSM Zoomers Jelajah Rahmah Ramadan	SSM	4 April 2023	13
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	GIATMARA Setiawangsa	6 April 2023	33
SSM Zoomers Jelajah Rahmah Ramadan	SSM	6 April 2023	27
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Kuala Lumpur	7 April 2023	45
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Kepong	10 April 2023	12
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Lembah Pantai	11 April 2023	7
SSM Zoomers Jelajah Rahmah Ramadan	SSM	11 April 2023	18
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan KBPP	GIATMARA Putrajaya	12 April 2023	29
SSM Zoomers Jelajah Rahmah Ramada	SSM	13 April 2023	14
Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-21 (MSUSSM21)	SSM	13 – 14 April 2023	75
Taklimat Pengenalan kepada Pendaftaran Perniagaan & Peruntukan di bawah APP 1956	SSM	17 April 2023	150
Taklimat Pendaftaran Perniagaan di bawah APP 1956 (Prosedur dan Proses Kerja)	SSM	18 April 2023	150
Bengkel Asas Perniagaan dan Keusahawanan	Carlie Group	18 Mei 2023	47
Francais Antarabangsa Malaysia	Persatuan Francais Malaysia (MFA)	18 – 20 Mei 2023	63
Majlis MoU SSM-UiTOM	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam	22 Mei 2023	17
Kaunter Pendaftaran Perniagaan UiTM	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam	23 Mei 2023	486

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Taklimat dan Pendaftaran Perniagaan PERHEBAT	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	25 Mei 2023	60
Jelajah Genta Peringkat Kebangsaan	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	28 Mei 2023	42
Pendaftaran Perniagaan Bersama PEDi	Pusat Ekonomi Digital (PEDi)	29 Mei 2023	309
Mini Karnival Jom Cari Kerja	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	31 Mei 2023	24
Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (Minggu PMKS) 2023 Zon Utara	SME Corporation Malaysia (SME Corp)	2 - 5 Jun 2023	33
Jelajah Genta Belia Peringkat Daerah Hulu Langat 2023	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor	3 Jun 2023	28
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan	SSM	9 Jun 2023	40
Transformasi Identiti Digital Melalui Kod QR SSM BizTrust	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	10 Jun 2023	25
Ekspo STEM SP 2023	Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)	10 Jun 2023	37
Sambutan Hari Belia Negara	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor	11 Jun 2023	43
Pembukaan Kaunter Pendaftaran SSM	SSM	14 Jun 2023	30
Jelajah Genta Belia Peringkat Daerah Kuala Selangor 2023	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor	17 Jun 2023	23
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	Universiti Malaya	17 Jun 2023	31
Grab Malaysia	SSM	17 Jun 2023	35
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam	18 Jun 2023	48
Pengenalan kepada SSM dan Pendaftaran Perniagaan	SSM	22 Jun 2023	49
Pendaftaran Perniagaan dan Inisiatif SSM (SPPP, S1O1P dan SSM BizTrust)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)/ SSM	22 Jun 2023	49
Pendaftaran Perniagaan dan Inisiatif SSM (SPPP, S1O1P dan SSM BizTrust)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)/ SSM	26 Jun 2023	15
Pendaftaran Perniagaan dan Inisiatif SSM (SPPP, S1O1P dan SSM BizTrust)	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)/ SSM	27 Jun 2023	317
Konvensyen Inovasi Sosial	Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)	4 - 6 Julai 2023	53
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	5 Julai 2023	36

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Seminar Pemformalan Perniagaan	Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP)	6 Julai 2023	23
Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2023	SME Corporation Malaysia (SME Corp.)	7 – 9 Julai 2023	26
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	8 Julai 2023	49
Kursus Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar	Kelab Belia Transformasi	11 Julai 2023	22
Jemputan Pembukaan Kaunter Pendaftaran Perniagaan	SSM	13 Julai 2023	33
Jemputan Pembukaan Kaunter Pendaftaran Perniagaan	SSM	21 Julai 2023	24
Jelajah Genta Peringkat Daerah Kuala Langat	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor	22 Julai 2023	22
Orientasi Obe 1 Diploma	Kolej Vokasional ERT Setapak (KVERTS)	24 Julai 2023	160
<i>Softskills Enhancing Entrepreneurial Development (SEED)</i>	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia)	24 Julai 2023	55
Persidangan Kebangsaan SSM 2023	SSM	25 – 26 Julai 2023	34
Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2023	KPDN	28 – 30 Julai 2023	64
Jelajah Rahmah Peringkat Negeri Sembilan	KPDN	29 Julai 2023	41
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	Pusat Ekonomi Digital (PEDi)	31 Julai 2023	119
Program TUBE TVET MARA 2023	SME Corporation Malaysia (SME Corp.)	1 Ogos 2023	55
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	2 Ogos 2023	113
Majlis Memperingati Negarawan Tun Dr. Ismail Al-Haj	Kementerian Komunikasi & Digital	2 Ogos 2023	24
Majlis Menandatangi MoU Antara KPT-SSM	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)/ SSM	3 Ogos 2023	32
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	5 Ogos 2023	22
Keperluan dan Faedah Mendaftarkan Perniagaan Dengan SSM Bersama MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)	16 Ogos 2023	84
Analisa Kewangan Business Owner	Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP)	19 Ogos 2023	43

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Program Pegawai Bertauliah (CEIO) Siri 35 Bil. 2/2023	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	22 Ogos 2023	25
Taklimat SPPP	GIATMARA Gombak	23 Ogos 2023	36
Kursus Asas Pemasaran Kreatif Melalui Aplikasi Canva	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	27 Ogos 2023	26
<i>Entrepreneur and Leadership Forum</i>	<i>Malaysian Indian Muslim Chamber of Commerce & Industry (MIMCOIN)</i>	30 Ogos 2023	15
Ekspo Malaysia Halal 2023	Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)	1 – 3 September 2023	32
National Climate Governance Summit 2023	Climate Government Malaysia (CGM)/ SSM	5 – 7 September 2023	21
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM (kepada Usahawan Produk Sedia Ada Termasuklah Golongan Artis di bawah Kelolaan Persatuan Karyawan Malaysia)	KPDN	6 September 2023	35
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	7 September 2023	67
Program Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil ‘Road-To-HPPK’ Tahun 2023	Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP)	8 September 2023	27
Taklimat SPPP bagi GIATMARA Wilayah Persekutuan 2023	GIATMARA Titiwangsa	13 September 2023	33
Taklimat SPPP bagi GIATMARA Wilayah Persekutuan 2023	GIATMARA Putrajaya	14 September 2023	13
Taklimat Pendaftaran Perniagaan, Program TUBE	SME Corporation Malaysia (SME Corp.)	14 September 2023	350
Program IP CARE	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	14 September 2023	23
Taklimat SPPP bagi GIATMARA Wilayah Persekutuan 2023	GIATMARA Wangsa Maju	19 September 2023	12
Taklimat SPPP bagi GIATMARA Wilayah Persekutuan 2023	GIATMARA Kuala Lumpur	20 September 2023	34
Taklimat SPPP bagi GIATMARA Wilayah Persekutuan 2023	GIATMARA Bandar Tun Razak	21 September 2023	60
Taklimat Pendaftaran Perniagaan kepada Usahawan PEDi	Pusat Ekonomi Digital (PEDi)	25 September 2023	172
Taklimat/ Sesi Literasi Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) CIDB Berkaitan Entiti Perniagaan SSM	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)/ SSM	27 September 2023	13

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Expo PERDA (EXPERT) 2023	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA)	28 – 30 September 2023	42
Hari Terbuka Perbadanan Harta Intelek Malaysia Sempena Ulang Tahun MyIPO Ke-20	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	6 – 7 Oktober 2023	23
Taklimat Pendaftaran Perniagaan dan Inisiatif-Inisiatif SSM kepada Peniaga	Shopee Malaysia/ SSM	13 Oktober 2023	10
Jelajah Genta Belia 2023 Sempena Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kawasan Titiwangsa	Kementerian Belia & Sukan (KBS)/ Jabatan Belia & Sukan Kuala Lumpur	14 Oktober 2023	33
Taklimat SPPP	Malaysian Aids Foundation	16 Oktober 2023	50
Hari Keusahawanan UNITEN 2023	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	18 Oktober 2023	22
Program Keusahawanan 2023	Universiti Geomatika Malaysia Kuala Lumpur	19 Oktober 2023	75
Modul Daftar Perniagaan	Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK)	19 Oktober 2023	30
Kursus Sewaan kepada Penyewa Premis Majlis Perbandaran Selayang	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	18 – 19 Oktober 2023	160
Roadtour Gigpreneur Putrajaya 2023	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	24 Oktober 2023	22
Taklimat Pendaftaran Perniagaan	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	27 Oktober 2023	67
Jelajah Genta Bukit Bintang – MATIC Kuala Lumpur	Kementerian Belia & Sukan (KBS)/ Jabatan Belia & Sukan Kuala Lumpur	28 – 29 Oktober 2023	33
Kursus Asas Keusahawanan (KAK)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	28 Oktober 2023	27
SSM BizStart Siri 4/2023	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)/ SSM	30 Oktober 2023	287
The National Human Capital Conference & Exhibition Centre (NHCCE) 2023	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp.)	30 – 31 Oktober 2023	21
Majlis Hari Terbuka MyCC 2023	Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)	31 Oktober 2023	25
SSM BizStart Siri 5/2023	SSM	3 November 2023	290
Taklimat SPPP	Institut Kemahiran Baitulmal	3 November 2023	100
Pemerkasaan Celik OKU – Pantai Dalam	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)/ SSM	5 November 2023	38
Taklimat SPPP	Universiti Putra Malaysia (UPM)/ SSM	9 November 2023	10

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Program Fit Zakat 2023	Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP)	18 November 2023	22
SSM BizStart Siri 6/2023	SSM	21 November 2023	264
SSM BizStart Siri 7/2023	SSM	22 November 2023	249
Taklimat SPPP	Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UNIKL BMI), Gombak	22 November 2023	100
Taklimat SPPP	Pusat Ekonomi Digital (PEDi)	27 November 2023	113
Prosedur Pendaftaran Perniagaan	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	28 November 2023	15
Simposium Kos Sara Hidup	KPDN	28 – 29 November 2023	38
Taklimat dan Penerangan Prosedur Pendaftaran Perniagaan	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	29 November 2023	243
Taklimat SPPP	Mereka Group, Yayasan Petronas & Microsoft	30 November 2023	50
Semarak Niaga Usahawan	SSM	4 Disember 2023	37
Setahun Bersama Kerajaan Madani	Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU), Pejabat Perdana Menteri	8 – 10 Disember 2023	150
Pupuk Bersama AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	12 Disember 2023	5
Program Siswapreneur	International Islamic College	14 Disember 2023	120
Karnival Barang Malaysia	KPDN	13 – 17 Disember 2023	78
Taklimat SPPP	Pusat Ekonomi Digital (PEDi)	26 Disember 2023	64
Jumlah Keseluruhan			8,217

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**PERKHIDMATAN EZBIZ ON THE GO**

SSM berjaya melaksanakan perkhidmatan EzBiz On The Go untuk meningkatkan pendedahan dan mempromosikan pemasaran produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM, di samping memberikan perkhidmatan kaunter di lokasi-lokasi terpilih sambil memberi taklimat kepada orang ramai.

Selain menggunakan bas, EzBiz On The Go telah meluaskan jangkauannya dengan memperkenalkan kenderaan pacuan empat roda yang dikenali sebagai SSM Zoomers. Kenderaan ini dilancarkan oleh Allahyarham Menteri PDN, Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, pada 13 April 2023.

Berikut adalah senarai lokasi yang dilawati oleh perkhidmatan EzBiz On The Go:

SSM Zoomers

LOKASI	TARIKH	PENDAFTARAN
Pusat Penjaja Medan Selera Sri Rampai, Kuala Lumpur	16 Februari 2023	15
Tapak Peniaga Ampang	16 Februari 2023	10
Pusat Penjaja Paya Jaras, Sungai Buloh	18 Februari 2023	11
Pasar Jinjang Utara, Kuala Lumpur	18 Februari 2023	16
Bazaar Ramadan Taman Tasik Permaisuri, Cheras	4 April 2023	13
Bazaar Ramadan Jalan Kuching, Kuala Lumpur	6 April 2023	27
Bazaar Ramadan Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam, Kuala Lumpur	11 April 2023	18
Bazaar Ramadan Desa Pandan, Kuala Lumpur	13 April 2023	14
JUMLAH		124

Bas EzBiz On The Go

PROGRAM	PENGANJUR	TARIKH	PESERTA
Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (Minggu PMKS) 2023 Zon Utara	SME Corporation Malaysia (SME Corp.)	2 - 5 Jun 2023	33
Ekspo STEM SP 2023	Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)	10 Jun 2023	37
Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang (Minggu PMKS dan Minggu Usahawan Negara (MUN) 2023	SME Corporation Malaysia (SME Corp) and Kerajaan Negeri Pahang	23 - 25 Jun 2023	22
Jelajah Genta Peringkat Daerah Kuala Langat	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor	22 Julai 2023	22
Ekspo PERDA (EXPERT) 2023	Penang Regional Development Authority (PERDA)	28 September - 1 Oktober 2023	42
Program Semarak Daya Niaga Usahawan	SSM	4 Disember 2023	37
Karnival Barang Malaysia	KPDN	8 - 10 Disember 2023	150
JUMLAH			343

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**PROGRAM SSM BIZSTART 2023**

Penganjuran Program SSM BizStart 2023 menandakan satu (1) langkah proaktif dalam aktiviti kerjasama strategik melalui MoU antara SSM dan juga pihak-pihak berkepentingan. Fokus utama program ini adalah dalam menawarkan pengetahuan yang mendalam berkaitan pendaftaran perniagaan kepada komuniti usahawan dan bakal usahawan sebelum memulakan perniagaan mereka sendiri.

Melalui perancangan yang teliti, program ini direka untuk memberikan pendedahan yang holistik, melibatkan pemain industri yang pakar dalam bidang masing-masing. Aspek yang dibincangkan adalah merangkumi pendaftaran perniagaan, penyusunan rancangan perniagaan, pemilihan platform perniagaan, fasiliti perniagaan dan pengurusan kewangan perniagaan. Beberapa rakan strategik SSM yang terlibat adalah seperti INSKEN, PERNAS, FAMA, AIM dan BSN.

Selain itu, penganjuran program ini juga bertujuan memberikan motivasi kepada Pelajar IPT dan Kumpulan B40 untuk mengembangkan minat dalam menjadikan perniagaan sebagai satu pilihan kerjaya. Sebanyak tujuh (7) program telah dilaksanakan secara dalam talian dan fizikal dengan seramai 1,457 peserta yang telah hadir sepanjang tahun 2023. Antara lokasi penganjuran program ini adalah seperti berikut:

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

- (a) Program SSM BizStart Siri 1/2023 – Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Puncak Alam;
- (b) Program SSM BizStart Siri 2/2023 – platform MsTeam;
- (c) Program SSM BizStart Siri 5/2023 – Fakulti Perakaunan, UiTM Kampus Puncak Alam;
- (d) Program SSM BizStart Siri 6/2023 – Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Puncak Alam; dan
- (e) Program SSM BizStart Siri 7/2023 – Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Puncak Alam.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- (a) Program SSM BizStart Siri 3/2023 – platform MsTeam; dan
- (b) Program SSM BizStart Siri 4/2023 – platform MsTeam.

PROGRAM JELAJAH RAHMAH SSM

Penganjuran program Jelajah Rahmah SSM telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan di sekitar kawasan bazaar Kuala Lumpur. Program ini melibatkan aktiviti EzBiz On The Go dengan menggunakan SSM Zoomers seperti berikut:

- (a) Kaunter pengaktifan akaun pengguna EzBiz Online;
- (b) Promosi SPPP dan S1O1P; dan
- (c) Khidmat nasihat perniagaan.

Flag-off Jelajah Rahmah SSM ini telah disempurnakan oleh YB. Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri PDN yang turut disaksikan oleh Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM, Anggota-Anggota Suruhanjaya dan YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz, KPE SSM pada 13 April 2023 semasa MSUSSM21.

SESI TAKLIMAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN KEPADA USAHAWAN PUSAT EKONOMI DIGITAL (PEDI)

SSM sentiasa komited dalam membantu menjayakan program PEDi anjuran SKMM melalui sesi taklimat pendaftaran perniagaan yang dilaksanakan secara dalam talian. Sesi taklimat ini adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan mikro yang menggunakan teknologi digital dan seterusnya ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi serta memperkasakan modal insan dalam kalangan masyarakat luar bandar dan miskin bandar.

Kerjasama ini merupakan salah satu (1) aktiviti di bawah Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) yang dianjurkan pada setiap bulan bermula Mei 2023. Melalui program ini, SSM dijemput untuk memberi penerangan mengenai pendaftaran perniagaan, tawaran inisiatif SPPP termasuk Kod QR SSM BizTrust kepada golongan sasaran iaitu usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar IPT Sepenuh Masa.

Program ini telah menarik minat seramai 775 peserta yang terdiri daripada peserta seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak melalui penganjuran sebanyak lima (5) sesi taklimat.

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**PROGRAM BIMBINGAN USAHAWAN 2023 (PBU23)**

PBU23 dirancang untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti perniagaan mengenai kepentingan pendaftaran perniagaan. Program ini berfungsi sebagai platform yang sangat baik untuk meneroka pengetahuan berkaitan keusahawanan dan memberikan pendedahan yang berharga mengenai amalan perniagaan yang beretika kepada kumpulan sasaran, membantu mereka dalam meningkatkan status ekonomi mereka melalui aktiviti perniagaan.

Komponen utama program ini termasuk:

- (a) **Keperluan untuk Mendaftar Perniagaan:** Peserta diberikan maklumat mengenai keperluan perundangan dan prosedur pendaftaran perniagaan di Malaysia;
- (b) **Manfaat Mendaftar Perniagaan:** Program ini memberi penekanan kepada manfaat mendaftarkan perniagaan secara sah, termasuk perniagaan diperakui sah di sisi undang-undang, akses kepada bantuan dan insentif kerajaan serta peningkatan kredibiliti di kalangan pelanggan dan rakan niaga;
- (c) **Strategi Pengurusan Kewangan:** Usahawan diberikan pandangan mengenai amalan pengurusan kewangan yang efektif dan sesuai untuk perniagaan mereka;
- (d) **Kaedah Pemasaran Digital:** Program ini merangkumi strategi dan teknik pemasaran digital untuk membantu usahawan mengembangkan dan memajukan perniagaan secara dalam talian; dan
- (e) **Sesi Perkongsian Pengetahuan Bersama Usahawan Berjaya:** Peserta berpeluang untuk belajar daripada usahawan telah berjaya dan berpengalaman, mendapatkan pandangan berharga serta strategi praktikal yang boleh diaplikasikan untuk mengukuhkan kejayaan perniagaan mereka.

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
PBU Siri 1	18 Mei 2023	Dewan BCIC Lodge, Kuantan Pahang	424
PBU Siri 2	19 Ogos 2023	Dewan Jamuan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	703
PBU Siri 3	27 Ogos 2023	Johor Bahru	430
PBU Siri 4	10 Disember 2023	Dewan Centennial Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar	494
JUMLAH			2,051



LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**PROGRAM USAHAWAN MUDA 2023 (PUM23)**

PUM23 adalah program pendidikan yang memfokuskan kepada pelajar dari institusi pengajian tinggi, memainkan peranan penting dalam menjana minat terhadap keusahawanan di kalangan golongan muda, khususnya pelajar sepenuh masa dari universiti serta institusi teknikal dan vokasional. Dengan panduan berguna tentang pendaftaran perniagaan, pengurusan kewangan dan pemasaran digital, program ini melengkapkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang penting untuk memulakan dan mengendalikan perniagaan mereka.

Ketersediaan SPPP SSM dan sistem pendaftaran perniagaan yang mesra pengguna melalui EzBiz Online telah memudahkan proses pendaftaran perniagaan bagi usahawan muda yang bercita-cita tinggi. Inisiatif ini bertujuan untuk menghapuskankekangan bagi individu muda yang berminat untuk memulakan perniagaan mereka, menjadikan proses tersebut lebih mudah diakses dan kos efektif. Dengan menawarkan perkhidmatan pendaftaran perniagaan percuma dan platform digital yang mesra pengguna, SSM menggalakkan dan menyokong usahawan muda untuk merealisasikan idea perniagaan mereka, sekaligus merangsang inovasi dan pertumbuhan ekonomi di negara ini.

Menggalakkan keusahawanan melalui program seperti PUM23 adalah penting untuk pembangunan ekonomi Malaysia. Menggalakkan pelajar untuk mempertimbangkan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang berdaya maju bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi negara tetapi juga memberdayakan golongan muda Malaysia untuk mengambil alih masa depan mereka. Dengan memberikan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia perniagaan, PUM23 memainkan peranan penting dalam memupuk budaya inovasi dan keusahawanan di kalangan belia.

Penyertaan 4,724 pelajar pada tahun 2023 menunjukkan impak program ini dalam membekalkan golongan muda Malaysia dengan keyakinan dan keupayaan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Ini seterusnya menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran dan mendorong pertumbuhan ekonomi di negara ini.

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN

PROGRAM	TARIKH	LOKASI	PESERTA
PUM Johor	26 Februari 2023	Politeknik Ibrahim Sultan	647
PUM Perak	25 September 2023	Dalam Talian	1,936
PUM Sabah	28 November 2023	Dalam Talian	2,141
JUMLAH			4,724

**WAKALAH ZAKAT KORPORAT (WZK) DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SSM**

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, SSM bersama-sama mendukung aspirasi Kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti agihan WZK dan CSR. Ia merupakan inisiatif SSM dalam menunjukkan keprihatinan terhadap nasib golongan yang terpinggir serta kurang berkemampuan dan beriltizam untuk menyantuni golongan yang memerlukan ini demi memelihara kebijakan serta kesejahteraan masyarakat.

Untuk melaksanakan inisiatif ini dengan berkesan, SSM telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (JPZCSR) pada 1 Januari 2021. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menguruskan dana wakalah zakat SSM dan inisiatif CSR, termasuk penilaian dan pelaksanaan yang teliti dalam pengagihan dana kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Pada tahun 2023, JPZCSR telah menganjurkan pelbagai program komuniti di bawah WZK dan CSR, seperti yang dinyatakan di bawah:

Program-program di bawah WZK SSM:

- (a) **Program Pembangunan Komuniti Berstruktur, SSM – Agrobank** dengan sumbangan bernilai RM220,000;
- (b) **Program Skim Bantuan Asnafpreneur Tekun-SSM** dengan sumbangan berjumlah RM200,000 kepada 100 orang usahawan;
- (c) **Program Asnafpreneur – Be Your Own Boss, SSM – Pernas** dengan sumbangan bernilai RM200,000;
- (d) **Sumbangan berbentuk peralatan perubatan** bernilai RM181,300 kepada Hospital Queen Elizabeth 1;

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

- (e) **Sumbangan Klinik Bergerak Waqaf An-Nur MUIS** bernilai RM350,000;
- (f) **Sumbangan kepada asnaf fakir/ miskin, asnaf fisabilillah dan individu dari golongan B40** melalui PBU dan PUM berjumlah RM196,600; dan
- (g) **Projek Van Jenazah ‘Road To Jannah’** berjumlah RM1.4 juta bagi pembelian 10 van jenazah kepada 10 negeri yang terpilih.

Program-program di bawah CSR SSM:

- (a) **Sumbangan bernilai RM33,000** kepada 11 buah sekolah sempena Program Belia Berinovasi: Aspirasi Keluarga Malaysia - Myipo;
- (b) **Sumbangan berjumlah RM17,000** kepada 34 orang pelajar B40 dari 11 institusi pengajian tinggi sekitar Johor sempena PUM23 Peringkat Negeri Johor;
- (c) **Sumbangan berjumlah RM10,000** kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM);
- (d) **Sumbangan berjumlah RM10,000** kepada Pertubuhan Kebajikan Garuda Timur (GATIM);
- (e) **Program Prihatin Ummah Sebarkan Rahmah:** Akuk Nak Skolah dengan sumbangan berjumlah RM19,687 kepada Pertubuhan Kebajikan Jasa Murni Malaysia (PKJMM);
- (f) **Sumbangan sebanyak RM300** kepada 62 mangsa fenomena bencana air padang yang melanda di Tg. Aru Sabah;
- (g) **Sumbangan sebanyak RM300** kepada 119 mangsa fenomena bencana air pasang yang melanda di Kg. Forest, Sandakan, Sabah;
- (h) **Sumbangan sebanyak RM9,000** kepada 60 orang pelajar daripada Kolej Komuniti Mas Gading dan Maktab Rendah Sains Mara, Kuching, Sarawak yang terdiri daripada keluarga B40;
- (i) **Sumbangan sebanyak RM15,000** kepada lima (5) buah pusat kebajikan sempena Majlis Perasmian Bangunan SSM Melaka;
- (j) **Sumbangan sebanyak RM29,000** kepada lima (5) buah pusat kebajikan dan empat (4) individu B40 sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM ke-21;
- (k) **Sumbangan sebanyak RM40,000** kepada empat (4) pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sempena Program Jelajah YBM KPDN;
- (l) **Sumbangan sebanyak RM5,000** kepada BERNAMA sebagai sumbangan tajaan sempena Hari Keluarga Kesatuan Pekerja-Pekerja BERNAMA 2023;
- (m) **Sumbangan sebanyak RM20,000** kepada Pertubuhan Kebajikan Garuda Timur (GATIM);
- (n) **Sumbangan sebanyak RM7,500** kepada Malaysian Press Institute (MPI) sempena Malam Wartawan Malaysia (MWM) 2023;
- (o) **Sumbangan sebanyak RM35,500** kepada Persatuan Kebajikan Sukarelawan Johor Rahmah (RAHMAH);
- (p) **Sumbangan sebanyak RM10,000** kepada Malaysian Franchise Association (MFA);
- (q) **Sumbangan sebanyak RM7,700** kepada Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (PKRM);

LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

- (r) **Sumbangan sebanyak RM5,400** kepada 36 orang pelajar B40 (melalui Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak (IPGKTAR);
- (s) **Sumbangan sebanyak RM9,000** kepada 30 individu B40 daripada pusat-pusat kebajikan di negeri Kedah;
- (t) **Sumbangan sebanyak RM10,650** kepada 71 orang murid yang kurang berkemampuan daripada tiga buah sekolah;
- (u) **Sumbangan sebanyak RM8,049** kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- (v) **Sumbangan sebanyak RM8,000** kepada Persatuan Permata Dabong;
- (w) **Sumbangan sebanyak RM9,000** kepada tiga (3) pusat Kebajikan di Selangor;
- (x) **Sumbangan sebanyak RM25,300** kepada 54 orang anak pekerja SSM yang memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang;
- (y) **Sumbangan sebanyak RM5,000** kepada Rumah Kanak-Kanak Don Bosco, Kundasang;
- (z) **Sumbangan sebanyak RM96,600** kepada 13 orang pesara SSM dan 10 buah rumah Kebajikan semasa Majlis Perhimpunan Akhir Tahun SSM 2023 dan Program Santuni Pesara SSM & Rumah Kebajikan;
- (aa) **Sumbangan sebanyak RM96,600** kepada RM20,000 kepada 20 orang penjaja B40 sempena Program Semarak Daya Niaga Usahawan;
- (ab) **Sumbangan sebanyak RM3,000** kepada Persatuan Kebajikan Hemah Tinggi Alor Setar sempena penganjuran Program Bimbingan Usahawan 2023 Zon Utara (Kedah/ Perlis); dan
- (ac) **Sumbangan sebanyak RM18,000** kepada tiga (3) orang pekerja SSM yang diuji dengan masalah kesihatan.

Maklumat agihan Dana WZK 2021 kepada semua Pejabat Negeri/ Cawangan SSM sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN	AGIHAN (RM)	PENERIMA
Pejabat SSM Negeri Selangor	97,000.00	381
Pejabat SSM Negeri Johor	91,400.00	374
Pejabat SSM Negeri Pulau Pinang	121,550.00	485
Pejabat SSM Negeri Perak	42,600.00	191
Pejabat Negeri SSM Negeri Sembilan	66,000.00	22
Pejabat SSM Negeri Melaka	21,475.00	3
Pejabat SSM Negeri Kedah	78,500.00	337
Pejabat SSM Negeri Kelantan	100,000.00	217
Pejabat SSM Negeri Terengganu	100,000.00	108
Pejabat SSM Negeri Pahang	45,000.00	10
Pejabat SSM Negeri Sabah	100,000.00	310
Pejabat SSM Negeri Sarawak	30,000.00	117
Pejabat SSM Cawangan Perlis	50,000.00	2
Pejabat SSM Cawangan Labuan	53,000.00	77
JUMLAH	996,525.00	2,634

LAPORAN PENGURUSAN

PENLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN



LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHKAK BERKEPENTINGAN**Pelancaran Video Korporat SSM**

Pada bulan Ogos 2023, SSM dengan bangganya melancarkan Video Korporatnya, yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, semasa Perhimpunan Khas Bulan Kemerdekaan SSM. Video korporat ini berfungsi sebagai alat komunikasi yang penting, menyampaikan maklumat dan mempromosikan pelbagai produk dan perkhidmatan SSM kepada pihak berkepentingan dan orang awam. Dengan mengetengahkan komitmen organisasi terhadap kecemerlangan dan ketelusan, video ini meningkatkan identiti jenama SSM dan memupuk kesedaran yang lebih meluas tentang inisiatifnya.

Pelancaran Platform TikTok SSM

Seiring dengan peredaran masa terkini, SSM telah melancarkan platform media sosial TikTok pada Majlis Perhimpunan Awal Tahun yang diadakan pada 16 Februari 2023. Tujuan pelancaran platform TikTok ini adalah untuk memperkasakan saluran media sosial rasmi SSM bagi penyampaian maklumat kepada kumpulan sasaran. Sehingga kini, terdapat lebih 20,000 pengikut di platform TikTok, menunjukkan satu permulaan yang baik ke arah membina komuniti dalam talian yang lebih meluas dan meningkatkan interaksi dengan orang awam.

Melalui inisiatif ini, SSM bukan sahaja meningkatkan penjenamaan korporatnya tetapi juga memastikan ia kekal relevan dan mudah diakses dalam dunia yang semakin digital.